

TIMAH BUKAN PERAK
Chedet.co.cc
February 22, 2009
By Dr. Mahathir Mohamad

1. Kita sedang melihat banyak peristiwa yang pelik berlaku di Perak yang dahulu terkenal dengan timahnya. Tetapi tidak ada yang lebih lucu daripada nasihat Perdana Menteri kepada Dato' Dr Zambry Abdul Kadir, Menteri Besar Barisan Nasional supaya beliau membuat laporan polis berkenaan dengan penggantungan oleh Speaker Dewan Undangan Negeri Perak.
2. Jika keputusan yang dibuat oleh Speaker boleh dianggap sebagai satu jenayah, apa akan jadi jika Speaker Dewan Rakyat menggantung ahli pembangkang kerana apa-apa sebab? Dan ini kerap berlaku. Apakah ahli pembangkang akan lapor kepada polis? Jika boleh maka bolehlah kita anggap bahawa polis berkuasa keatas Speaker Dewan.
3. Memang ada jenayah yang boleh dilakukan oleh Tuan Speaker tetapi menggantung seseorang ahli Dewan bukanlah diantara jenayah yang boleh diambil tindakan oleh Polis.
4. Sekarang dilaporkan yang Dr Zambry akan hadir sidang Dewan Undangan Negeri Perak. Mengikut aturan peraturan Dewan, Speaker boleh arah pegawai Dewan untuk keluarkan Yang Amat Berhormat Dr Zambry dari Dewan. Dapatkah pegawai berkenaan yang bukan terdiri daripada parti Pakatan Rakyat berbuat demikian?
5. Dimana pula tempat duduk YAB Zambry? Apakata kalau YB Dato Seri Mohamed Nizar Jamaluddin duduk di tempat Menteri Besar? Apakah pegawai Dewan akan disuruh oleh Speaker untuk paksa Nizar kosongkan kerusinya? Apakah YAB Zambry akan berada di Dewan atau di luar Dewan setelah Speaker mengarah pegawai sekat YAB Zambry daripada berada dalam Dewan.
6. Bersama-samalah kita rakyat lihat akan peristiwa yang akan berlaku.

533 Comments

By Orang DapurAuthor Profile Page on February 22, 2009 7:57 PM

Salam Tun

Memang lucu.....polis lebih berkuasa dari PM...HAHAHAHAHAHA....

By Orang DapurAuthor Profile Page on February 22, 2009 8:00 PM

Ayahanda Tun,

Ngapa susah betul nak masuk blog ni???? dah tu peringgan 1 dan 4 aje yang nampak 2 dan 3 hilang??????

By towwwwgeAuthor Profile Page on February 22, 2009 8:01 PM

Salam Dearest Tun,

apalah nak jadi pada orang melayu sekarang ini...Sedih melihat mereka yang semakin gila kuasa....gila segala-galanya. Berebut pangkat, berebut kuasa, berebut air...macam-macam yang direbutkan.

teruskan perjuangan tun walaupun hanya dengan menggunakan Pena...Pena itu lebih tajam my dearest Tun...

Salam Sayang dari

-lina hj zainal-

By Hot IceAuthor Profile Page on February 22, 2009 8:03 PM

ARTIKEL PILIHAN :Untuk Mereka Yang "Mungkin" Faham Relevannya Melayu & Rajanya

Ulul Albab: Yahudi gerun keturunan Rasulullah

Oleh Abdurrahman Haqqi, Akhbar Berita Minggu 1 April 2007, ms 15

"SESUNGGUHNYA hak Rasulullah SAW tidak dapat ditunaikan oleh seseorang. Dan sesungguhnya Rasulullah SAW tidak meminta darimu lebih daripada mencintai kerabatnya! Dengan wajah apa engkau menghadap Nabi SAW ketika Baginda memberi syafaat bagimu di sisi Allah, walaupun balasan salah seorang cucunya, padahal Baginda tidak minta apa pun darimu kecuali hanya mencintainya." (Dr Muhammad Abduh Yamani, Pandangan Ahlussunah Terhadap Ahlul-bait, Terj., 35)

Ketika penulis berjalan di pusat beli-belah Alamanda di Putrajaya tidak lama dulu, penulis terserempak buku bertajuk Ahlul-bait (Keluarga Rasulullah SAW dan Kesultanan Melayu, susunan Tun Suzana Tun Othman dan Muzaffar Mohammad. Demi kecintaan kepada ahul-bait, penulis membeli buku berkenaan.

Sememangnya ia sangat informatif dan bermanfaat. Semalam, sebagai tanda terima kasih dan kesyukuran atas jasa yang tidak ternilai harganya, kita menyambut dengan meriah dan penuh khidmat Hari Keputeraan Rasulullah SAW di seluruh dunia.

Umat Islam merayakannya dengan pelbagai cara, ada dengan perarakan, zikir maulud, bacaan selawat, malah sebagai bukti negara kita adalah negara Islam, hari berkenaan dijadikan cuti umum setiap tahun.

Satu aspek yang jarang disentuh dalam kita memperingati Hari Keputeraan Rasulullah adalah tuntutan agama Islam dalam mencintai keluarga Rasulullah SAW. Dalam hadis disebutkan maksudnya: "Belum sempurna iman seorang hamba Allah sebelum cintanya kepadaku melebihi cinta kepada dirinya sendiri; sebelum cintanya kepada keturunanku melebihi cinta kepada keturunannya sendiri; sebelum cintanya kepada ahli-baitku melebihi cinta kepada keluarganya sendiri; dan sebelum cinta nya kepada zatku melebihi cinta kepada zatnya sendiri." (Riwayat at-Tabrani).

Hadis ini sebagai perluasan terhadap pemahaman ayat al-Quran yang bermaksud: "Nabi itu hendaknya lebih utama bagi orang Mukmin daripada diri mereka sendiri dan isterinya adalah menjadi ibu mereka." (Surah al-Ahzab: 6)

Dalam sistem khilafah atau kenegaraan Islam sepanjang sejarah, hal ehwal ahul-bait dimasukkan dalam satu daripada jabatan sistem perkhidmatan awamnya. Ia membuktikan pentingnya mereka dalam Islam kerana mereka adalah titipan dan pusaka Baginda kepada umatnya. Nabi bersabda maksudnya: "Kutinggalkan di tengah kalian dua pusaka (peninggalan): Kitabullah sebagai tali terentang antara langit dan bumi, dan keturunanku. Kedua-duanya itu tidak akan terpisah hingga kembali kepadaku di Haud (Telaga Nabi di syurga)." (Hadis riwayat Ahmad)

Dalam sistem itu, seperti ditulis al-Mawardi (w.450H) dalam kitabnya al-Ahkam al-Sultaniyyah, hal ehwal ahul-bait di bawah jabatan yang dipimpin seorang Naqib yang bertanggungjawab melindungi keturunan mulia supaya 'tidak termasuk ke dalamnya orang yang tidak sepatutnya dan tidak terkeluar daripadanya orang yang daripada keturunannya'.

Antara tugas Naqib yang terpenting ialah membezakan rumpun ahul-bait serta memastikan keturunan mereka dilindungi dan tidak bercampur aduk antara satu keturunan dengan keturunan lain.

Seseorang Naqib juga perlu memastikan ahlul-bait Rasulullah SAW di bawah sayapnya mempunyai budi pekerti tinggi selaras kemuliaan keturunan mereka supaya pandangan hormat masyarakat terhadap nama baik zuriat Rasulullah SAW tetap terpelihara.

Ahlul-bait mempunyai kedudukan mulia yang ditetapkan al-Quran seperti dalam ayat bermaksud: "Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan dosa daripada kamu ahlul-bait dan mensucikan kamu sesucinya." (Surah al-Ahzab: 33)

Dalam hadis ada disebutkan maksudnya: "Bintang adalah keselamatan bagi penghuni langit, sedang ahlul-baitku keselamatan bagi penghuni bumi. (Hadis riwayat at-Tabrani)

Kecintaan junjungan kepada ahlul-bait tidak perlu dipertikai. Dalam hal ini Ibnu Taimiyah ada menyebut hadis yang bermaksud: "Janganlah kalian berselawat untukku dengan 'Selawat Batra'. Sahabat bertanya: 'Wahai Rasulullah apakah yang dimaksudkan dengan 'Selawat Batra?'. Baginda menjawab: "Kalian mengucapkan: Ya Allah, limpahkan selawat kepada Muhammad, lalu kalian berhenti di situ. Ucapkanlah: Ya Allah, limpahkan selawat kepada Muhammad dan kepada keluarga (ahlul-bait) Muhamad.

Bagaimanapun, ada juga di kalangan umat Islam yang tidak memahami kedudukan sebenar ahlul-bait sehingga mereka memperkecil bahkan menghina mereka.

Aisyah RA meriwayatkan hadis yang bermaksud: "Enam macam orang yang aku mengutuk kepada mereka dan Allah mengutuk juga padahal setiap Nabi itu diperkenankan permohonannya, iaitu orang yang menambah kitab Allah; orang yang mendustakan ketentuan Allah; orang yang mengalah kepada pemerintah sombong dan kejam lalu dengan itu dia memuliakan orang yang direndahkan Allah dan merendahkan orang yang dimuliakan Allah; orang yang menghalalkan larangan Allah; orang yang menghalalkan daripada keturunanku yang Allah haramkan; dan orang yang meninggalkan sunnahku." (Hadis riwayat Tirmizi dan al-Hakim).

Dalam hadis ini disebutkan bahawa antara orang yang mendapat kutukan Baginda adalah orang yang menghalalkan daripada keturunanku yang Allah haramkan atau dengan perkataan lain tidak memberikan hak sepatutnya kepada ahlul-bait, bahkan mengambil hak mereka.

Dalam konteks kegerunan orang Yahudi terhadap ahlul-bait kerana mereka gentar pada potensi ahlul-bait yang bakal menjadi lawan setara, bak 'buku bertemu ruas' protokol cendekiawan Zionisme nombor satu ada menyatakan: "... anda akan dapat melihat kemudian bahawa ini akan membantu kemenangan kita; ia akan memberikan kita kemungkinan untuk mendapat 'kad induk' (iaitu) pembinasakan golongan bangsawan warisan (genealogical aristocracy) yang juga satu-satunya golongan menjadi pertahanan semula jadi bangsa dan negara daripada serangan kita.

Daripada pembinasakan kelas bangsawan warisan (institusi raja) yang bersifat fitrah itu kita membina golongan 'bangsawan meritokrasi' yang diketuai golongan bangsawan berduit (kapitalis). Begitu pula dalam protokol nombor tiga: "Orang yang kita bimbing berjaya membinasakan golongan (bangsawan warisan) yang (sebenarnya) adalah satu-satunya pertahanan rakyat serta 'ibu angkat' yang memanfaatkan mereka, atas keterikatan dengan kesejahteraan rakyat di bawah golongan bangsawan (warisan) ini.

Pada hari ini dengan pembinasakan golongan bangsawan (warisan) ini, rakyat jelata jatuh kepada cengkaman kapitalis dengan kezaliman mereka meletakkan rantai yang menjerut leher pekerja." Kedua-dua protokol ini diterjemahkan dalam buku yang penulis beli.

Sebagai tanda cinta dan kasih sayang Baginda terhadap umatnya yang datang kemudian, maka dijadikan ahlul-bait Baginda penyelamat di bumi seperti dalam hadis di atas.

Bahkan pada akhir zaman, ahlul-bait yang memimpin dunia ini seperti dikatakan Rasulullah bahawa pada zaman al-Mahdi nanti kambing dan serigala digembala menjadi budak bermain ular dan kala jengking.

Ular dan kala jengking tidak membahayakan sama sekali. Umat manusia akan menanam satu mud benih dan akan memetik hasil 700 mud. Riba, perzinaan dan minuman keras menjadi lenyap. Umat manusia berumur panjang, amanah ditunaikan hal yang keji lenyap dan orang yang benci ahlul-bait Rasulullah binasa.

“Dalam pada umat Islam diperdaya untuk menolak signifikan kepentingan peranan dan relevannya golongan ahlul-bait, Yahudi Zionis khususnya amat percaya sepenuhnya dan berasa takut dan tergugat pada potensi mereka. Keyakinan Yahudi Zionis pada potensi ahlul-bait Rasulullah SAW inilah yang menyebabkan mereka mengatur pelbagai perencanaan seperti terkandung dalam Protokol Cendekiawan Zionis untuk menghapuskan potensi ahlul-bait, contohnya mencemarkan nasab mereka, terutama ahlul-bait daripada baka warisan raja umat Islam yang dipanggil sebagai geneological aristocracy atau ‘bangsawan warisan’ itu. (Ahlul-Bait.. 442)

Rasulullah sebagai utusan Ilahi yang membawa rahmat menyelamatkan umat manusia dengan mengeluarkan mereka daripada kegelapan kepada terang benderang, daripada kehancuran kepada keselamatan. Dalam tugasnya itu Baginda tidak mengharapkan apa-apa upah daripada manusia kerana diserahkan kepada Allah SWT.

“Katakanlah (wahai Muhammad): Aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah (imbalan) mengenai ajaran Islam yang aku sampaikan itu, (yang aku minta) hanyalah kasih mesra dalam kekeluargaan.” (Surah Asy-Syura: 23).

Satu daripada tafsiran ayat ini adalah seperti dikatakan al-Maqrizi: “Aku tidak minta imbalan apa pun jua atas kalian atas agama yang aku bawakan kepada kalian itu, kecuali agar kalian berkasih sayang kepada keluargaku.”

Itulah satu kewajipan yang terabaikan dan ia menambah lagi senarai pengabaian kita ke atas kewajipan agama Islam suci lainnya.

By noorfaizaAuthor Profile Page on February 22, 2009 8:15 PM

Salam Tun,

Ini sudah kes teruk. Lemahnya... Abdullah!

By priss01Author Profile Page on February 22, 2009 8:32 PM

I was perplex by Polis and MACC threatening to take action against Perak Speaker for banning MPs. Who made the Speaker so powerful.

Now UMNO want to complain for what. UMNO has made a mess of Perak.

Money cannot solve everything.

By Auta KarutAuthor Profile Page on February 22, 2009 8:35 PM

Assalamualaikum Yg Bhg Tun,

Lebih lawak lagi bila menantu Dollah si KJ budak hingusan bertaraf super jutawan komen dalam Mingguan Malaysia hari ini suruh lantik speaker baru bagi DUN Perak, apabila ditarik seorang ADUN BN jadi speaker maka hanya tinggal 27 DUN BN di dewan manakala pembangkang akan jadi 29, maka apa akan jadi jika sesuatu usul mahu undian ?

Si KJ sememangnya budak hingusan.

Pertama dalam sejarah seorang MB kena banned dari menghadiri persidangan.

By Abdul Hadi Author Profile Page on February 22, 2009 8:37 PM

Tun,

Bijak juga Tun meninggalkan UMNO dab BN, dan sekarang,

Tun boleh melihat gelagat2 mereka...

Susah betul nak melihat dan memperolehi Melayu yang rajin membaca, akibatnya, Undang2 negara sendiri pun, PM sekarang tak faham sehinggakan apa saja boleh direpot ke polis! Samalah macam kucing tak dapat turun dari pokok, panggil bomba...

Tun,
Thanks for your 22 years!
By HBTAuthor Profile Page on February 22, 2009 8:42 PM

Salam Tun,

Pak Lah goes again, action with deep thinking (beraksi seperti orang tertidur)is his signature(stail tersendiri lah).

The longer period Pak Lah stays in power, it will take longer time to revive our economy because Pak Lah has heart (suka orang cium tangannya) but no brain. Nak buat bisnes pun takut, entah apakah akan berlaku jika Pak Lah tidak berundur .

Since he is still hesitating to blah, I will join Tun in "Bersama-samalah kita rakyat lihat akan peristiwa yang akan berlaku.", to ringankan my otak with laughter rather than with disgust, the best medicine to keep myself healthy and young, ha...ha...

Good night Tun.
By bereimAuthor Profile Page on February 22, 2009 8:53 PM

Salam Tun,
Jika Karpal Singh seorang yang berprinsip, dia harus segera menjauhkan diri dari si Anwar tu. Permainan semakin kotor. Speaker Perak telah membuat precedent. BN akan menggunakan nya pada masa depan macam isu katak tempoh hari. Kita lihat siapa akan menangis. Karpal harus bertaubat.
By CKAuthor Profile Page on February 22, 2009 8:56 PM

Dearest Tun,

Very interesting your ended your article but we cannot let's this goes on. Some thing must to done to resolve the issue and people's daily must go.

Tun, as a senior statesman and father of modern Malaysia, your years of hard work in building the country should not go to waste. Pls advice the people concern to do the 'right' thing.
By ParpuKariAuthor Profile Page on February 22, 2009 8:57 PM

TAK KIRA APA SAJA IDEOLOGI ATAU FAHAMAN POLITIK YANG KITA BAWA, YANG PENTINGNYA UMAT ISLAM MESTILAH BERSATU.....

SIMPLE JE - PUNCA PERPECAHAN MELAYU SEKARANG INI ADALAH ANWAR BERAHI, DIA NI IBARAT KANSER UNTUK ORANG MELAYU ISLAM DALAM MALAYSIA, SEKARANG INI ADALAH MASA TERBAIK UNTUK MEMBUANG KANSER INI WAHAI ORANG2 MELAYU ISLAM....JANGAN LA LAGI ANDA DIPERKUDAKAN OLEH SI PELIWAT INI LAGI..

PELIK BETUL SESETENGAH PIHAK INI, DAH TAU SI MAT KUNYIT NI PENIPU, KAKI PUTAR ALAM TAPI TETAP NAK SOKONG DIA JUGAK..ADUH...BANGUNLAH WAHAI ORANG2 ISLAM YANG LENA DI ULIT MIMPI!!!! SAMPAI BILA KAMU HENDAK JADI BEGINI..YANG HAK TETAP HAK, YANG BATIL TETAP BATIL.

BENDA INI SIMPLE JE, ANWAR NI ADALAH SEORANG YANG AKAN MENGAMBIL KESEMPATAN PADA SETIAP KEJADIAN YANG BERLAKU, TAK KIRA LA SAMA ADA BENDA TU MEMIHAK KAT DIA KE ATAU SEBALIKNYA....STYLE DIA SENANG JE, ORG TUDUH DIA, DIA PUSING BALIK TUDUH ORG TU BALIK, APA SAJA BERLAKU SEMUA SALAH BN, DAI TAK BERSALAH, MALAH DIA MACAM HERO FILEM TAMIL DI KALANGAN FANATIK DIA, DIA AKAN TUDUH, SEMUA SALAH UMNO....INI PARTI RASUAH KATA DIA...MUAHAHAHA, ANWAR BUKAN KE KAU DARI DIA - INI JUGAK? APA KAU SUDAH BERTAUBAT KA ANWAR BERAHI OI??? MUAHAHAHA...JANGAN BIKIN WAYANG LA MACHA....

CONTOH LAGI SATU AKU BAGI LA YA, BRADER EZAM TU, EZAM SANGGUP BUAT APA SAJA UTK ANWAR BERAHI NI HATTA MASUK JAIL PUN DIA SANGGUP, TAPI BILA EZAM DAH TAU KEBENARAN, EZAM MENJAUHKAN DIRI...BILA ANWAR DAPAT TAU TERUS ANWAR TUDUH EZAM DAH KENA BELI.....NAMPAK TAK STYLE ANWAR, SELAGI DALAM TEAM DIA - SEMUA SUCI, KELUAR JE TERUS JADI HINA.....DRAMA TAMIL YANG TERHEBAT LA NI...

DAN KISAH YANG SAMA JUGA BERLAKU DI PERAK, HABIS SEMUA DI LANYAK NYA SI 'PINNALE ADI' NI, SAMPAIKAN SULTAN PUN DIA NAK MENDERHAKA JUGAK, DI HASUTNYA SANA, DIHASUTNYA SINI....FUH PATUT BAGI ANWAR NI GELARAN RAJA PENGHASUT LA...

SOKONG MAT KUNYIT NI - KAU SUCI, KAU KELUAR JE - KAU KEJI.....HANYA ORG BODOH JE TAK KAN NAMPAK PENIPUAN ANWAR NI...TUJUAN ANWAR BERAHI NI SATU JE..NAK JADI PM BY HOOK OR BY CROOK...

TAK HABIS2 DIA NAK TUDUH ORG, MAT KUNYIT NI KATA, BN NAK RASUAH ADUN PR UNTUK LOMPAT PARTI, ANWAR, MACAMANA ORANG NAK PERCAYA KAT HANG LAGI BRADER ANWAR?

LAGI SATU ANWAR NI, DIA AKAN CAKAP SEMUA ORG JAHAT ESPECIALLY YANG TAK SATU KEPALA DENGAN DIA, HANYA DIA SORANG JE YANG SANGATLAH BAIK DALAM DUNIA NI.....PIIRRRRAAH....BARU SURUH PERGI SUMPAH, MACAM2 KAU BAGI ALASAN YA???....KELAKAR AKU TGK PERANGAI ANWAR NI. MUAHAHAHAHA

MACAMANA DENGAN JANJI 16HB SEPT BRADER ANWAR BIN IBRAHIM (B.A.B.I)? APA ANWAR BERAHI NI TAK CUBA NAK BAGI RASUAH KA SURUH ORG LOMPAT PARTI? OH AKU TERLUPA ANWAR INI TERLAMPAU SUCI, MANA MUNGKIN DIA RASUAH KAN??? BETUL TAK PENYOKONG PARTI SEX BEBAS???

TENGOK LA SEKARANG NI, PARTI DIA DAH JADI HAPPENING, KALAU NAK MERASA STYLE AMERICAN SILA LA JOIN PKR, BEST WOOO, BOLEH BUAT APA SAJA...SEMUA BOLEH, DEPAN BOLEH, BELAKANG BOLEH, TUKAR TUKAR BOLEH...

SOALAN NYA SEKARANG TUAN2, APA INIKAH PERUBAHAN YANG DILAUNG-LAUNGAN OLEH B.A.B.I. NI YANG KITA NAK?

PERUBAHAN APA NI TUAN2??? MENJADI AMERICAN? JENIS PEMIPIN MACAM NI KE KITA NAK TUAN2??? YANG MULUTNYA DAH BIASA DENGAN FITNAH, CACIAN, KEJIAN DAN REKAAN CERITA2 YANG SELALUNYA TAK MASUK AKAL LANGSUNG....

SEJAK KEBELAKANGAN NI SATU PERSATU KEBURUKAN DAN KEDANGKALAN ANWAR SEDANG TERBUKA....INGATLAH TUAN2 PEMIMPIN YANG BAIK ADALAH ORANG YANG HATINYA SUCI DAN BERSIH DAN ANWAR BERAHI NI BUKANLAH ORANG TU... ADAKAH INI REFORMASI ATAU BELAKANG KASI?

PAS MESTI BUKA MATA SEKARANG, SEDARLAH DARI LENA...BANGUNLAH WAHAI PARTAI YANG MEMPERJUANGKAN ISLAM, NIAT SAYA IKHLAS, LEBIH BAIK KAMU BERSAMA UMNO ATAU KAMU BERJUANG TANPA PKR.... FIKIR FIKIRKANLAH..

<http://parpukari.blogspot.com/>

By former BN supporter Author Profile Page on February 22, 2009 8:59 PM

Yang Jelas, BN and Azlan, Rakyat mau Re "Erection" simple as that and we send the mamk packing home !

By adhilah Author Profile Page on February 22, 2009 8:59 PM

Tun yang dikashihi,

Kenapa begitu bercelaru politik negara yang tercinta ini. Naik muak dan menyampah sehingga menjadi sedih membaca surat khabar. Sepatutnya kederat digunakan untuk memulihkan ekonomi Semuga Pak Lah betul-betul meletak jawatan March ini bukan tahun depan. Negara tidak akan bertahan sekiranya ditangguhkan lagi.....

By ParpuKari Author Profile Page on February 22, 2009 8:59 PM

TERFIKIR JUGAK SAYA KEBELAKANGAN INI, APA YANG SEDANG BERLAKU DENGAN PARTI KEPIMPINAN ANWAR BERAHI NI ADALAH MERUPAKAN BALASAN DARI TUHAN?

HMMM...SEMENJAK DUA MENJAK NI, MACAM2 KISAH YANG SEDANG MENIMPA SI ANWAR BERAHI NI, DARI KEHILANGAN NEGERI PERAK, SKANDAL SEX, PENIPUAN 916 DAN MACAM2 LAGI...TIDAKKAH INI TANDA TANDANYA MENAMPAKKAN YANG ANWAR INI SEDANG DI MAKAN SUMPAN SEKARANG NI???

INGAT LA PENYOKONG FUCKATAN RIOT, ESPECIALLY PENYOKONG PKR, SATU2 BALA SEDANG MENIMPA PARTI ANDA, TIDAKKAH ANDA RASA MASA INI ADALAH TERBAIK UNTUK ANDA SEKALIAN BERMUHASABAH DIRI ANDA, APA BENARKAH ANDA BERADA DI PARTI YANG MEMPERJUANGKAN KEADILAN ATAU SEKADAR MEMPERJUANGKAN CITA CITA POLITIK SI ANWAR BERAHI INI??

SAYA RASA INILAH MASA TERBAIK UNTUK PAS DAN DAP PUN MEMIKIRKAN SEMULA PERHUBUNGAN DENGAN PKR, COME ON LA TUAN TUAN SEMUA, TAKKAN SEMUA BENDA BERLAKU ADALAH SALAH BN....TIDAKKAH SEKALI PUN DALAM FIKIRAN KORANG TERLINTAS YANG INI ADALAH SANDIWARA ANWAR BERAHI UNTUK MENUTUP KEMALUAN DIA DAN KONCO-KONCONYA..

SAYA PERCAYA BAHAWA TERDAPAT RAMAI ORG YANG BAIK DALAM PKR INI, APA KATA KALAU SEKARANG MASA YANG PALING SESUAI TUAN2 SEMUA UNTUK MENINGGALKAN PARTI YANG MENGAMALKAN SEKS SONGSANG DAN SEKS BEBAS NI, SERTA MENJADI AGEN YAHUDI...FIKIRKANLAH

AKU PERCAYA TAKDE ORG BERANI NAK SUMPAN DALAM MASJID SEMATA MATA UNTUK DUIT LA, TAK KIRA LA BERAPA BANYAK JUMLAH NYA PUN...JGN LA KITA MEMPERTIKAIKAN SUMPAN ORG....

ANDA SEMUA KENA FIKIR SEMASAK MASAKNYA SEBELUM TERLAMBAT, INGAT TIADA SIAPA PUN BOLEH LARI DARI BALASAN ALLAH AZZA WAJALLA....

BANYAK TANDA KITA DAH NAMPAK DAH...JANGANLAH BUAT2 TAK NAMPAK..

SEMOGA ANDA TIDAK DISELUBUNGI MISTERI LAGI...

<http://parpukari.blogspot.com/>

By waksir_bob Author Profile Page on February 22, 2009 9:01 PM

assalamualaikum

Y.Bhg Tun dan rakan2 bloggers.

Isu yang Tun bawa kali ni, saya masih belum belajar lagi. So saya sama macam Tun cakap , kita tengok je la nanti.

Tapi untuk isu peralihan kuasa Mac nanti, saya yakin pak lah letak jawatan. Kalau dia tak letak jawatan juga akan menjadi titik hitam dalam sejarah Malaysia dan dia akan dipersalahkan. Masuk dalam buku teks kat sekolah nanti (subjek sejarah). Lu pikir la sendiri pak lah.

Tadi tengok TV3 25 tahun , masa pak lah angkat sumpah jadi PM. muka baik je, Tun memang tak silap pilih dia waktu tu. hanya dia je yang berubah dan dengar cakap khairy/family dia. habis rosak satu Malaysia.

T.Q

By HanudsAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:02 PM

Salam Tun!

1. Saya bkn org Perak, org Timah pun bkn, org Emas jauh sekali...
2. Saya juga bkn org undang2, yg mahir mentafsirkan undang2 dari sudut yg tersendiri.
3. Apa yg berlaku di Negeri Perak, memperlihatkan betapa egonya pemimpin2 kita, tak kiralah dia org perak ke, emas ke, timah ke...
4. Demi kuasa, mereka sanggup melakukan apa sahaja utk berkuasa, mengekalkan kuasa ataupun melemahkan kuasa pihak lain.
5. Kepentingan rakyat ditolak ke tepi, kepentingan diri yg dicari. Walhal kepentingan rakyatlah yg sepatutnya diutamakan.
6. Mana perginya pertimbangan, mana perginya kewarasan, mana perginya akal fikiran, yg tinggal hanyalah ketamakan utk berkuasa.
7. Mana perginya muafakat, mana perginya kerjasama, mana perginya tolak ansur. Tiada kah dalam kamus pemimpin2 skrg?
8. Akhir sekali, timah pun timahlah Tun, saya dah tak peduli...

Saya doakan semoga Tun & Isteri sentiasa sihat walafiat.

By vauxhaulAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:05 PM

Dear tun,

Semoga tun dlm keadaan sihat. saya memberi pandangan keadaan di perak sebagai seorang warga malaysia

1. Neither parti sama BN nor PR is perfect. Masing-masing dgn kesalahan lampau masing-masing. Walaupun begitu, masing-masing juga mempunyai kelebihan samada dari segi keperihatinan, pengalaman dan kejujuran
2. BN mempunyai kekuatan dari segi pengalaman dan kecekapan pengurusan serta kerjasama antara parti komponen, tetapi amat bongkak apabila bertemu atau berurusan dengan rakyat.
3. PR adalah kerjasama baru, oleh itu semangat kerja adalah tinggi, malangnya kekurangan pengalaman telah menonjolkan beberapa kesilapan iaitu kerjasama antara parti komponen PR amat menjijikkan.
4. DAP amat angkuh menjadikan agenda bangsa sebagai agenda utama yg tidak dibantah parti komponen lain.

5. Pada hemat saya, apa yg berlaku di perak ada hikmatnya kepada BN dan PR. Rasakan semua.
6. Saya amat berharap sesiapa saja yg memerintah supaya supaya lebih jujur, ikhlas serta punyai kebijaksanaan utk memikul tanggungjawab yg telah diberi.

Terima kasih, (dah 4 kali saya apply masuk UMNO sejak tahun 2005, malangnya, bak kata pemimpin2 kecil di bahagian dan cawangan. Takut kena langgar. Oleh itu, saya harap pemimpin yang hanya pandai menjaga jawatan dalam parti hruslah juga pandai menjaga negeri atau negara)
Tun supporter

By dkingAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:11 PM

Salam Tun,

Muak dengan konflik yang bagai tiada kesudahan....suasana politik tidak lagi memihak kepada kesejahteraan rakyat..hanya lebih memihak kepada kepentingan parti masing-masing..masyaAllah...bila semua ni akan berakhir?

<http://jasasikin.blogspot.com>

By antikmalayaAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:12 PM

Dearest Tun,

Inilah akibatnya kerana mengamalkan demokrasi. Baru sekarang saya faham ideologi demikrasi sebenarnya. Sekiranya, demokrasi terus berkuasa, maka hancurlah Islam, Raja-raja Melayu dan orang Melayu. Mungkin masanya dah sampai untuk sistem pemerintahan Islam dikembalikan.

By mollymalAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:14 PM

Dearest Tun..

Saya pun gelak terbahak2 lepas tengok berita yang Paklah suruh MB Perak buat report polis...Lantas terus saya terpikir, kalau Tun menonton berita tu, misti Tun akan tepuk dahi... hehehehehhh

By soloAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:18 PM

Salam

Makin lama makin ketara kekatunan politik negeri Perak!!

makin lama makin tak logik tindakan akal mereka yang mengaku bijak dan pandai.

Sehingga Perdana Menteri pon tk reti nak handle situasi ni.. Hikzz..Pm kita tu memang manjang tak reti...eheheee hampoon!!!!!!

By JamalAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:23 PM

Salam Tun,

Lucu sungguh Tun. Permainan Politik di Malaysia ni. Hebat hebat belaka watak watak nya.

Plot nya kalahkah cerita Hindustan block-buster.

Tak akan dapat kita duga kesudahan nya.

Tetapi YANG PASTI - Raayat jelata dah MUAK dengan gelagat meka meka ni.

Hilang sudah hormat rayaat kepada ahli2 politik yang mabuk berpolitik. Mabuk kuasa. Mabuk tuak. Mabuk toody!

Meka dah di lihat sebagai kelumpuk yang tiada wibawa sama sekali.

Hancur! Hancur! Hancur!

Dengan Harapan kekecohan ni AKAN membawa kepada sesuatu yang lebih baik untuk Politik Malaysia.

Sama2 kita cari hikmah disebalik peristiwa memalukan ini.
By yanglerniAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:30 PM

yang speaker tu ingat dia lebih kuasa dari sultan.....agaknya speaker tu dah anggap diri dia jadi sultan perak ape.....hahaha
By kamal ahmadAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:30 PM

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun.

I know not much on this Speaker thing Tun. As I know it, it's not even an easy thing to manually set up those equalizers already, and the Owner's Instruction booklet is giving me more headaches than help really. But I know enough to say that our police force should not be dragged into all this really. They have enough on their plate already, and they have an image and integrity issue to uphold and protect. It is not a wise thing to be dragging the police into this, no wiser than dragging them into the polemic of teaching of science and math in English by GAPENA some days back. What kind of public image does the PM wants our police force to have? That question goes out to GAPENA and all the invincible hands behind them just as well. Dragging school going children into our politics, dragging the police force into our politics...have we no more shame and face values?

Try envisioning Sabah, Sarawak & rural Kelantan school going children who gets up at 4 am, leaves for school at 5 am walk through dirt and mud for hours through jungles just to see a blackboard and some chalk dust. Give them the best for their world tomorrow. Have compassion on them today. GAPENA should be setting up collection bins (working bins) nationwide for school shoes, uniforms and writing books for the public to donate. We should not be expanding our political interest and games over their innocent interest and hopes. Seriously Tun, one day I hope to approach your kind self for that project on a nation-wide go.

By bluesgangAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:31 PM

Dear Tun,

Pi bagitau Azalina, pi ubah zoo negara kat ulu kelang ke Dewan Undangan Negeri Perak.

Ada banyak monyet pandai undang-undang, boleh cakap melayu, inggeris. Pelancong mesti suka.

Dalam gambar P.Ramlee, monyet educated, semua takde ekor punya species.
By sitinurAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:33 PM

Asalamualaikum bapak...

saya terfikir naper seme2 ni terjadi...

1/depa nak alihkan tumpuan kiter yg pak lah akan letak jawatan mac ni...

2/makin kelam kabut makin baik kita tak fikir pasai ekonomi yg makin sempit giler...

3/sajer2 jer nak bagi lg celaru supaya p13 bn bungkus sebungkus2nyer...

tu lah...dah kata takto tanya kat boss dulu...ni p tanya kat anak menantu pakai jd haru biru...kekadang mcm tak caya si dodol ni lama berpolitik...la ni segala2nyer nak report polis...sidodol duk gelak

suka...mcm g*****g....

bapak..bapak nak tau...la ni jualan lansung banyak kat kg saya...

emak saya duk sorang..umah tepi jln jd nampak lah pintu duk terpampang...org kg katakan...mai org juai emas paksa mak beli...1/2 bulan mai org juai kain suh mak beli 20 helai kain ela..

sehelai 20 hengget...mak kesian sbb ppuan mengandung..16 hel;ai sedekah kat umah anak yatim....1/2 bln mai lak org juai bekas air mineral ngan rega 600hengget..mak kata takder duit...cina penjual tu tunggu kat umah mak sampai setengahari...mak bagi 2ratus hengget nak amik..amik.. tak nak mak takleh buat aper...ada banyak tu jer....

saya gtau mak nati2 bila ada lagi penjual yg duk sanggup tunggu sbb nak bg laku jualan depa mak bg jer 20 hengget..lantak dia lah

nak tido kat bawah umah ke nak tido kat tangga ker...yg penting mak jgn bg depa masuk umah...idak pun suh jiran panggil org kg o polis p halau....ini bkn cerita rekaan...citer betoi..kg saya kg sungai samak hutan melintang perak...sempadan s.bernam....penat tau bapak...takat kain ela emas boleh tahan lagik sbb mak boleh guna...

bekas air mineral tu punya berat pastu besar mak saya mana boleh guna...botol dia pun dah 5kilo nak kena tukar bila kosong..kg mana ada jual...mak pulak tak minum air yg tak sempurna mendidih...masuk angin perut dia....nak tukar sepasai..mana mak larat nak tukar...

last2 membazir jer.....dulu2 takde lah mende merapik2 nih mai kg...

By sitinurAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:35 PM

p/s...rindu masa bapak jadik pm....seme2 cooooooool jer...

la ni..panaaaaaaaaaaaaaaaaaaaaas....paaaaaaaaaanaSsssssssss....

By NASHAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:37 PM

Salam Tun,

Perak sedang berperang sekarang.Jalan yang baik Anwar dan Abdullah berbincang. Yang bermasalah, masing masing sombong bodoh walaupun berasal satu negeri.Inilah jadi apabila terlalu banyak sangat makan kari kepala ikan.

By Offshore RepresentativeAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:38 PM

Memalukan dan lucu !!!! Itukah quality orang-orang politik sekarang ni ????

By HajarAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:42 PM

Salam YAB Tun,

1. Speaker Perak ini nampak sangat menyalahguna kuasa. Orang yang WARAS tahu tujuan sebenar beliau. Saya sarankan beliau di PECAAT OLEH DYMM Sultan Perak - harap boleh dilakukan. Beliau memang sudah tidak relevan lagi dalam kerajaan Perak yang baru; saya ingatkan beliau secara automatik sudah "letak jawatan."

2. Memang banyak PERKARA PELIK berlaku di Perak. SEMAKIN HARI SEMAKIN PELIK BIN AJAIB. PR mempersenda Sultan dan rakyat Perak.

3. Saya MUAQ DAN MENYAMPAH melihat GELAGAT PR yang masih tidak mahu menerima HAKIKAT. Dan, PR MENGAKU MEWAKILI MAJORITI RAKYAT PERAK. AMAT MELUCUKAN. "Comedy of the Century..." Saya antara yang GEMBIRA BILA BN KEMBALI BERKUASA di negeri Perak, walaupun MELUAT dengan Pak Lah & gang -> "Selamat Jalan"...

Semoga Tun sekeluarga sihat sejahtera.

By svgAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:42 PM

Rasuah bukan lah sesuatu yg baru di Malaysia.....dr zaman dulu lg dah wujud.....cuma jumlahnya(RM) yg bertambah sekarang.Kes pelantikan hakim yg sedang berlangsung....Kes PERWAJA,....dan byk lagi kes2 telah berjaya ditutup oleh pihak kerajaan. Perdana menteri mestilah diplih oleh rakyat macam di Amerika syarikat. Di Malaysia....perdana Menteri boleh duduk sampai 30 tahun pun boleh!!!! dalam hampir 30 juta penduduk di malaysia..... tak ada calon lagi ke yg layak jadi perdana menteri setiap 4 tahun? Semakin lama seseorang menjawat jawatan...semakin byk la yg macam2 boleh terjadi....Ketua MIC pun sama....nak jadi presiden sampai mati.....macam la org lain tak layak.....

By penang78Author Profile Page on February 22, 2009 9:44 PM

Salam Tun,

Macam2 dok berlaku kat Negeri Perak sekarang?Entah apa pulak nak jadi lepas nie...

Cukuplah tu pasal politik!! lebih baik tumpukan kat Ekonomi Malaysia sekarang...rakyat pun dah fedup

dgn hal2 politik nie!!!

By salimjbAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:45 PM

Salam Tun,

Saya setuju Tun, kita tengok apa PM kita nak buat sebelum dia pencen. Dia yang lepaskan..sekarang dah dapat balik tapi macam tak tahu nak menggayakan.. ataupun tak tahu nak menggayakan kuasa yang ada..

Terima kasih

By suralayaAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:47 PM

kepada Tun....

Apa yang paling dimusykilkan adalah kekhilafan berkenaan dengan interpretasi undang-undang. Setiap pihak memberikan interpretasi mengenai sesuatu undang-undang berbeza-beza. Itu belum lagi memanipulasikan sesuatu undang-undang mengikut acuan mereka sendiri. BN kata begitu. PR kata begitu. Bagi orang awam mereka akan jadi keliru dan akibat kekeliruan ini maka semakin banyak timbul fitnah....kesilapan utama pihak kerajaan adalah tidak mahu memberi penerangan ke atas sesuatu isu yang melibatkan kekhilafan sesuatu undang-undang. samada menteri yang bertanggungjawab atau orang-orang kerajaan tidak tahu, dan/atau tidak membaca dan/atau tidak berfikir dan/atau buat tidak endah tentang kesan yang boleh berlaku akibat daripada meninggalkan sesuatu perkara itu tanpa diberikan penjelasan. Pihak yang paling pandai memberikan penjelasan adalah DSAI yang amat bijak di dalam memberikan sesuatu penjelasan meskipun rancangan beliau ataupun janji beliau tidak menjadi. Kesan dari kebijaksanaan beliau di dalam menjelaskan sesuatu perkara tersebut menyebabkan orang awam terlupa dengan apa yang telah dijanjikan sebelum itu. Maka, pandangan saya, orang-orang kerajaan harus lebih banyak membaca dan belajar bagi mematahkan serangan dari sudut politik mahupun ilmiah bagi menunjukkan bahawa BN itu (terutamanya UMNO) masih mempunyai kredibiliti, integriti dan relevan....Maka, apa sebenarnya yang berlaku di Perak adalah kerana kegagalan di pihak BN di dalam percaturan politik serta kegagalan untuk melihat kesan dari sesuatu perlakuan dtau rancangan....

tun.... sebenarnya Tun masih diperlukan....

Assalamualaikum dan terima kasih.

By vivasgAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:48 PM

Dear Tun,

I agree with your point. Nowsdays really too tired of these kind of political drama. I would really think dissolve and re-vote the best way to show rakyat's choice.

Anyway, good comment from you, Dear Tun.

Keep up...

By gudgirlAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:52 PM

Salam Tun.. nta apalah akan jadi ngan neg perak ni.. tp semenjak pemerintahan Pm skrg ni, Malaysia nampak x stabil dari semua segi cth dari segi ekonomi, politik dsb..Ingat kerana kenaikan mendadak harga minyak pada thn lalu secara mengejut tanpa ptimbangan secara seksama (skrg ni dah turun)menyebabkan kenaikan harga yg sgt2 n biarpun harga minyak dah turun n berlakunya kegawatan ekonomi tp harga tak juga turun-turun...Napa ek??

By lalok n tidorAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:55 PM

Asalamualaikum Ayahanda Tun & Readers,

Dear ayahanda Tun,

You are a great leader. No disrespect to you, in my humble view, instead of commenting on the Perak Saga which is getting ridiculous by the minutes.

I would prefer and really missed your inspirational writings. Ayahanda Tun, is it possible for you to write more topics in such:

"Mahathir Vision on":

1. Building Towering Malaysians (Malay/Chinese/Indian/O.Asli)
2. Creating A Wealthy Malaysia

or something that would really inspired us to improve ourselves.

Tq ayahanda Tun for being an inspirational Icon.

By shipAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:57 PM

"Ya ALLAH, panjangkan umur Tun dan kekal sehat sentiasa agar dapat beliau membantu orang Melayu dan orang Islam di Malaysia dan di dunia ini.....AMIN..

....HIDUP TUN....

By azmimuAuthor Profile Page on February 22, 2009 9:59 PM

Assalamualaikum. Senario politik yang berlaku di Perak hari ini bukanlah sekadar POLITIK. Ini adalah bakal sejarah yang mana hak orang melayu, Institusi Raja-Raja Melayu dan Kerajaan akan lumpuh atau musnah gara-gara kerakusan golongan mereka yang mengejar kuasa. Perlembagaan Persekutuan dijadikan landasan untuk memusnahkan institusi Raja-Raja kerana mereka menggunakan terma-terma yang berputar belit bagi menghalalkan agenda kekuasaan. Dengan slogan membela nasib orang melayu serta bagi membebaskan rakyat dari belenggu kedaifan, mereka ingin menjadi penyelamat bagi keadaan ini kononnya yang mana sebenarnya lebih kepada agenda peribadi.

Persoalannya kini, siapakah dikalangan rakyat hari ini yang akan keluar sebagai penyelamat kepada kemelut politik, bangsa melayu dan institusi raja-raja kita? Didalam mendapatkan kuasa rakyat perlukah kita korbakan kuasa raja-raja pula? Apa pula akan terjadi sekiranya selepas dari ini, negara kita tidak mempunyai raja? Rakyat manakah yang paling layak untuk kita jadikan pemimpin yang tidak akan mementingkan diri mereka selain rakyat jelata? Akan adakah pemimpin yang sedemikian?

Andaikanlah, Sultan Perak tersilap perhitungan kali ini, adakah ianya perlu pula bagi rakyat memusnahkan institusi raja-raja keseluruhannya di Malaysia ini. Jika Sultan Perak dihadapkan kemahkamah kerana kesilapan ini, implikasinya adalah keseluruhan institusi raja-raja di Malaysia itu sendiri. Malaysia bakal berdepan dengan kuasa asing dari luar sekiranya ini berlaku. Terlalu banyaknya berlaku kesilapan didalam pentadbiran Kerajaan hari ini maka Institusi Raja-Raja yang kini bagaikan telur dihujung tanduk pula yang menjadi pertaruhan. Saya masih lagi berpendapat, didalam situasi ini, AKTA ISA adalah penyelamat bagi meredakan ketegangan ini. Banyak pihak telah menggunakan hasutan bagi menaikkan kemarahan rakyat yang mana ramai dikalangannya tidak mendapat gambaran yang tepat tentang isu yang dimainkan. Ketegangan kaum bakal berlaku, begitu juga perbalahan sesama melayu yang kian menjadi-jadi. Pentadbiran Kerajaan yang sedia ada terlalu lemah sehingga banyak perkara yang benar disebelah mereka juga dapat digambarkan sebagai salah dimata rakyat.

Sesuatu harus dilakukan. Mereka ini sama ada tidak tahu menggunakan senjata yang mereka ada ataupun tidak mahu menggunakannya. Pada hemat saya, mereka ini tidak tahu menggunakannya, malahan menggunakan benda yang salah sebagai senjata. Menyingkap sejarah Tanah Melayu itu sendiri membuktikan orang melayu kehilangan kuasa kerana perbalahan sesama sendiri dan pembelot-pembelot bangsa yang menjadi kuda dan juara bagi kepentingan orang asing. Masih ada ruang dan peluang bagi memperbaiki keadaan ini hanya sekiranya, Pentadbiran Kerajaan sedia ada tahu memanipulasi keadaan dan menggunakan senjata yang betul bagi memberi gambaran keadaan sebenar agenda-agenda mereka yang menentang tadi. Cabaran memang datang tetapi bagaimana menhadapi cabaran itu yang penting. Kajian keatas sikap orang melayu itu sendiri sebenarnya penting bagi menghadapi mereka ini, tetapi siapakah yang pernah memanfaatkan apa yang sebenarnya telah pun ada ketika ini untuk menggunakannya?

Oleh itu, saranan saya ialah agar Pentadbiran Kerajaan sedia ada yang memiliki cerdik pandai dan para cendekiawan agar bukan sahaja setakat berfikir dan bercakap tetapi menggerakkan apa yang difikirkan dan dicakapkan itu. Agenda tanahair itu lebih penting dari mana-mana agenda yang sedang dirancang dan dilaksanakan waktu ini. Semasa pentadbiran Tun Dr Mahathir dulu beliau telahpun membangunkan apa yang tidak terfikir untuk kita capai tetapi berjaya. Hanyalah yang tinggal adalah kemajuan rohani yang perlu dilakukan oleh kerajaan ketika ini dengan tidak perlu menambah atau membaikpulih apa yang telah sedia ada ini. Kembalikan perasaan cintakan tanahair dan perasaan menghormati Institusi Raja-Raja yang mana adalah payung dan tonggak bangsa melayu. Janganlah dirosakkan pula apa yang telah dibina dan membina kerosakkan yang lain pula. Semoga bangsa melayu akan menjadi bangsa yang disegani bukan kerana kekuatannya tetapi kepintarannya. Wasalam.

<http://azmimu.blogspot.com>

By gudgirlAuthor Profile Page on February 22, 2009 10:01 PM

Salam tun..nak tambah ckit tp ni bkn pasal perak. ni pasal ofis saya.. kalaulah kat pejabat kita blh undi k jab, dah lama saya Undi Out kj saya tu.. dia ni tak adil dan tak amanah.. tp mcm mana nak buat ek?? say ni pekerja bahawan jek..

By Shukran FaridAuthor Profile Page on February 22, 2009 10:02 PM

Dear Tun,

Seems like politicians in our country now don't really have anything to do or think about other than craving and fighting for power and money. Shame that they are Malays, like me.

I'm getting boring to read all about these childish and immature politics issues which I don't think will bring any benefits to the public, but yes to their own guts. More projects, more money to their family and clans.

Now they start to talk about COW and LEXUS issue, I don't get it, what's the impact to the public?? Come on, I thought all of these guys are voted because of their good education background, but I think I'm wrong, they are just a bit above moron level.

They should start to think what they can do to help all those people who needs their help. And how to wipe out all those illegal worker from our countries, the one who always bring problems to our country. Or maybe think about how to overcome the current economy crisis which bizzarely hitting most of the countries in the world, but not Malaysia, strange but true. :)

The rich is getting richer, and the poor is getting poorer, who cares!

Good health Tun!

Shukran Farid, UK

By new_delAuthor Profile Page on February 22, 2009 10:04 PM

Tun,

Dengar-dengar kerajaan baru Perak hantar lawyer gi London untuk minta nasihat QC. Dah rampas baru nak minta nasihat? Kerajaan apakah ini?

By JunoAuthor Profile Page on February 22, 2009 10:10 PM

Assalamualaikum Tun,

1. Rasa takut nak komen berkaitan dengan kejadian di negeri Perak (Timah) ini, sebab kurang berpengetahuan dalam prosidur Dewan Negeri. Jadi rasanya lebih baik "lihat dan buat perhatian sahaja dulu".

2. Pastinya semua yang berlaku ada jalan penyelesaiannya tetapi yang hairannya kenapa semua pihak agak terlalu lambat untuk bertindak. Macam sengaja suka nak buang masa saja. Adakah masih menunggu sesuatu ketentuan baru bolih membuat tindakan yang lebih berkesan. Harap2 apa yang dinanti2kan akan dapat menyelesaikan kemelut ini dengan secara total. Sudah jemu, bosan dan kadang menyampah..... dengan gelagat kesemua yang terlibat.

3. Always told myself untuk bersabar lebih sikit rasa-rasa macam ada satu kejutan yang akan berlaku. Ya Allah, Ya Rabbi, Ya Rahman, Ya Rahim "walau apa yang akan berlaku diharap semuanya untuk kebaikan ugama, bangsa dan negara.

4. Tun, can you make any prediction?

May Allah bless us all.

Juno.

By MadudAuthor Profile Page on February 22, 2009 10:11 PM

Assalaamualaikom Tun, dan salam juga pada Tun Siti Asmah

Nampak gaya, Sargeant-at-arms lah yang paling berkuasa nanti, sama ada dia akan ikut perintah speaker atau.... pening-pening

Yang sudah tu sudah la, mula lembaran baru saja, takkan Duli Sultan tersilap? Betul tak.

Anak Pak Chat Forest

By anitamnAuthor Profile Page on February 22, 2009 10:16 PM

Salam Tun sekeluarga & chedet bloggers

Tun

Tiada ungkapan yang paling sesuai dengan senario politik Malaysia sekarang ini ialah macam sarkas atau saling tak tumpah macam filem bollywood = bollytic.

Saya dah jemu untuk merasa cukup bosan tentang cerita-cerita orang-orang politik.

Saya teringat semasa krisis kewangan 97/98 dan kes Anwar yang berlaku semasa gawat itu. Ketika itu Tun terus menumpukan soal bagaimana untuk mengatasi krisis kewangan dan ekonomi negara daripada melayan kerenah Anwar. Walaupun berbagai seranah datang dari rakyat yang pada ketika itu amat bingung dengan kejadian tersebut.

Hasilnya, negara terselamat dari badai dan rakyat tidak merasa perit seperti di negara-negara yang lain.

Bila memikirkan hal ini, saya sangat bersyukur kepada Allah swt yang telah mengurniakan seorang pemimpin yang bijaksana, berjiwa rakyat dan melaksanakan amanah sebaik mungkin mengikut keupayaan jiwa manusianya.

Semoga Allah swt merahmati Tun, pelihara Tun dari keaiban dan celaan di dunia dan akhirat, dan mengampunkan segala dosa-dosa Tun. Amin.

By kimoAuthor Profile Page on February 22, 2009 10:17 PM

Salam Tun.

Entah mengapa di Malaysia sekarang ni trend orang mengenyepikan undang-undang dan peraturan semakin menjadi-jadi. Mereka lebih suka menggunakan undang-undang sendiri yang dimanipulasi melalui institusi tertentu supaya ia kelihatan sah dan halal. Tun fikir macam mana? Rakyat juga yang

menanggung akibatnya... Rakyat sentiasa dipihak yang rugi. Semoga Tun sentiasa sihat dan sejahtera.
By zmokhtar@gmail.com Author Profile Page on February 22, 2009 10:17 PM

PM suruh buat laporan Polis ?

Inilah bila kita pilih yang jahil jadi pemimpin. Salah kita juga. Kenapa PM tak tanya AG atau panggil IGP dulu sebelum cakap pada Zambry ?

Kalau Sultan dah lantik Kerajaan baru, bekas MB dan exco yang duduk di kediaman resmi MB adalah "trespassers". Kenapa tak gunakan Polis untuk keluarkan mereka? Takut rakyat protes ? Kedaulatan undang-undang yang mana kita nak pakai ?

Berilah nasihat yang sepatutnya, Tun, kerana Tun bolih lagi memberi teguran yang orang bolih dengar. Kalau orang bolih dengar saya, lama dah saya "basuh" Perak 'ni.

By mohd haizi Author Profile Page on February 22, 2009 10:20 PM

Assalamualaikum wbt...

Apa khabar Tun dan keluarga??modah2an sihat sentiasa.. well... we all just wait and see what will happen next in Perak.. i do hope, some changes will happen soon...

By cikgu intan Author Profile Page on February 22, 2009 10:21 PM

senario politik sekarang memualkan...saya terfikir kenapa barisan politik begitu bergolak kini?? Orang Melayu pula yang melampau merebut kuasa. Di zaman pemerintahan Tun, tidak kelihatan senario begini...mengapa ye???????????

By aah Author Profile Page on February 22, 2009 10:27 PM

TUN,

Keadaan politik Malaysia makin hari makin tak tentu hala, its getting from bad to worst. Pemimpin politik dah jadi gila, gila kuasa, gila jawatan, gila harta, yang tak layak pun gila nak jadi panglima dan macam macam jenis gila sedang berlaku dalam negara kita.

Di Perak lagi banyak orang Politik gila, mungkin disana ada wad orang gila yang tertua dalam negara. Tun, jika semua tak mau beralah, sumbat saja kedalam wad gila di Tanjung Rambutan, habis cerita.

Tun, cukup malang, ada Pemimpin No 1 Negara bagi arahan kepada Menteri Besar suruh buat kerja gila, lapor kepada polis bila speaker gantung kerja.

Tak tau lah bila keadaan nak kembali sediakala, mungkin selepas 29 mac baru reda, harap harap bila perubahan kuasa semuanya aman damai hendaknya.

By hairi nawi Author Profile Page on February 22, 2009 10:36 PM

salam Tun dan komentar sekalian,

sikit-sikit polis, sedikit-sikit polis, saya sdiri hairan btul dgn politik org zaman skrg. kalau org biasa tu biasalah memang tak tau apa sgt, tp ni org politik org yg ngaku berpelajaran tggj. hari sabtu kelmarin baru je saya tengok cerita hindi berkaitan dgn generasi india skrg yg kian lupa dgn perjuangan mahatma gandhi yg menentang kekerasan dan kedegilan pjajah dgn cara lembut dan baik. nanti kata org plak kalau guna cara baik pun tp org buat cara jahat dgn kita buat apa, biar jahat balas dgn jahat juga tp guna cara baik iaitu mahkamah dan siasatn polis. tp masih jahat juga tu sbb dlm hatinya masih ada rasa dendam, sakit hati dan dengki. akhirnya dua2 hanya puas hati krn dpt beri pengajaran kononnya lah tp sakit hati tu masih ada sampai bila2. ni lah masalah org kita skrg yg dah tak ada lagi sifat kemanusiaan yg cuba diajar oleh islam melalui baginda rasulullah utk menghulurkan kemaafan dan berbuat kebaikan dgn menghentikan permusuhan dan perbalahan. org kita skrg dah jauh dr islam. berbeza pdpt tak pa masih boleh kompromi lagi, masih boleh bincang utk win-win situation tp org politik skrg ni smuanya tamak dan gila kuasa sampai rakan sdiri pun dipijak kepala dan tidak dihargai lagi, inikan pula lawan politik yg memang smuanya nak cari dan dedahkan smua kelemahan pd rakyat spya org politik ni nanti

bolelah kata "sokonglah saya, tengok pemimpin itu dan pemimpin ini byk skandal, luar tabii, bergambar bogel, byk rasuah, utamakan kroni dan keluarga, jgn sokong dia, pilihlah parti bkn org yg mewakili parti". saya dah bosan dgn politik negara skrg ni, tiada kematangan langsung, mcm budak2. mengapa tak mau berunding, berbincang, iktiraf hak masing2, letak kedudukan masing2 pd tempatnya barulah semua org boleh puas hati. ni tak, tiap2 hari gaduh tiap2 hari keluar isu itu isu ini kononnya utk tunjukkan pd rakyat bhw pemimpin itu tak bagus, parti itu tak bagus. apa nak jadi dgn manusia skrg ni, dah jd gila krn stress sakit mental memikirkan kuasa. kenapa...tak sekolah ke? tak belajar sejarah ke bagaimana salahudin al-ayubi satukan puak islam yg mula berpecah belah menawan palestina dr jajahan barat, bagaimana genghis khan satukan puak monggol yg berpecah belah utk menggempur musuh dr luar wilayahnya, bagaimana abraham lincoln satukan puak utara dan selatan yg berperang utk wujudkan USA. dan juga bagaimana tun mahathir satukan seluruh rakyat utk terus sokong kepimpinan kerajaan dibwh partinya agar malaysia dikenali dan dihormati dunia. byk sejarah pemimpin2 yg hebat berjaya menyatukan rakyat dan masyarakatnya utk berhadapan dgn cabaran luar yg lebih besar dan berbahaya. tp skrg ni, mana dia pemimpin hebat kita. smuanya jd tunggang langgang dan pecah belah. saya sedih lihat keadaan politik dan kepimpinan negara skrg ni, kenapa mereka yg ada kelulusan tinggi yg menceburi politik ni tak berjuang pd landasan yg betul utk perkasakan rakyat dan negara. smuanya nak terlibat dgn politik krn tujuan lain utk berebut2 kuasa spy dpt kuasai pula wang dan harta benda memperkayakan diri sendiri, keluarga dan kroni masing2.

Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said the proposal, which would encourage consumers to buy new cars, had been submitted for consideration in the mini budget, to be unveiled by Deputy Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak on March 10.

He said that the incentive was to spur the country's automotive industry in the wake of the global economic slowdown.

He said that if the proposal was accepted, owners would be able to sell off their cars of 15 years or older and buy new ones at discounted prices.

"The RM5,000 incentive can be in the form of reduction in excise duties and sales tax or other mechanisms,"

comment:

I don't think it will work if the incentive only applies to 15 years old cars. Maybe the volume is too small. In order to generate more vehicle sales volume I would suggest the incentive offered should be across the board.

By akeeAuthor Profile Page on February 23, 2009 1:01 AM

nasi sudah jadi bubur. kalaulah dibuat keputusan dari awal lagi untuk bubar dewan & undi semula, banyak masalah2 lebihan yang hodoh2 berlarutan sehingga kini sudah tentu dapat dielakkan.

..the effect of a bad decision/action, bad outcome (when TRUTH is less considered)..only with TRUTH you can easily get good a outcome.

that why in all religions teaching, TRUTH is most important, TRUTH is the real winner to God.

only Truth can survive in the so called 'gray area of law' but not Lies.

...TRUTH will prevail...

By pakbelalangAuthor Profile Page on February 23, 2009 1:07 AM

Govt Firm In Decision To Reject New LCCT In Labu, Says Najib

By D.Arul Rajoo

PHUKET, Feb 22 (Bernama) -- The government is firm in its decision to reject the plan by AirAsia Bhd and Sime Darby to build a RM1.6 billion low-cost carrier terminal (LCCT) Labu, Negeri Sembilan, Deputy Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak said today.

He said the project cannot be continued according to the original plan as Sime Darby would not pay the RM800 million infrastructure construction cost.

comment:

All is not lost, Tony. Maybe you can propose your idea of having your own airport somewhere in Tinbaktu !

By Nothing but windAuthor Profile Page on February 23, 2009 1:11 AM

The BN has had lost whatever goodwill they had in Perak because of this Zambry episod. Now whether the BN gains the control over Perak state or lose it, the effect is still the same i.e. make majority of Perakian's angry.

The status of the 2 BN friendly Independent members i.e. what right do they have and what they don't since they are facing legal action for corruption.

I notice that the hasty and wrong moves by BN is on the rise now and it has gone to critical zone.

By shadearrashadeAuthor Profile Page on February 23, 2009 1:18 AM

Apa yang nyata hujah PR dalam kemelut politik Perak adalah berlandaskan perundangan dan perlembagaan yang mementingkan ilmu pengetahuan..tetapi hujah UMNO/BN tidak demikian..asyik dengan 'Saya MB yang dilantik Sultan' atau pun 'Nizar telah menderhaka' atau pun 'Speaker patut ditarik kerakyatan' atau pun 'Tarik gelaran Dato' Seri' dan yang paling bodoh sekali apabila PM suruh buat laporan polis.

Hujah sebegini rupa orang Perak kata 'CERDIK BUAH PELIOR' kerana kita bukan berada dizaman pemerintahan 'KERAJAAN MELAYU MELAKA'. Tanda2 UMNO/BN akan pupus apabila orang berilmu mula meninggalkan mereka.

By osaneAuthor Profile Page on February 23, 2009 1:33 AM

YABhg Tun Dr Mahathir...

Assalamuikum.. semoga YABhg Tun sentiasa sihat dan selamat, Insyallah.

YABhg Tun.. Many have said that the command was made not according to the Dewan procedure. If so, it was unlawful command made by the speaker. Therefore, if I were Dato' Dr Zambry, I'll just ignore the command and carry out my duty with the rest of the Xco, as though nothing really had happened. Why not?... One thing for sure, the peoples of Perak will never ever forget this historical moment.

Just to scribe further, regarding the intentioned of YB Karpal Singh to take DYMM HRH of Perak to the court, was it not his right to do so? Is taking someone to the court to seek justice has committed an offence? I think he has the legal right, afterall he is the CM of DAP where he has many ADUN from DAP in Perak. The only question is whether or not it is morally done.

My question is why blame him? Why not DSAI or Hj Hadi or DS Nizar? The way I looked at it the main culprits are the three Malays i.e DSAI,Hj Hadi and DS Nizar, who openly making a fool to their own Malay

Sultan. Of course, knowing very well Karpal Singh, he will definitely take all these situation as an advantage to him. As we all knew, it is almost 100 police reports were made against Karpal Singh.

Saya tak faham?... Mengapa tidak kita Orang Melayu yang masih taat setia kepada Raja-Raja Melayu, beramai-ramai menyebarkan surat kepada Raja-Raja Melayu yang berkaitan, agar anugerah darjah kebesaran yg ada pada 3 orang penderhaka itu di tarik balik. Sepatutnya ini menjadi keutamaan. Bukannya membuang masa membuat laporan polis ke atas Karpal Singh yang pada hemat saya tidak membuat salah pun. Penderhaka sememangnya tidak layak menjunjung sebarang anugerah kebesaran Diraja. Wallahualam...

By mallethAuthor Profile Page on February 23, 2009 1:38 AM

Kepada Tun Dr Mahathir..

Tun, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah dan semoga Tun selamat dan sihat selalu.

Ucapan Tun di British Institute of Technology and E commerce, di London, mengenai cara untuk membawa perubahan dan juga mengatasi krisis ekonomi yang melanda kini, memang ada logiknya.

Tun, saya memang kagum dengan keprihatinan Tun mengenai isu isu yang melanda dan komen komen Tun, setiap satu daripadanya sememangnya mempunyai maksudnya yang tersendiri. Yang berlaku di Perak kini, salah satu siri drama. Seperti yang Tun katakan, kita tunggu sahaja dan lihat apa yang akan berlaku di episod yang akan datang.

Tun, saya harap Tun akan terus dan kekal sihat selalu. Pendapat Tun dalam setiap perkara adalah diperlukan dan kami, sememangnya menghargai usaha Tun.

LONG LIVE DR M..

By lzmAuthor Profile Page on February 23, 2009 1:43 AM

Dearest Tun,

Because of disappointment with Present Government Policies. 308 Malaysian voted with protest. They voted opposition regardless of who they are.

Now, Parliament and ALL Dewan Undangan Negeri are full with all "%%\$#@^&*".

I doubt they know what is Democracy, what is Law. They were elected to formulate our Malaysian Law !!!!

Luckily in Parliament, all those old & experienced in Opposition , like Lim Kit Siang and Karpal Singh were elected and still there taking care of those "%%\$#@^&*".

For Dewan Undangan Negeri, really pityful, all are Rookies and New, No experienced at all. How to govern, how to run. Still Cracking head to find solution, before ideas come. The Kingdom gone. Now, all don't know what happen!!!

What Politician we have nowadays!!!

By BidayuhAuthor Profile Page on February 23, 2009 2:06 AM

Dearest Tun,

I have finally found the answer to the question I've been asking myself all this while: 'Who the [insertTHEword] inspired all this police report syndrome?' hahaha...you've got me mr. clean, really got me...hahahaha..I tot it was somebody else..hahaha..you are so funny!! hahaha...

Poor fellas,...sikit-sikit repot polis, itu je tau, mengaduX3,..macam tu kot the 'upper class' thought their kids...hmmm...makes me wonder..poor them cops, can't do anything but writing down them

reports...ahahaha...I can imagine the look in their face...I suggest the RMP taruk mesin report, ala...yang macam ATM tu...mudah kerja...hahaha..tapi payah gak, nanti kontrak kuarkan benda tu dapat kat SCOMI gak..ahaha..hmmm...maybe that is what exactly they were thinking, a new way of getting more money, setting up 'lodge-your-report-here' kiosk..hahahaha...brilliant idea KJ, bravo!!!!

My advice, get over it people!!!! Enough with the reports, resolve something, someway,...keyword, I tell you is UNITY!!! does this word even meant anything to you people? Malays fight Malays, Chinese foght Chinese,..the list goes on. Must be pretty cool for the whole world to watch huh? Pure stupidity...

Somebody out there must be enjoying this freak show we're putting up...

A: Hey B, you should see this!!This is the part when the No. 1 guy told No. 2 to go to the police. You've gotta see this!

B: Yeah,...look at his face A, he's so funny!!

A+B: Hahahahaha...he's better that Moe, Larry and Curly!! hahaha...

God Bless you. Amen

By lottaloveAuthor Profile Page on February 23, 2009 2:34 AM

Ybhg Tun

Dimana agaknya suara rakyat seperti kita ni patut kita channel kan lagi? Depa duk gaduh tak abih. La ni saya nak buat pinjaman untuk mula bisnes pun jadi takut. Takut politik punya hal duk campur aduk, masing-masing nak rebut tempat, sat lagi bisnes saya pun kena rebut.

Kita duk tukaq pemerintah lain pasai kita nak depa dengaq hal kita. Kalau depa dengaq masalah kita, next election kita pilih la depa. tapi la ni depa duk sibuk cari umpan nak main laga. Suara NGO pun depa tak hirau, suara anak2 muda yang duk beromen siap rakam dalam telepon pun depa tak ambik kisah, suara nelayan dah takut dengan ombak laut pun depa tak amik peduli, suara orang melayu sibuk nak bela cacing lah, bela ikan canvas lah depa biau pi ja. kita sume tengah duk struggle sebab nak survive ..tapi yang pembangkang dengan pemerintah ni duk berangan apa lagi?

Mungkin kita kena pakat sama2 doa, sembahyang apa yg patut, minta tuhan melindungi kita yg mungkin terlalai dengan hiburan politik la ni. Atau mungkin kita pakat sama2 untuk tidak ambil peduli hal politik la ni buat sementara. Depa nak buat pemilihan ka, buat hantu ka, biau pi kat depa. kita tumpukan sama2 untuk menghadapi masalah ekonomi. Kalau ada jiran kita yg susah, kena buang keja ka, kita pakat beli barang dapuq cara borong dapat murah skit ...itu contohla. Kalau org politik mai hantaq kain pelekat cepat2 kita pi hantaq kat surau ..pesan kat depa untuk sedekahkan kat orang2 tua, pasai anak depa mungkin tak dapat balik kampung, kena keja part time.

Kita tak perlu takut sapa yg akan perintah kita untuk sementara ni, pasai kita sendiri dah boleh nampak la ni sapa2 pun yg perintah tak akan mampu buat kerja secara ikhlas, depa tak mampu nak fokus untuk jaga negara kita, bangsa dan agama. Kita kena pakat supaya depa yg takut dgn kita. Kita kena gunakan suara2 NGO, suara2 anak2 dijalanan yg duk jual burger siang malam, suara2 pak haji yg duk ulang alik pi surau, suara2 mahasiswa yg duk belajaq siang malam, suara2 mereka yg duk cari jalan cari makan siang malam untuk terus hidup dengan aman.

Jiwa mereka ini dah mula kosong, tiada lagi misi dan visi yg jelas. Jiwa anak muda, budak sekolah dah mula diisi dengan kemaksiatan. Jiwa orang tua dah mula ingat nak mati saja ...dah tak peduli anak bini. Jiwa org beniaga yg dah mula ingat nak menipu kawan... pasai tak cukup duit nak kawin satu lagi.

Saya percaya Tun telah keluar dari UMNO juga sebagai satu langkah survival...supaya kita lebih fokus. Rakyat Malaysia la ni pun tengah duk cuba untuk survive setakat temampu. Saya akan bedoa untuk semua, kita sama2 lah juga berdoa untuk dilindungi dari kesesatan, kejahatan, kecelakaan.

By AjasromaAuthor Profile Page on February 23, 2009 3:44 AM

ASSALAMUALIKUM KEPADA TUNYANG DI KASIHI DAN KEPADA SEMUA WARGA CHEDET, APA

YANG BERLAKU ADALAH LANGSUNG TIDAK SIHAT UNTUK NEGARA, POLITIK DI MALAYSIA TIDAK STABIL, SEGALA USAHA TUN SEMUA JADI BINASA, SEMUA INI BERPUNCA KERANA TIDAK ADA KESINAMBUNGAN SELEPAS TUN, KITA PERNAH MENGHADAPI KRISIS POLITIK DAN EKONOMI DULU TETAPI KITA DAPAT MENGATASI DENGAN CERMERLANG DAN CEPAT KERANA KITA ADA TUN, SAYA MINTA JASA BAIK TUN SEKURANG2 NYA BAGILAH NASIHAT MELALUI BLOG INI APAKAH FORMULA TERBAIK UNTUK MENGATASI MASALAH EKONOMI YANG SEDANG MELANDA DUNIA DAN KHUSUSNYA MALAYSIA, SEBAB APA YANG NAMPAK SEKARANG INI ADALAH HANYA PERMAINAN POLITIK, SAYA MASIH NAMPAK RAMAI RAKYAT MALAYSIA MASUK SUPERMARKET DAN KELUAR DENGAN PENUH TANGAN BERISI, APAKAH MEREKA TIDAK TAHU APA YANG SEDANG MELANDA? ATAUPUN TIDAK DIBERITAHU OLEH PIHAK KERAJAAN, BERIBU2 ORANG YANG SEDANG HILANG KERJA, SEMUA BLOG2 HANYA BERCERITA PASAL POLITIK MASING2, USAHA UNTUK PULIH EKONOMI NAMPAK SAMAR2, STIMULUS PACKAGE YANG BARU HARAP2 AKAN MEMBANTU UNTUK PULIHKAN EKONOMI MALAYSIA DAN SAMPAI KEPADA RAKYAT, HARAP2 BETUL-BETUL STIMULUS!!!

By MAMZAuthor Profile Page on February 23, 2009 3:57 AM

Salam Tun,

1. Ahli-ahli politik kita sekarang bertindak tanpa berfikir dahulu. Keputusan dibuat macam BUDAK TAK BERSEKOLAH. Amat berbeza sekali jika dibandingkan semasa Y.A.Bhg Tun yang menjadi PM dulu.
2. DSAI membuat teori "rampasan kuasa" pada 16 September 2008 yang sememangnya diketahui awal tidak akan berjaya kerana beliau hanya pasang angan-angan tinggi sahaja manakala UMNO & BN akan sentiasa mencari helah. Akhirnya ahli-ahli parlimen termasuk yang beragama Islam "berpuasa" di Taiwan didalam bulan Ramadhan untuk lawatan sambil belajar (macam budak sekolah) sambil bermain golf dan enjoy. Tidak diketahuilah sekiranya ada yang "sambil-sambil" ke Hong Kong untuk shopping atau ke Macau untuk berjudi. Dan tidak diketahui berapa malam solat sunat Terawih yang dilakukan (sekiranya ada).
3. Akibat tidak sabar dan tidak berfikir panjang, maka Pak Lah dan Najib telah "merampas kuasa" di negeri Perak. Dan sekarang, hantar peguam ke London untuk dapatkan "pandangan kedua" dari Queen's Counsel. Dari segi persepsi rakyat, ini memang jelas menunjukkan UMNO & BN tak kaji awal-awal @ fail to plan = plan to fail. Namun media massa arus perdana terus memberi gambaran yang UMNO & BN telah membuat perkara yang betul dalam serba serbi.
3. DYMM Paduka Seri Sultan Perak sememangnya seorang yang arif undang-undang. Namun, hakikatnya sebagai manusia kita tidak lari dari membuat kesalahan dan kesilapan. Mereka yang membuta tuli "kononnya" setia pada raja akan cuba "mempertahankan" institusi raja-raja Melayu seolah-olah tiada sebarang kesilapan yang pernah dilakukan.
4. Orang politik menggunakan institusi raja untuk kepentingan peribadi mereka sahaja. Lihat saja kes yang berlaku di Terengganu dan Perlis tahun lalu. Pemimpin UMNO yang memulakan kempen "anti-raja" sehinggakan Peguam Negara turut masuk campur memberi komen yang raja tidak boleh masuk campur hal politik. Orang UMNO jugalah yang memanggil rajanya "binatang". Media massa arus perdana pro-UMNO jugalah yang mengatakan raja-raja Melayu harus mengambil iktibar kes takhta Raja Nepal yang dimansuhkan dan "jangan menjadi bahan sejarah di muzium". Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak berwajib setelah beberapa laporan polis dibuat? TIDAK KEDENGARAN SEHINGGA KINI.
5. Dalam laporan akhbar semalam, Dr Zambry Abdul Kadir merayu pada rakyat negeri Perak untuk menerima beliau sebagai Menteri Besar yang baru. Adakah perlu sehingga merayu? Ini menunjukkan majoriti rakyat Perak masih tidak dapat menerima beliau sebagai MB baru kerana "kerajaan katak" BN Perak sekarang bukan dipilih secara demokrasi oleh rakyat tetapi dilantik melalui rampasan kuasa.
6. Untuk berlaku adil dan memendekkan kemelut politik Perak sebelum merebak ke negeri lain, satu pilihanraya umum negeri yang baru perlu diadakan di negeri Perak. Biarkanlah rakyat yang memberi

mandat siapa yang layak untuk membentuk kerajaan. Masalah kegawatan ekonomi yang meruncing adalah lebih penting daripada kemelut politik.

7. Itupun kalau UMNO-BN berani, tetapi sehingga ke hari ini UMNO-BN masih kelihatan TAKUT dan BACUL.

BERANI KERANA BENAR, TAKUT KERANA SALAH

By anieAuthor Profile Page on February 23, 2009 4:11 AM

salam Tun,

politics are just confusing to me.

By hizbulAuthor Profile Page on February 23, 2009 4:19 AM

SALAM TUN... HARAP TUN BACA KOMEN INI...

Tun...

Saya cukup pleik melihat komen2 dr topik ini...Saya tahu kebanyakan komen ini dr penyokong tun dan juga orang umno..Ramai dr mereka meluat...tp sedih ada dr mereka yang x tahu sola udg2,...maybe kurang membaca...soal perubahan kerajaan negri perak yg menjadi kusut ini adlh disebabkan cara rampasan kuasa oleh Bn adlh melanggar udg2 perlembagaan negi perak..Sultan tiada kuasa memecat...Mb hanya boleh dipecat dlm sidang dun..segala yg timbul ini adlh dr ketamakan kuasa...yg rugi nya adalah rakyat..Allah itu maha berkuasa tun..kbykkn kita selalu bias dlm bg statement...inilah akibat kerana menolak hukum hakan islam...maybe kita tahu kebenaran...tp demi kptgn diri ita lupa...inilah ujian dunia yg sementara ini..ape2 pun sy cukup kecewa dgn keadaan di perak ini...penat jer rakyat perak pergi mengundi..rakyat telah hilang kuasa dlm memilih pemimpin...

yang kecewa..anak jati perak...

By ambroseAuthor Profile Page on February 23, 2009 5:15 AM

Asalamualaikon Tun,

As I see it now Tun, sistem perundangan negara sekarang ini telah berjaya di perlemahkan oleh pihak pihak tertentu (make a guess), sehingga pihak AG chambers takut membuat intepretasi undang undang yang ade serta memberi arahan arahan yang sensitif dan pihak polis pula takut mengambil tindakan sahinggakan perbuatan perbuatan yang melanggar undang undang yang ade dibiarkan bagitu sahaja dan ini telah mengakibatkan perbuatan melanggar undang undang berlaku dengan sewenang wenangnya. Mereka ini nampaknya sangat berhati hati untuk bertindak dan cuba menjauuhkan perbuatan/tindakan yang unpopuler oleh itu ini merangsang pihak pihak tertentu untuk berlaku lebih agresif lagi.This I think is the net result of having the royal commission on the police force. Sakiranya isu isu sensitif yang berlaku sekarang tidak dibendong dengan berkesan, implikasinya kepada keselamatan negara dalam jangka pendek/panjang amatlah merbahaya.

Kemulut politik yang sedang bergelora di Perak sekarang ini adalah satu satunya produk yang dihasilkan oleh kelemahan yang wujud diatas, dan saya yakin banyak lagi situasi sabagini rupa akan timbul dalam masa yang terdekat.Sincerely I hope I am proven wrong on this for the sake of our belove country.

By kamal ahmadAuthor Profile Page on February 23, 2009 6:01 AM

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun.

I disagree with Mukhriz view on the need for a due accord of respect to Pak Lah. But I respect his views just like I respect anyone others in making theirs. History is written in indelible inks, and tries as hard as you may at changing it, it shall prove to be a stubborn and uncompromising file storage system over human kind. You only get a pocketful of time to spend in life, and once spent it's gone for good. You either live with it or you just forget it. Nothing in between.

By kancanAuthor Profile Page on February 23, 2009 6:57 AM

Salam Tun.

Dah lama saya tak menyumbangkan komen dalam blog Tun ni. Cuma saya terpanggil untuk memberi sedikit komen tentang keadaan semasa sekarang.

1. Kes di Perak. Isu lompat parti ini mungkin ada di perancang semua parti2 politik di Malaysia. Yang paling ketara adalah perancangan PKR melalui DSAI sehingga diwar2kan akan berkuasa pd tarikh2 tertentu. Hingga menyebabkan ahli parlimen bn buat lawatan sambil belajar ke Taiwan dan disusul pula oleh beberapa ap dari PKR ke Taiwan. Alih2 ADUN di Perak yg melompat keluar. Tapi DSAI kata ini tak betul dan salah. Bagi saya matlamat sama cuma cara perlaksanaan ada sikit berbeza mengikut keadaan dan kesesuaian ketika itu.

2. Kes ADUN Bt Lanjan. Memang saya simpati akan masalahnya. Memang orang yang menyebarkan perlu disiasat oleh polis. Tapi pandangan saya disini kenapa perlu dipertahankan hasratnya untuk letak jawatan. Adakah kerana ADUN tersebut penyokong anda, jadi langsung tiada sedikit kesalahan pun yang dilakukannya. Pendapat saya disini, moral yang tidak baik telah didedahkan disini. Dia belum berkahwin tetapi telah bersama dengan kekasih didalam sebuah rumah yang tentunya hanya berdua sehingga gambarnya boleh diambil dalam keadaan demikian. Adakah budaya ini yang kita nak ditunjukkan oleh pemimpin kita.

3. Kenapa semua orang gila kuasa. Yang rasa kuat tak sabar2 nak berkuasa. Yang dah berkuasa asyik nak menguatkan cengkaman. Akhirnya negara juga yang binasa.

By kamal ahmad Author Profile Page on February 23, 2009 7:22 AM

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun. Minta izin sedikit disini. T Kasih.

Well done! That's the way to go Datuk Seri Najib! You make a black and white statement and move on. And that's that to it! We need to see point of authority again in Malaysia, it is fast deteriorating into a state of political lawlessness. It's been Toohey's law ever since Dollah peddled his oneness and openness with his brand of intricate universe since 2003.

And by the way, to our Datuk Seri NSTP CEO of The Year Tony Fernandes: drop that Manchester United line already. Word FLASH: People know whose finger prints is all over it Tony. See you went and fall for it bro, you should have said Liverpool or Blackburn or anything else, but you went and fall for that MU thing. Desperations starting to shows here man. And Thaksin is laughing at you now.

UTUSAN ONLINE

"PHUKET 22 Feb. – Sudah muktamad! Cadangan pembinaan terminal syarikat penerbangan tambang murah (LCCT) baru di Labu, Negeri Sembilan tidak boleh diteruskan, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Kita sudah membuat keputusan. Projek LCCT tidak boleh diteruskan," kata beliau yang juga Menteri Kewangan kepada pemberita selepas mesyuarat khas Menteri-Menteri Kewangan ASEAN+3 di pulau peranganin di selatan Thailand hari ini.

Najib berkata, projek itu tidak boleh diteruskan kerana cadangan asal ialah konglomerat Sime Darby tidak akan menanggung kos pembinaan infrastruktur, sebaliknya akan menjual tanah kepada pihak yang membina, misalnya Malaysia Airports Berhad.

Kos pembinaan infrastruktur LCCT tersebut bernilai RM800 juta.

"Saya sudah mendapat pengesahan daripada Sime Darby secara hitam putih mengenai perkara ini. Jadi jika mereka tidak memberi sumbangan, maka tidak ada asasnya projek ini hendak dipertimbangkan," kata Najib.

Projek LCCT yang baru, ujar beliau lagi, akan dibina dalam kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Cuma yang masih dalam rundingan kini, kata Timbalan Perdana Menteri ialah kaedah-kaedah pelaksanaan projek termasuk permintaan AirAsia terhadap LCCT yang baru merangkumi soal caj meletak pesawat dan sebagainya.

Najib diminta mengulas kenyataan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob kelmarin, bahawa cadangan pembinaan LCCT baru di Labu masih dalam perbincangan antara kerajaan dan pihak berkaitan.

Dr. Sulaiman berkata, kerajaan telah meluluskan projek itu secara dasar kerana ia melihatnya sebagai satu bentuk pelaburan sektor swasta tetapi terdapat keperluan bagi pihak berkenaan mengkaji perkara itu berhubung semua aspek teknikal dan keselamatan.

"Ini mestilah dilakukan dan Kementerian Pengangkutan berunding daripada segi kehendak teknikal. Sehingga atau kecuali semua ini diselesaikan, kita tidak boleh melakukannya," kata beliau selepas menyampaikan ceramah mengenai status semasa cadangan untuk mendirikan LCCT baru itu.

Baru-baru ini, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat berkata, keputusan muktamad belum dibuat mengenai sama ada untuk meneruskan atau membatalkan cadangan mengenai LCCT itu. – Utusan."

By GendutAuthor Profile Page on February 23, 2009 7:38 AM

Salam...buat Tun & keluarga

Lawak memang lawak.....
Lawak bukan sebarang
Lawak Timah bukan Perak.....
Lawak laksana politik Perak....

Inilah yang dikatakan "Aku ade KUASA....."
Inilah yang dikatakan "Ape engkau ade....."
Inilah yang dikatakan "Siapa yang lebih berkuasa....."
Inilah yang dikatakan "Ragam dunia....."
Inilah yang dikatakan "Kerana kuasa"
Inilah yang dikatakan "Biar kita tengok ape yang depa boleh buat...."
Inilah yang dikatakan "KUASA"

Sampai "tak kuasa" nak lihat dan dengar....
Sampai "tak jemu" nak lihat dan dengar....
Sampai "tak habis" nak lihat dan dengar....
Sampai "tak hairan" nak lihat dan dengar....
Sampai " tak kisah" nak lihat dan dengar....
Sampai bila? Sampai bila?.....entahlah tak sampai-sampai la gamaknye...
yang merana sapa?
Pemimpin Politik?
Pemimpin Masyarakat?
Pemimpin Rakyat?
Pemimpin atau Rakyat....?
Kesian rakyat PERAK.....

inilah sandiwara dunia.....

By kamal ahmadAuthor Profile Page on February 23, 2009 7:48 AM

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun.

"National laureate Datuk A. Samad Said said the implementation of the policy contravened Article 152 (1) and 152 (6) of the Federal Constitution on the use of Bahasa Melayu for all."

That up there I copy & paste from NST On-Line (Khairy & Kali last and final line of firing into UMNO meet-up in March). I dare add, in my shallow knowledge of Malaysian Law:

Artikel 152(3) dan Artikel 153(1) dalam Akta Rang Undang-Undang Persekutuan adalah juga menjadi kesalahan memakai seluar lama sentap sampai ke buku lali dan janggut tak cukur sampai ke celah kangkang.

I don't care about any gathering, but get a permit for those two Legal Articles up there. Then you go protest all you want. See Khairy, this all your new pals :) Padedoh (04) muko demo (09)! :) LOL!
By mantobaAuthor Profile Page on February 23, 2009 7:58 AM

Tun.

Bergitu lah lemah dan pendek nya pemikiran PM kita ini. Tanpa melihat apa masaalah dan jenis jenayah nya terus menasihati MB Zambry buat laporan Polis.

Mujur lah Datuk Zambry tu lebih waras dan tinggi ilmu nya dari Pak Lah dan tidak pula melakukannya. Tapi menggunakan tektik dan pendekatan lain untuk menyelesaikannya. Tapi apa pun nampak nya PR dan BN sedang main 'Tug of War' Sama seimbang jumlah peserta. Terpulang siapa yang kuat dan ada strategi baik akan berjaya.

Tapi orang ramai telah pun dapat membaca strategi PR mengantung 7 adun2 tu. Tapi saya yakin usaha itu tak kan berjaya, kerana sah Tuan Speaker mereka telah tidak mengikut peraturan sebenarnya.

Tak sabar nak tunggu PAU mac ini....

By iiziinAuthor Profile Page on February 23, 2009 8:22 AM

Assalamu'alaikum wbt muslimin muslimat,

Di negeri2 tertentu dalam khutbah kedua solat Juma'at khatib biasanya menyelitkan do'a untuk Sultan dan keluarga baginda. Para makmum majoritinya menadah tangan mengaminkan do'a tanpa diarah. Seminggu 1 kali, sebulan 4 kali, setahun 52 kali, 5, 10, 15 tahun, sepanjang hayat??

Generasi sekarang yang memahami maksud kandungan do'a yang diulang2 itu tidak lagi berbuat demikian, atau semakin berkurangan.

Wassalam.

By BARAISANAAuthor Profile Page on February 23, 2009 8:33 AM

Salam Sejahtera Tun,

Malaysia sedang mengalami kemelesetan ekonomi yang serius pada masa kini dan seharusnya segala usaha difokuskan dalam menangani masalah ini. Tetapi, pemimpin-pemimpin sedang rakus merebut kuasa dan kekayaan dengan mejerumuskan masyarakat kita yang harmoni ke arah suatu bentuk kemusnahan yang nyata. Tidak dinafikan negara sedang mengalami transformasi demokrasi yang baru tetapi semua ini akan ada implikasinya dalam masa terdekat. Tahun ini akan genap 40 tahun peristiwa berdarah yang pernah berlaku dulu, angka 40 tahun pula adalah 'golden years' untuk sesuatu pencapaian tetapi janganlah ia menjadi ganti kepada kemusnahan tersebut. Diharap semua ini tidak akan timbul dan berharap negara kita akan pulih pada tahun hadapan. Hanya Tuhan sahaja yang boleh menyelamatkan Malaysia sekarang. Semoga Tun sekeluarga sentiasa sihat dan sejahtera.

By karim selamatAuthor Profile Page on February 23, 2009 8:42 AM

DI MANA PENGHUJUNGNYA SEMUA INI?

Masyarakat kita dilanda keresahan. Bukan kecil atau besarnya isu, dan bukan juga ringan atau seriusnya sesuatu perkara, yang jelas adalah lebih kepada perasaan resah. Resah gelisah itu di zahirkan dalam bentuk demonstrasi. Tidak ada statistik dikeluarkan, namun kalau kita ingat dalam lima tahun terakhir ini amat banyak terjadinya demonstrasi terhadap berbagai isu. Kita memasuki tahun 2009 ini dengan hidangan lebih banyak demonstrasi. Kalau sebelum ini demonstrasi lazimnya dikaitkan sebagai budaya Parti Pembangkang, penduduk setinggan, pekerja atau buruh dan pelajar IPT. Tetapi kini budaya demonstrasi sudah berjangkit dan merebak kepada semua lapisan masyarakat dari pemimpin hinggalah kepada rakyat.

Mahu tidak mahu kita mesti mengakui bahawa kegelisahan masyarakat itu sudah tidak dapat dibendung. Undang-undang yang menghalang perhimpunan tanpa permit dan mengganggu ketenteraman awam sudah tidak dipedulikan. Ini kerana kegelisahan itu adalah sejenis perasaan. Perasaan kecewa, tidak puas hati, marah, geram, dendam, putus asa, apabila sampai ketahap tidak dapat dibendung, manusia sanggup berbuat dan bertindak diluar batas. Bahkan manusia sanggup hingga keperingkat menggadai nyawa samada nyawanya sendiri atau nyawa orang lain atau kedua-duanya sekali. Menggadai nyawa sendiri seperti membunuh diri. Menggadai nyawa orang lain seperti berperang. Menggadai kedua-duanya sekali seperti meletupkan diri ditempat musuh. Inilah diantara kesan luahan perasaan yang memuncak. Maka demonstrasi merupakan salah satu cara luahan perasaan sederhana. Tetapi perlu diingat, kalau tidak diubah akan bertambah parah yang mungkin membawa akibat yang lebih teruk.

Banyaknya berlaku demonstrasi adalah tanda rakyat lemah jiwa, tidak kuat untuk menahan perasaan dalam berhadapan dengan masaalah. Bagi bangsa yang lemah jiwa atau berjiwa kerdil, satu masaalah dirasakan seolah-olah sepuluh masalah. Kalau berhadapan dengan sepuluh masalah dirasakan seolah-olah seratus masalah. Betapalah kalau menanggung seratus masaalah, lebih-lebih lagilah mudah kecewa dan putus asa. Bangsa yang memiliki kekuatan jiwa atau berjiwa besar, seribu masalah dirasakan sebagai tiada masalah bahkan merasakan mendapat keuntungan dari setiap masalah.

Untuk melahirkan bangsa yang berjiwa besar dan kuat hendaklah dididik bangsa itu menjadikan Tuhan sebagai cita-cita dan matlamat hidup. Didik rakyat hingga mereka merasakan Tuhan segala-galanya, darah daging, hidup mati, lantas sangat mempromosi dan memperjuangkan Tuhan. Hasil dari memperjuangkan Tuhan akan lahir bangsa yang memiliki lima sifat yang juga merupakan syarat untuk bangsa itu berjaya.

1. Rajin dan bersungguh-sungguh.
2. Berani.
3. Sabar, tabah dan cekal.
4. Bertanggungjawab dan sangat berdisiplin.
5. Kreatif dan cerdik

Tuhan perintahkan manusia supaya takutkan Tuhan. Apabila manusia takutkan Tuhan secara otomatik manusia menjadi baik. Kebaikan manusia itu kembali faedah dan manfaatnya dikecapi oleh manusia. Semua manusia sukakan kebaikan. Kalau demikian memang amat perlu manusia dididik untuk takutkan Tuhan.

Tuhan perintahkan manusia supaya mencintai Tuhan. Apabila manusia mencintai Tuhan secara otomatik manusia hidup berkasih sayang. Semua manusia sukakan kasih sayang kerana ianya adalah fitrah semua manusia. Kalau begitu memang wajar diusahakan agar manusia mencintai Tuhan.

Jalan keluarnya adalah terletak ditangan pemimpin dan ulama dalam mendidik manusia bercita-cita Tuhan, takut dan cintakan Tuhan. Pemimpin dan ulama patut mengakui dan mesti bertanggungjawab. Pemimpin dan ulama tidak boleh berlepas tangan atau membiarkan sahaja, atau berpuas hati dengan keadaan rakyat dalam keadaan lemah jiwa, keluh kesah dan gelisah. Dalam keadaan lemah jiwa, keluh kesah dan gelisah inilah rakyat merasakan mereka tidak terbela dan tiada tempat mengadu. Sebenarnya bukan besar sangat persoalan masalah yang dihadapi itu, tetapi seolah-olah masalah rakyat tidak dipedulikan. Apa akan terjadi? Akhirnya nanti orang politik akan ditolak oleh rakyat. Raja-Raja mempunyai hak untuk memberi kuasa kepada siapa sahaja, walaupun bukan orang politik, asalkan dapat mendamaikan suasana negara dan Rakyat.

Rasulullah saw ada menyebut dalam Hadis Baginda dengan maksud, 'Dua golongan apabila baik maka baiklah rakyat iaitu Umara Dan Ulama.'

Dan dalam Hadis lain Rasulullah menyifatkan para pemimpin itu, 'Penghulu kepada satu kaum itu adalah khadam kepada kaumnya.'

Dalam Hadis pertama bagi orang Melayu pemimpin dengan rakyat diumpamakan kayu dengan bayangnya. Kayu yang lurus sudah pasti bayangnya lurus. Kalau bayangnya bengkok, tanpa melihat kayunya sudah tahu bahawa kayunya bengkok. Untuk melahirkan rakyat cita-cita dan matlamatnya Tuhan, memperjuangkan Tuhan, takut dan cintakan Tuhan, maka pemimpin dan ulama mestilah dari kalangan yang begitu sifatnya. Sekarang ini apa yang terjadi memperlihatkan rakyat tidak mempedulikan Tuhan atau meminggirkan Tuhan adalah disebabkan pemimpin dan ulama yang memang tidak mempedulikan Tuhan atau meminggirkan Tuhan. Pemimpin dan ulama tidak membawa Tuhan bersama atau tidak membawa Tuhan campur tangan dalam segala urusan hidup.

Dalam Hadis kedua pula Rasulullah saw maksudkan bahawa pemimpin adalah orang yang sangat berkhidmat kepada rakyat. Khidmat disini janganlah pula melihat dalam aspek lahiriah semata-mata. Biar pun dalam realitinya tuntutan lahiriah itu belum sempurna namun usaha kearah itu sentiasa dibuat. Apa yang tercicir ialah khidmat dalam memenuhi tuntutan rohaniah dan maknawiyah rakyat. Sedangkan kalau selesai aspek rohaniah rakyat, akan membawa kepada kesan yang lebih positif. Rakyat perlukan pemimpin umpama Saidina Umar Bin Ibnu Abd Aziz yang mempunyai karamah dan berkat. Dizaman pemerintahan Saidina Umar Ibnu Abd Aziz, bukan sahaja rakyatnya berkasih sayang, bahkan kambing dan serigala pun boleh bergurau senda. Tiada rakyatnya yang layak menerima zakat, bukan semata-mata semuanya kaya harta, bahkan golongan fakir pun merasai tidak layak menerima zakat. Ini kerana mereka memiliki kekayaan jiwa hingga miskin pun dirasai kaya lantas menolak zakat. Golongan miskinnya merasai tidak layak menerima zakat kerana sangat berpuas hati dengan apa yang dimiliki. Zaman ini bukan sahaja golongan miskin keluh kesah dan menderita hingga meminta-minta, golongan kaya pun turut merasai miskin serta merasa tidak cukup. Mereka turut mencari peluang untuk memperolehi zakat. Sebab itu orang kaya zaman ini rata-rata kedekut dan tamak. Zaman Saidina Umar Ibnu Abd Aziz, hasil dari karamah dan berkat, luntur hati rakyat untuk melakukan maksiat. Gejala sosialnya sangat minima. Tanamannya subur dan banyak mengeluarkan hasil. Binatang ternakan sangat membiak. Cuaca sangat terkawal seolah-olah ada thermostat sehingga tiada kepanasan yang melampau hingga kemarau. Dan tiada juga hujan yang melampau hingga mengakibatkan banjir. Inilah maksudnya pemerintahan yang mendapat bantuan dan pertolongan Allah swt hasil dari ketaqwaan Saidina Umar Ibnu Abd Aziz.

Kalau rohaniah rakyat selesai, kekurangan, cacat cela dan sedikit terabai dalam aspek material dengan mudah dapat diatasi. Ini kerana jiwa rakyat sudah kuat, baik dan sangat mudah menerima seadanya. Kalau sedikit tak puas hati pun mampu dipendam tanpa perlu diluahkan. Lebih-lebih lagi tidak akan sampai meluahkan perasaan secara terbuka melalui demonstrasi. Ini termasuk akan lahiriah rakyat yang berkasih sayang, berlapang dada, bertolak ansur. Lahiriah rakyat yang bersedia untuk berbeza pendapat, mudah berunding, boleh bermuafakat, sepakat dan seja sekata. Natijahnya lahiriah rakyat yang memiliki perpaduan yang utuh dan kukuh. Keadaan ini hanya akan terjadi bermula dari pemimpin dan ulama yang benar takut dan cintakan Tuhan dan sangat memperjuangkan Tuhan. Sekaligus sangat membawa kasih sayang kepada rakyat. Sangat menyelamatkan, sangat membela dan sangat menghiburkan. Inilah sifat pemimpin yang perlu ada untuk menjadikan negara yang aman makmur dan mendapat keampunan Allah. Nescaya rakyat tidak lagi resah dan demonstrasi tidak akan berlaku lagi.

By mazharhAuthor Profile Page on February 23, 2009 8:54 AM

Salam Tun and family,

I read about your speech in London pertaining to the global financial crisis. I believe you are the only leader in the world who doesn't subscribe to the Anglo-Saxon paradigm and theories of government, politics and economics. Like Frank Sinatra's - I do it my way - you have done it your way Tun when you were in the government.

Apparently, the current regime of government and politicians are "intellectually bankrupt". They can't think of anything good for the people and even worse, for the country. It is very sad to see what is happening now, but like you said, "We just wait and see - this is what Malaysians can do best these days.."

By ahhaAuthor Profile Page on February 23, 2009 9:13 AM

Asalamualaikum wbt,

YBhg Tun, rakyat dan jelak dengan kemelut politik. Tak habis-habis, dari kemelut ke satu kemelut. Bila

nak fikir hal memajukan Agama, bangsa dan negara ? lambat sangat rasanya nak tunggu mac ni lihat pak lah letak jawatan. Dulu anwar ibrahim dibebaskan kerana pak lah cuba nak cari publisiti, konon nak tunjuk baik tapi tak sangka anwar la ni bawa masalah besar pada negara.

Tun, arwah bapa saya berasal dari Kalikat, kawin dengan arwah ibu saya orang melayu Johor (Segamat) tahun 30 an. Saya dengar arwah bapa tun pun orang dari sana, betulkah ?
By peace 4 allAuthor Profile Page on February 23, 2009 9:21 AM

Askm Yg. Bhg. Tun,

Tun, begitu menyedihkan bila isu2 politik diletakkan daripada isu2 masalah rakyat, yang menjadi mangsa rakyat, banyak lagi isu yang boleh diketengahkan di t.v, tapi rata2 yang saya tengok isu politik yang tak sudah2.....generasi muda mcm kami nie naik bosan sudah dgn isu2 begini.....patutnya diorang nie tumpukanlah masalah rakyat, banyak lagi rakyat yang memerlukan bantuan diluarbandar tue.....ini semua kes saman-menyaman, ntah apa2 lah.....Tun, saya harap anak Tun, Datuk Mukhriz menang jawatan Ketua Pemuda UMNO, saya rasa Datuk Mukhriz paling layak.....
By mantobaAuthor Profile Page on February 23, 2009 9:24 AM

TUN.

Izinkan.

PHUKET 22 Feb. – Sudah muktamad! Cadangan pembinaan terminal syarikat penerbangan tambang murah (LCCT) baru di Labu, Negeri Sembilan tidak boleh diteruskan, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak

Nampak nya Tok Ajib lebih waras dari Pak Lah. Itulah keputusan yang terbaik. Dalam keadaan ekonomi gawat ni usah lah membazir kan wang.

Tun.

Virus PKR dah mula merebak kat Selangor selepas melanda Perak setelah tumbang nya kerajaan PR di Perak.

Agak ini lah yang di katakan setengah Ustaz tu jangan main2 dengan Sumpah. Bala nya tetap akan tiba dalam masa setahun. 11 bulan dah pun nampak bala yang menimpa PKR.

Renung2 kan lah penyokong2 'Die Hard' atau 'Hard Core' PKR.

Kembali lah kejalan sebenar nya.Takut nanti terkena pulak badi nya.

LGE kata Penang telah gagal dalam projek "0" kemiskinan dalam usaha kerajaan nya untuk tempuh 1 tahun pemerintahan nya.

Apa yang jelas hanya kaum melayu nya sahaja yang maseh tidak menepati sasaran dan bantuan. Kaum lain telah pun berjaya di bantu. Satu kenyataan yang penuh muslihat. Satu wayang opera LGE.

Dah lah orang2 melayu dalam PAS dan PKR yang menyokong PR di Pulau Pinang jangan lah di pergunakan oleh2 pemimpin2 hipokrit seperti mereka2 yang berkuasa dalam PR terutama DAP.

Walau pun ahli PAS ke PKR ke asalkan nama melayu tak kan dapat apa2 pun yang istimewa nya di P.P. P.P akan jadi macam Singapore di bawah kuasa PR/DAP.

"Asal nya Perak dari Timah".

By kamal ahmadAuthor Profile Page on February 23, 2009 9:24 AM

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun.

"KUALA LUMPUR: Perak Umno has sought advice from a Queen's Counsel in London on how to deal with the constitutional deadlock in the state."

My take: And rightly too I say ol'chap, go see all the Lardships in London! And don't just stop there either! Go to Las Vegas next and see Don King and get his advice as well!

By therussmanAuthor Profile Page on February 23, 2009 9:38 AM

SALAM TUN...

KITA KELUARKAN JELAH PERAK TU DARI MALAYSIA..BAGI JE PADA BANG NUAR..SIAN DIE..
TUN TOLONG ULANG SIKIT ISU KHALID GAGAK DENGAN RASUAHNYA..

By syahrolAuthor Profile Page on February 23, 2009 9:40 AM

Assalamualaikum Tun,

Apa yang saya lihat tentang isu ini, terdapat kelemahan terhadap undang-undang negara kita. Perlu menggubal semula undang-undang supaya kelemahan undang-undang seperti ini tidak akan berlaku lagi.

By danielsdbAuthor Profile Page on February 23, 2009 9:49 AM

Biasalah Tun.....Our PM always thought he can control and influence all parties, including the police. Tun is right, all of us let's sit back and admire. Pity those affected by the situation there. Take care Tun.

By whybee bangi 2Author Profile Page on February 23, 2009 9:50 AM

Salam Tun,

1) Keadaan yang bercelaru dinegara menampakkan kita sedang dipimpin oleh orang paling tak layak jadi PM. Atau sememangnya beliau ni tidak ujud. Kenapa masih ada orang yang menghormati beliau saya tak faham.

2) Didalam kecelaruan ini juga melihatkan betapa ahli politik tak kira BN(pimpinan PakLah) atau PKR(pimpinan Anwar Berahi) tidak peduli hal rakyat yang sedang menghadapi krisis ekonomi yang teruk.

3) Teringat saya negara jiran kita Singapura yang dianggap bijak dalam segalanya di lapurkan bahawa dua syarikat GIC dan Temasik masing masing rugi US33billion dan US58billion jumlah keseluruhannya bersamaan dengan RM320billion.

4) Ketika Singapura mengambil langkah segera membetulkan keadaan disini kita duk bagi tau dunia kita tak teruk dan bercakaran tanpa memperdulikan periok nasi rakyat.

5) Alangkah baik andainya sesekali kita disajikan dengan berita lain dari politik kotor yang tak membawa sebarang faedah.

Rakyat dah muak, mual, loya..... bbboooooeek, hak tui!!!

Maaf banyak Tun, tak boleh tahan lagi!!!

Wassalam.

By HouseWife™ Author Profile Page on February 23, 2009 10:12 AM

Assalamualaikum Tun,

Keadaan di Perak pada saya nampaknya sudah tidak melucukan lagi tapi memalukan dan menyedihkan! Suruh budak-budak sekolah berdisiplin, berhemah, jangan buruk sangka, bertoleransi, jangan jadi/ikut gangster dan etc etc yang baik-baik lah belaka. Namun mereka yang di dalam arena politik ini berlagak sebaliknya bak kata peribahasa; seperti mengajar ketam berjalan betul.

Mereka-mereka yang dikatakan bijak pandai ni tidak bolehkah berunding di meja bulat elok-elok untuk mencari penyelesaian yang terbaik buat semua lebih-lebih lagi untuk rakyat jelata negeri Perak. Kalau kita mahu pihak Israel berunding dan berkompromi dengan pihak Palestin, tak kanlah sesama sendiri tidak boleh. Hendak menyelesaikan masalah negeri pun susah, macam mana dengan masalah negara atau masalah negara luar yang kita selalu hendak jadi champion.

Penyakit negeri Perak boleh berjangkit ke negeri-negeri lain kalau tidak diurus dengan baik dan segera. Sudah jadi barah! Tun seorang doktor, tidakkah Tun mahu beri prescription untuk mencegah penyakit ini daripada merebak.

Saya tidak sanggup melihat negara Malaysia porak-peranda gara-gara gila kuasa tok-tok dalang politik ini.

Hendak tunggu apa yang akan berlaku kemudian? Tengoklah director mana yang pandai mengarah "pelakon-pelakon" mereka. Siapa yang mendapat Best Director, Best Actor, Best Actress and Best Villian! Best Film goes to....UPIN dan IPIN!

Semoga Tun dan keluarga sihat sejahtera. Semoga Allah Lindungi Tun selalu.
By moyabiraAuthor Profile Page on February 23, 2009 10:27 AM

Salam Tun sekeluarga,

a) Sekarang ni BN betul-betul tak belajar dari kesilapan yang telah mereka lakukan.

b) Baru ni saya pergi ke IPOH, sambil tu bertanya khabar tentang pilihanraya yang akan diadakan di Bukit gantang, secara rambang nampak gaya BN BUNGKUS lagi. Banyak issue yang boleh di perkata oleh pembangkang.

c) Kalau macam ni seterusnya, nampak gaya next election, BN akan tamat riwayat terus.

wassalam,
By wakzAuthor Profile Page on February 23, 2009 10:27 AM

Ass'kum Tun....

Tun apa khabar? Diharapnya tun berada didalam keadaan yang sihat disamping keluarga tun

Tun saya nak beri sedikit komen lerr...pasal keadaan sinario politik dimalaysia sekarang nie...apa yang saya nampak sekarang nie..rakyat setiap hari kena mendengar masalah menteri-menteri..sepatutnya menteri-menteri kena dengar masalah rakyat..kalau nak berkempen pandai pula berkata-kata....bersama rakyat..janji sana sini..tapi habuk takda...apa yang disibukkanya...pergi balai polis buat laporan polis.....menteri itu salah lerr...apa lerr...ntahapanatah apa lagi saya pun tak tahu....saya rasa tak seronok dengan keadaan skg...berbanding dengan dahulu semasa Tun memerintah...

sekian terima kasih

Wakz Despatch kelas rendah
By radenAuthor Profile Page on February 23, 2009 10:28 AM

Dear TUN

SUSAH RAKYAT JIKA SULTAN DAH IKUT BERPOLITIK
By KhairiAuthor Profile Page on February 23, 2009 10:32 AM

Assalamualaikum Tun,

Walaupun bermacam-macam peristiwa yang berlaku sepanjang bulan february ini yang disebarkan oleh berbagai-bagai saluran melalui media, internet, blog dan sebagainya tetapi bagi saya adalah lebih baik Dr Zamby bertaubat untuk membersihkan hati dia...

By hatikristalAuthor Profile Page on February 23, 2009 10:44 AM

salam to dearest tun & family,

when is it all going to end? the circus, the embarassing attitude of all the leaders we have now..when is it all going to end???

By AnuarAuthor Profile Page on February 23, 2009 10:58 AM

Tun yang dihormati,

Nampak sangat kebongokan pihak-pihak yang terlibat dalam kes Perak ini. Yang terbaharu, sampai tahap pergi London untuk mengadap QC minta pandangan. Kita ada Islam sebagai jalan penyelesaian, buat apa nak pergi jumpa bekas penjajah yang sememangnya tiada berkepentingan untuk melihat Malaysia aman dan maju. Jumpalah para ulamak yang merupakan pewaris Nabi. Islam itu adil. Ingatlah semua pihak yang terlibat, kita semua akan mati akhirnya dan akan disoal oleh Allah. Perebutan kuasa ini tidak berbaloi jika dibandingkan dengan azab neraka Allah. Katakan kita sekarang berumur 50 tahun. Mungkin dalam 10-20 tahun lagi kita akan "goal". Tak lama tu.

Seperkara lagi, buat apa pergi buat report polis ramai-ramai. Kalau ya pun, satu report cukuplah. Kesian kat polis. Asyik-asyik terima reports from all these jokers. Mungkin kena buat undang2 baru. Cukup 1 report untuk 1 kes. Polis taulah apa yang hendak dibuat.

By arikAuthor Profile Page on February 23, 2009 11:10 AM

Tok Det nak lari tajuk sikit , sila tegur muhyiddin punya cadangan yang tak masuk akal langsung

Insentif RM5,000 lupus kereta lama - Muhyiddin

pakai 15 tahun dapat 5000 , muhyiddin ingat harga kereta 10000 ke....

bagi saya apa yang dia fikirkan itu hanya untuk menyusahkan rakyat sahaja . cadangan saya baik pakai kereta 5 tahun sahaja , tapi dengan syarat harga kereta mesti diturunkan , contohnya harga Exora yang baru 10000 , bermakna ansuran bulanan pun tak sampai 300 , kalau pakai lima tahun buang pun tak terkilang sangat . baru lah menguntungkan pengguna . Ini nak menguntungkan sebelah pihak sahaja tak habis-habis orang umno ni . dia ingat kita bayar ansuran 300 sebulan ke , kita bayar cecah seribu sebulan tau . kita tau itu cadangan , tapi cadangan itu hanya menguntungkan sebelah pihak sahaja . sepatutnya kerajaan mengambil keuntungan yang sedikit setiap kereta yang dijual dipasaran . bila harga rendah , barulah permintaan tinggi , setiap kilang akan mengeluarkan produk nya dengan cepat maka meriahlah industri tempatan . walaupun keuntungan sedikit , jumlah permintaan meningkat . kalau bagus boleh untung dua kali ganda lagi . lepas itu nak pupuskan lima tahun pun takpe , janji harga rendah .

By HookamaniaAuthor Profile Page on February 23, 2009 11:12 AM

Salam Sejahtera YAB Tun,

Kadang-kadang kita tak tahu dimana hendak mulakan cerita pasal di Perak ini. Mungkin kerana kedua-dua parti politik ketandusan idea dimana undang-undang dicipta untuk ditampal yang direka manusia maka kita tak berupaya melihat kembali kepada Sejarah dan kesan kepada pentadbiran yang akan datang.

Karpal membuat keputusan untuk mencabar Sultan, YAB MB Perak yang masing-masing mengaku bahawa dia adalah Menteri Besar, seorang mengaku dia dilantik oleh rakyat, seorang pula mengaku dilantik oleh Sultan dan Speaker pula membuat keputusan yang pelik.

Kalau diadakan Pilihanraya semula memerlukan kos yang tinggi, isu pertama yang saya pelik kenapa perlunya diadakan pilihanraya sedangkan situasi rakyat masih terkawal dan kenapa kita perlu bazirkan duit PILIHANRAYA semata-mata hanya kerana didasarkan ketidaktentuan politik semata-mata. Sekiranya terdapat PILIHANRAYA semula maka Hasil Kerajaan akan berkurangan kerana kita mempunyai ramai lagi rakyat yang susah daripada membuang undi kepada mereka yang mempunyai fikiran dangkal ini.

Persepsi mengenai BN dan PR adalah sama, BN pula tidak perlu terlalu ketidak terurus hanya kerana

Perak baru sahaja dilepaskan tetapi MB yang lama masih boleh berurusan sehingga kekecohan mereka selesai. Rakyat tidak perlu dibelenggu dengan isu yang tidak berkesudahan hanya kerana semata-mata kedua-dua parti ini tidak boleh menunggu waktu bahawa mereka ataupun dia perlu menjadi MB.

Karpal Singh menjadi seolah-olah tauladan kepada semua pihak bahawa dia sahaja yang betul. Saya memang tidak gemar dengan perlakuan Karpal Singh selama ini. Bermula sebelum cacat lagi saya merasakan dia wajar menjadi peguam biasa sahaja. Hanya tahu bercakap mengenai undang-undang dimana Bahasa Melayu yang digunakan kebanyakannya tidak difahami dimana mungkin ia juga tidak faham dengan apa yang diutarakan. Semasa dahulu pun dia tidaklah berapa diberikan publisiti meluas sehinggalah akhir-akhir ini.

Saya bukanlah orang politik ataupun anak seorang ahli politik, tetapi saya amat sayangkan agama, bangsa dan tanahair yang tercinta ini. Kini saya boleh dikatakan berjaya kesan daripada segala yang telah dilakukan oleh kerajaan yang dipimpin oleh BN yang ditunjangi oleh UMNO. Tanpa apa yang telah dilakukan oleh pemimpin terdahulu tak mungkin saya boleh berjaya seperti sekarang.

Kadang-kadang saya amat hairan melihat kejadian yang berlaku sekarang ini. Semua orang nak jadi pemimpin. Tapi sedarkah kita betapa besarnya tanggungjawab seorang pemimpin. Di masa dulu, manusia selalu menolak untuk menjadi pemimpin tetapi kini, tanpa malu-malu mereka mencadangkan diri sendiri untuk menjadi pemimpin. Saya amat percaya tujuan mereka bukanlah untuk berkhidmat kepada mereka yang dipimpin tetapi memenuhi apa yang mereka inginkan.

Kebanjiran pemimpin yang membangkang BN pada masa kini mungkin juga disebabkan oleh pemimpin BN yang terdahulu. Sukar untuk ditemui anak pemimpin parti pembangkang yang kini menyokong BN. Tetapi ramai anak dan saudara pemimpin BN yang kini menyokong parti pembangkang. Sedarkah mereka semua, disebabkan kedudukan bapa dan ibu mereka dahulu mereka telah berjaya menjadi sepertimana sekarang. Malah lebih teruk lagi keluarga mereka telah menggunakan segala kelebihan yang ada bagi kepentingan anak-anak mereka.

Itulah kegagalan utama pemimpin BN atau UMNO yang terbesar. Gagal mendidik darah-daging mereka sendiri. Kejayaan ataupun kegagalan seorang manusia dinilai dari legasinya.

Wasallam

By apandiAuthor Profile Page on February 24, 2009 7:48 PM

Salam sejahtera Tun,

I certainly hope the political impasse in Perak can be settled ASAP so that the BN government can proceed doing what they are supposed to do so that it can prove that they are better. As a Perakian, it is just sickening to see the old exco barking here and there telling the whole world that they are still in power. They lost democratically and they are just sore losers.

As for what Pak Lah said, let's just let it be. I hope those with brains can provide the assistance required.

Semuga Tun and Tun Siti sihat selalu.

By ahmadsAuthor Profile Page on February 24, 2009 8:30 PM

Salam Tun,

Saya tak faham lah orang Melayu vs Melayu... Bangsa lain akan tertawa...Look like idiots running the show. Sultan sudah bertitah apalagi PKR angkat kaki jalanlah...

By asuhasutaAuthor Profile Page on February 24, 2009 8:41 PM

A'kum Y.A.Bhg Tun,

Saya rasa geram dan bengang bila dengar ada orang mencadangkan Pak Lah jadi menteri kanan ke apa ke.. lepas letak jwtn PM. Sokongan dan pengampu yang macam ini saya fikir jenis yang bawa bukan lagi rebah tapi tanggung tebalik kepada UMNO dan Melayu. Kata2 yang sebegitu lah apabila didengar oleh PM akan buat dia ingat dia hebat sangat.

Kalau ya pun tak suka DS Najib jadi PM..dan nak supaya singkat masa pemerintahannya pun janganlah di bodoh-bodohkan DS Najib supaya lantik Pak Lah jadi menteri kanan tu pulak.

YAB DS Najib Razak mesti lah tidak terpedaya dengan cadangan yang jelas tidak memberi faedah ini. Kalu tidak saya bimbang kemarahan penyokong UMNO kepada UMNO selama ini tidak terpadam dan kekal bernyala.

Setuju ke Tun dengan fikiran saya?...Wassalam Tun.

By orangmelayusekarangAuthor Profile Page on February 24, 2009 8:51 PM

Terima keputusan SPRM tutup kes - PM

24/02/2009 7:35pm

KUALA LUMPUR 24 Feb. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata keputusan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menutup 45 kes rasuah politik yang didakwa melibatkan pemimpin Umno kerana ketiadaan bukti kukuh, harus diterima.

Perdana Menteri berkata SPRM lebih berkemampuan dan siasatannya lebih teliti berbanding siasatan Lembaga Disiplin Umno.

“Kalau SPRM dah tutup (kes), takkanlah Lembaga Disiplin nak terus lagi (siasatan), nak korek lagi. Tapi perkara ini (nak hentikan siasatannya) mesti diputuskan oleh Lembaga Disiplin.

“Tetapi pandangan saya, kalau perkara itu sudah ke SPRM dan ia dah buat keputusan tak ada kes, eloklah kita terima,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Ekonomi di

bangunan Parlimen di sini hari ini.

Abdullah yang juga Presiden Umno berkata siasatan SPRM diasaskan kepada aduan yang dikemukakan oleh anggota Umno yang tidak menyerahkan laporan itu kepada Lembaga Disiplin.

"Mereka (anggota Umno) memilih (membuat laporan rasuah politik) itu kepada SPRM. Jadi SPRM sudah respon dan buat siasatan dan (keputusan) diumumkan. Kalau kes tutup, tutuplah," katanya. Sebuah akhbar hari ini memetik sumber SPRM sebagai berkata sebanyak 45 daripada 90 kes aduan rasuah politik membabitkan pemimpin Umno yang diterima oleh suruhanjaya itu telah ditutup kerana ketiadaan bukti kukuh.

Sumber itu juga menyebut SPRM tidak dapat menghasilkan fail kes yang lengkap dan kukuh kerana pengadu hanya mengemukakan aduan secara umum tanpa disertakan bukti bagi menyokong aduan itu.

— BERNAMA

By joehenyAuthor Profile Page on February 24, 2009 9:17 PM

Tun, the advice by Pak Lah to Zambry to report to the police regarding the Tuan Speaker's decision to suspend him from Dewan Undangan Perak is a clear display of Pak Lah's instinctive response to a threat. This is consistent with his teaching from his infant days when his father always tell him "Nak, jika orang jahat kacau, lapor kepada mata-mata mereka akan bereskan". This puerile demeanour explains his tendency to treat all government agencies his infantile heroes to be at his disposal any time at his convenience to fight his self-conjured up monsters.

By kamal ahmadAuthor Profile Page on February 24, 2009 9:25 PM

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun. Minta laluan sedikit, sebab nak minta maaf dekat Pak Samad Said. Ada terkasar buat lawak dua tiga komen saya kebelakang. Namun saya amat berharap yang Pak Samad akan sedar bahawa beliau sebenarnya sedang diperalatkan oleh para jockey politik muda dalam UMNO yang hanya gilakan kuasa dan laluan percaturan politik rakus mereka. Segala isu mereka akan eksploitasi untuk menjatuhkan saingan mereka. Apapun, saya minta maaf ya Pak Samad, dan Ayah saya juga kirim salam beliau pada Pak Samad. Wassalam. Ikhlas, Kamal Ahmad Yahya.

Terima kasih Tun.

By asuhasutaAuthor Profile Page on February 24, 2009 9:31 PM

A'kum Y.A.Bhg Tun,

Izinkan saya keluar dari tajuk ni Tun..

Petikan Utusan Online 24/2/09 - Perdana Menteri berkata SPRM lebih berkemampuan dan siasatannya lebih teliti berbanding siasatan Lembaga Disiplin Umno.

"Kalau SPRM dah tutup (kes), takkanlah Lembaga Disiplin nak terus lagi (siasatan), nak korek lagi. Tapi perkara ini (nak hentikan siasatannya) mesti diputuskan oleh Lembaga Disiplin.

"Tetapi pandangan saya, kalau perkara itu sudah ke SPRM dan ia dah buat keputusan tak ada kes, eloklah kita terima," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Ekonomi di bangunan Parlimen di sini hari ini.

Abdullah yang juga Presiden Umno berkata siasatan SPRM diasaskan kepada aduan yang dikemukakan oleh anggota Umno yang tidak menyerahkan laporan itu kepada Lembaga Disiplin.

"Mereka (anggota Umno) memilih (membuat laporan rasuah politik) itu kepada SPRM. Jadi SPRM sudah respon dan buat siasatan dan (keputusan) diumumkan. Kalau kes tutup, tutuplah," katanya.

Nampak seolah-olahnya PM tidak benar-benar serius perangi rasuah dalam UMNO. Jangan lah tunggu

laporan yang dibuat kepada Lembaga Disiplin UMNO sahaja baru nak disiasat oleh Lembaga Disiplin. Buat lah inisiatif untuk ambil berat setiap aduan rasuah anggota UMNO yang dibuat kepada SPRM. Wajibkan mereka bila buat repot ke SPRM mesti repot juga ke Lembaga Disiplin kalau tidak mereka akan kena tindakan disiplin. Lembaga Disiplin kena proaktif lah, ataupun memang Lembaga Disiplin suka bila orang tak lapor pada Lembaga kerana dengan itu kuranglah sikit beban kes yang nak disiasat. Saya ingat janganlah disebut kerana SPRM lebih teliti maka terima lah keputusannya..tak perlu lagi Lembaga Disiplin siasat. Apakah 'Standard of Proof' di Lembaga Disiplin sama dengan proof yang dicari oleh SPRM dalam mempertimbangkan adanya kes atau tidak? Apakah tahap ketelitian siasatan sama antara keduanya? Apakah kes pada kedua-duanya di dengar di mahkamah? Apakah hukumannya sama? Tentulah tidak.

Apa pandangan Tun..Wassalam Tun.

By pakbelalangAuthor Profile Page on February 24, 2009 10:04 PM

Dewan Rakyat Is Like A Cowboy Town, Says Backbencher

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- A backbencher today likened the Dewan Rakyat to a cowboy town following the antics and "crossfire" of words among Members of Parliament (MPs).

Datuk Halimah Sadique (BN-Tenggara) said as elected representatives, they should be models for the people, instead of engaging in verbal attacks against one another.

"We forget that the people are watching us. We forget that we are here for them and not for our personal interests.

comment:

No, Halimah. The Dewan Rakyat is not a cowboy town. It resembles "The Great Royal London Circus" coming to town where you can enjoy watching clowns, monkeys, lions,tigers showing their antics to attract audience attention.

Mind you, the show is not free! The audience (the rakyat) have to pay for every show when they come to town. It is not that cheap you know!!

By xray1Author Profile Page on February 24, 2009 10:06 PM

Salam Tun

Very nice article, and very meaningful.

By AzmiAuthor Profile Page on February 24, 2009 10:07 PM

Assalamualaikum Tun,

- 1) Cerita bab negeri perak ni amat memeningkan kepala orang biasa macam saya ni.
- 2) Masa PRU12 dulu bila PR (alliance yang tidak didaftarkan) menang Sultan Perak pilih Nizar, semua penyokong pembangkang akur sebab Sultan lihat dari sudut majoriti ahli DUN.
- 3) Sekarang bila 3 Adun bebas memihak kepada BN (alliance yang didaftarkan) dan Sultan pilih YAB Dr.

Zambry sebagai MB, penyokong pembangkang semua melenting kata tak ikut perlembagaan.

4) Buat apa nak adakan pr lagi. Kan membazirkan masa dan wang rakyat. Ekonomi dah la teruk, nak membazir lagi.

5) Speaker ADUN dan jawatan kuasa yang dipilih pulak berat sebelah. Mana ada keadilan. Semestinya mereka akan buat keputusan yg menyebelahi mereka. Sepatutnya speaker ADUN tersebut yang merupakan orang perundangan patut lebih memahami.

6) Dengar cerita kuasa Speaker ni tak boleh dicabar kat mahkamah. Ayoyo ini macam kuasa speaker macam "Raja" zaman tok kaduk dulu.

7) Pada saya, pembangkang ni is just a waste of time lah. Cakap berbelit-belit sampai pening kepala dibuatnya.

By bakhtiarshahmustapaAuthor Profile Page on February 24, 2009 10:54 PM

Salam Tun,

Pada pengamatan saya, akhirnya mageran terpaksa diistiharkan dan DUN Perak digantung.

By Rakyat MalaysiaAuthor Profile Page on February 24, 2009 10:55 PM

Assalamualiakum Tun,

Ini mungkin di luar isu yang dibincangkan. Saya ingin bertanya.

Adakah ada dasar dasar yang digubal hanya untuk kerajaan negeri selain dasar kerajaan pusat?

Jika ada, contoh dasar2 yang ada di setiap negeri?

By norasictcommentAuthor Profile Page on February 24, 2009 11:07 PM

Iktibar pemberontakan Harimau Tamil

Oleh KU SEMAN KU HUSSAIN
rencana@utusan.com.my

Jangan jadi seperti Sri Lanka. Itu antara yang boleh dipelajari daripada penguasaan Pemberontak Harimau Tamil Eelam (LTTE) selama 25 tahun di Sri Lanka. Ini adalah sebuah pertubuhan haram yang memberontak dan membelakangkan undang-undang negara dan mahu merampas kuasa secara ganas.

Oleh sebab tidak ada tindakan drastik untuk memancung pemberontak ini mula-mula dulu, kegagalan itu menyaksikan 25 tahun pemberontak menguasai dan melakukan kezaliman ke atas rakyat.

Ini adalah satu contoh yang boleh diambil iktibar bahawa jangan sama sekali memberi ruang kepada pihak yang melakukan tindakan memberontak sebagai pendekatan mencari penyelesaian.

Sekiranya kerajaan mengambil jalan yang sangat diplomasi, Sri Lanka telah membuktikan kerajaan melakukan penganiayaan ke atas rakyat apabila 25 tahun atau suku abad membiarkan Harimau Tamil ini bermaharajalela.

Harimau Tamil berjaya membina kuasa dan menguasai kawasan seluas 7,000 batu persegi kerana kerajaan Sri Lanka tidak bertindak proaktif membanteras pada peringkat awal lagi. Apabila kumpulan pemberontak ini berakar umbi dan seolah-olah mereka memerintah sebuah kerajaan yang sah, sukarlah untuk menghapuskannya. Berilah alasan apa sekali pun untuk mewajarkan pemberontak mereka, Harimau Tamil adalah pengganas yang mesti dihapuskan.

Lebih malang lagi apabila ada pihak yang menganggap pendekatan perjuangan Harimau Tamil yang

ganas itu suatu yang berkesan, maka mereka juga meniru dengan membuat tuntutan yang membelakangkan undang-undang.

Kita perlu banyak mengambil iktibar daripada Sri Lanka yang membiarkan sebuah pertubuhan haram menjadi kumpulan pemberontak hingga berkuasa di sebuah wilayah dalam jangka masa begitu lama.

Tetapi selepas Presiden Mohindra Rajapaksa memegang tampuk kuasa pada 2005, beliau telah melakukan banyak tindakan proaktif untuk menghapuskan Harimau Tamil. Sebelum itu kerajaan kelihatan sangat lemah atau tidak bersungguh-sungguh untuk membanteras Harimau Tamil.

Buktinya pemberontak ini boleh menguasai sebuah wilayah dengan begitu lama. Ini satu kegagalan Sri Lanka dan tidak wajar diulangi oleh negara-negara lain yang mendepani masalah politik yang hampir sama.

Pada 3 Februari lalu, tentera kerajaan mengambil tindakan paling drastik dengan menggempur wilayah yang dikuasai oleh Harimau Tamil menerusi serangan dari udara. Serangan itu memberikan kejayaan yang sangat besar apabila berjaya mengambil semula Mullaittivu yang menjadi kubu kuat Harimau Tamil.

Dalam masa suku abad, inilah kali pertama kerajaan kelihatan serius untuk menghapuskan sebuah kumpulan pemberontak yang mengganas serta memangsakan rakyat. Bayangkan sejak 1983, pemberontak Harimau Tamil telah membunuh lebih 70,000 rakyat yang tidak berdosa.

Hasil daripada serangan paling hebat ini, ketua Harimau Tamil, V. Prabhakaran yang memimpin sejak awal penubuhannya dulu melarikan diri. Ini bermakna pemberontak ini mengalami kekalahan yang paling teruk dan tersebar berita angin kononnya Prabhakaran melarikan diri ke Malaysia.

Kalau benar dia melarikan diri keluar dari Sri Lanka, kenapa memilih Malaysia? Adakah Malaysia sebuah negara yang selamat bagi para pemberontak seperti Prabhakaran? Setakat ini kisah Prabhakaran melarikan diri ke Malaysia tidak ada sebarang bukti tetapi jangan ambil mudah kerana berita begini dengan sendirinya membentuk satu persepsi tentang Malaysia.

Walaupun pemimpin pemberontak itu melarikan diri tetapi saki baki pemberontak yang berada di wilayah berkenaan terus melakukan kekejaman dan membunuh rakyat yang mahu menyeberangi sempadan zon perang ke kawasan yang dikuasai oleh tentera kerajaan.

Setakat ini dianggarkan lebih 250,000 orang awam terperangkap dalam zon perang. Mereka berada dalam keadaan yang sangat berisiko kerana pemberontak Harimau Tamil telah membunuh banyak orang awam yang cuba mendapatkan pertolongan tentera kerajaan.

Harimau Tamil adalah pemberontak pemisah sejak awal 1970-an dulu. Tetapi akhir 1980-an kerana lembapnya kerajaan mengambil tindakan, pemberontak ini menguasai kawasan yang semakin luas terutama di pinggir Timur Laut.

Di Sri Lanka, keturunan Tamil adalah minoriti dan untuk mendapat kuasa memerintah Sri Lanka, wujudlah kumpulan pemisah Harimau Tamil.

Mereka adalah pihak yang bertanggungjawab membunuh beberapa tokoh politik ternama Sri Lanka dan juga India serta menjadi penyokong yang membawa kepada pembunuhan perdana menteri India, Rajiv Gandhi pada 1991. Malah pemberontak ini mendakwa menjadi perintis kepada serangan berani mati.

Ternyata masalah yang dicetuskan oleh pemberontak Harimau Tamil memaksa kerajaan mengeluarkan belanja yang sangat besar untuk memerangi kumpulan ini. Sepatutnya peruntukkan yang besar kepada ketenteraan di Sri Lanka boleh digunakan untuk membangunkan negara dan memberi kesejahteraan kepada rakyat.

Kini Sri Lanka mempunyai 200,000 anggota tentera iaitu empat kali ganda pada tahun 2000. Tujuannya

untuk meningkatkan kekuatan bagi mendepani Harimau Tamil yang dianggap sebuah pertubuhan pemberontak yang begitu terancang serta terlatih.

Mereka mempunyai jaring antarabangsa terutama untuk mendapatkan senjata. Maka untuk membanteras sebuah kumpulan pemberontak yang berakar umbi suku abad bukanlah suatu perkara yang mudah, malah peralatan senjata yang digunakan oleh Harimau Tamil setanding dan sesetengahnya lebih canggih daripada yang digunakan oleh tentera kerajaan.

Pada 2006 FBI menangkap empat lelaki yang menjadi orang tengah penjualan senjata berupa peluru berpandu, pelancar roket serta raifel AK-47 kepada Harimau Tamil. Ini menunjukkan jaringan antarabangsa Harimau Tamil terutama untuk mendapatkan senjata canggih yang menjadi faktor menyukarkan tentera kerajaan melumpuhkan kumpulan pemberontak ini.

Jaringan antarabangsa ini yang meletakkan tentera kerajaan dalam keadaan yang sangat terdesak tambahan pula pembunuhan ke atas orang awam begitu berleluasa.

Maka apa yang boleh dipelajari daripada peristiwa penguasaan Harimau Tamil ini ialah jangan sama sekali memberi peluang kepada mana-mana pihak yang mahu mengambil tindakan yang membelakangkan undang-undang.

Setiap rakyat berhak mendapat jaminan keselamatan dan semua ini hanya boleh didapati sekiranya aspek-aspek keselamatan dilaksanakan tanpa sebarang tolak ansur.

Harimau Tamil telah membuktikan bahawa mereka adalah pengganas yang melakukan kezaliman terhadap rakyat dan pengganas bukanlah pembela rakyat walaupun pada mulanya Harimau Tamil memperjuangkan kedudukan puak minoriti Tamil di Sri Lanka. Sejarah boleh berulang kalau kita tidak berusaha untuk mencipta sejarah baru dan jangan ulangi kegagalan Sri Lanka.

PENULIS ialah Penolong Pengarang Mingguan Malaysia
By Keris7Author Profile Page on February 24, 2009 11:41 PM

Cerdiklah sikit & fikirkanlah jauh-jauh. Baliklah kepada perkara pokok. Menukar apa yang telah ditetapkan oleh rakyat melau peti undi pada pilihanraya lepas telah menyebabkan rakyat merasa diperkecilkan, dipermainkan, diperbudakkan, diperkotak-katikkan dan diperbodohkan. Hasilnya nanti akan menyebabkan kekalahan yang lebih teruk kepada BN di masa-masa akan datang. Kalau dulu tak munasabah, tetapi kini saya dapat merasakan pertukaran kerajaan Malaysia kepada pembangkang pada pilihanraya umum akan datang adalah sesuatu kemungkinan yang nyata. Ini adalah akibat pemikiran cetek kerajaan sekarang. Jauh sekali keadaannya semasa Tun menerajuiinya dulu.

Nampaknya, nasi sudah menjadi bubur. Sesudah 'RAHMAN' akan bermula dwi parti system sama seperti Republican & Demokrat di Amerika Syarikat. Tan Sri Khalid Ibrahim akan menjadi perdana menteri pertama parti pembangkang. Orang yang teraniaya mudah diperkenankan doa dan di beri laluan oleh tuhanNya.

By Hellionz_gurlAuthor Profile Page on February 24, 2009 11:43 PM

Tun,

Sebelum saya menambah bicara,salam dari ayahanda saya Zainal Hussin buat Tun sekeluarga..semoga tun sekeluarga dirahmati Allah selalu...Amin..

Tun,

Dari saya kecil hingga umur saya 21tahun,saya hidup di bawah pentadbiran Tun...bila Tun undur diri,terlalu sedihnya hati saya...Terasa mcm dunia ni nak kiamat...tambahan pula Pak Lah yang ambil alih..lagi terasa gelap dunia ni.Sekarang ni dia dah membuktikan yg dia mmg tak sesuai jd PM M'sia..Tapi bukan salah Tun.Dia mmg pandai berpura...tgg perut pun makin lama makin maju ke depan...)

Tun,

Setiap kali dengar lagu Ella,"Standing in the eyes of the world",mesti terbayang Tun...Bangga saya dengar lagu tu...Sesungguhnya.."Di kau terunggul...wajar standing in the eyes of the world...."..Andai kata Tun nak jadi PM semula pun,saya menyokong 1000%....tp ada orang kata tak boleh...entahlah...saya pun tak tau sangat pasal kedudukan politik ni.Tapi yang saya tau,saya sekeluarga SAYANG SANGAT KAT TUN...dan saya peduli apa kalau ada yang tak suka Tun...Tun paling best....Forever n ever...

akhir kata....Terima Kasih atas segala kasih sayang Tun pada kami Rakyat Malaysia Selama ini..Jasamu akan di kenang ke akhir hayat...

By zabaAuthor Profile Page on February 24, 2009 11:59 PM

TUN dikasihi

sebagai tanda penghormatan kita rayat jelata, patut PK LAH di tabal segagai YANG DI PERTUA TUAN YANG TERUTAMA MALAYSIA dan anugerah darjah paling tertinggi dan sabuah mahligai di kemuncak menara talikom malaysia kuala lumpur

By umipahAuthor Profile Page on February 25, 2009 12:06 AM

salam YBhg Tun,

1. TIMAH BUKAN PERAK - BENAR

2. PERAK BUKAN TIMAH - BENAR

3. PERAK SUDAH perak - BENAR

4. BILA NAK SEDAR - TAK TAHU

5. APA YANG BERLAKU - PELIK PELIK PELIK

By hazbjAuthor Profile Page on February 25, 2009 12:27 AM

Salam Tun...

Saya sebagai warga amat malu dgn pelbagai kemelut politik dinegara kita terutama selepas persaraan Tun.Pelbagai kes yang memualkan serta menampakkan "SEMACAM MELAYU TAK PANDAI BERPOLITIK,MELAYU TAK ADA JATIDIRI,MELAYU PERASUAH,MELAYU BANYAK MENIPU DAN MELAYU TAK BOLEH DIHARAP DAN MELAYU BOLEH DIBELI"...itulah gambaran yg kita lihat melalui berita yg dipaparkan samaada melalui media electronic,media cetak atau blog2.

Entah kepada siapa harus disalahkan semua ini.

Terakhir kemelut diPerak nie.saya tak berniat menyokong dan membantah mana2 pihak.Sepatutnya..kita semua sedar "kuasa adalah amanah dan tanggungjawab yg pemimpin kena laksanakan" dan bukannya "kuasa itu peluang pemimpin2 nak buat apa yang disukainya atau mengaut keuntungan untuknya walaupun bertentangan dengan hukum agama dan perundangan dunia serta negara khususnya.Cukup malu kerenah pemimpin2 sebegini.Adakah pemimpin2 itu tidak malu?Tidak sedar?Tidak Tahu?Saya yakin...mereka ada rasa malu,ada kesedaran yang tindakannya itu salah...tapi kerana mabuk kuasa...mereka sanggup melakukan sedemikian rupa(kuasa adalah anugerah Allah,tak lama mana pun..lepas tu bersara dan akan kembali kpd Allah)....rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan usia melihat,menyaksi dan akan menghakimi...manakala masyarakat luar mentertawakan kita.Maruah serta kredibiliti kita jatuh.Rasa hormat dan kagum mereka kepada kita(Malaysia) sudah tidak ada.Hasrat mereka melabur dan menambahkan pelaburan dinegara kita juga pudar dan mungkin hilang.

Kepada yang bergelar pemimpin...kembalilah kita bersatu membina negara secara ikhlas dan bertanggungjawab. Buangkan sikap "suka mengambil peluang" dari kuasa yang anda ada. Kepada yang bergelar rakyat...lihat dan saksikanlah pelbagai gelagat2 tu dan hakimilah dengan baik dan adil.

Kepada Tun..selagi hayat dikandung badan...bantulah pulihkan kemelut ini dengan ikhlas kerana Allah,rakyat malaysia dan negara malaysia.

thanks...

By tongkatmusa Author Profile Page on February 25, 2009 12:49 AM

Salam Tun DM dan pembaca sekalian,

Bahawa pendapat sesetengah pengamal undang2 yang mengatakan Speaker DUN Perak mempunyai kuasa menggantungkan MB dan EXCOnya tidak semestinya betul.

Sila lihat/lawatilah juga

<http://lenggongvalley.blogspot.com/>

Saturday, February 21, 2009

Perak Pakatan snared in own trap over Sivakumar's 'brilliant' move...

We are living in interesting times. Seems that Perak speaker Sivakumar may have just gone a wee bit too far to perform a coup de grace on PR's stubborn (albeit) foolish hold in the state.

Read the following excerpt:

Pakatan Rakyat members are shaking their heads in disbelief over the suspension of Menteri Besar Datuk Dr Zambry Abdul Kadir and his six exco members by Speaker V. Sivakumar for 18 months and 12 months respectively.

Even DAP chairman Karpal Singh, a prominent lawyer, is stumped by Sivakumar's decision to order the suspension.

Karpal told a press conference at Parliament House in Kuala Lumpur Sivakumar must call for the assembly to meet to endorse his decision to suspend Zambry and six executive councilors.

He said Sivakumar's decision must be endorsed by the house.

He recalled his own experience in 2004, where he was referred to the privileges committee for saying that members of parliament were required to raise their hands before taking their oath of office.

The committee's report was tabled in Parliament and Karpal was suspended for six months without pay or privileges.

Several PR lawmakers here said the move was totally unexpected as they had painstakingly gone through the state constitution and the assembly's Standing Orders prior to Wednesday's hearing before the Rights and Privileges Committee.

"I was shocked upon hearing Sivakumar's decision. We had discussed about this (possibility of suspending Zambry and his exco members) and strongly advised against it.

"By doing so, we have fallen into our own trap, akin to stepping on a banana peel planted by ourselves.

"I honestly do not know whose advice he (Sivakumar) took before making up his mind," said a PR lawmaker.

Sivakumar might have just relied solely on Order 89 of the Standing Orders to justify the suspension of the recently sworn-in Barisan Nasional administration.

Order 89 states that the decision of the speaker upon any point of interpretation of any of these Standing Orders, or upon any matter of practice, shall be subject to a substantive motion moved for that purpose, be final, and the speaker may from time to time issue rulings thereon.

While this clearly means that the speaker's decision is final and cannot be challenged, Order 72 which governs the Committee of Privileges must also be taken into consideration.

Order 72(2) specifically states that when the assembly is not sitting, a member may bring an alleged breach of privilege to the notice of the speaker who may, if he is satisfied that a prima facie breach of privilege has been committed, refer such matter to the committee, which shall report thereon to the assembly.

The Perak state assembly is not sitting and is only scheduled to do so in April.

Sivakumar told reporters last Saturday that the findings of the committee would be submitted only at the next sitting of the state assembly.

Something must have happened after Saturday for him to suspend Zambry and his exco members in such a hasty manner.

Canning DAP state assemblyman Wong Kah Woh got the ball rolling by writing to Sivakumar asking to hold an inquiry against the seven BN leaders for allegedly violating the sanctity of the Perak constitution by getting themselves appointed as menteri besar and exco members.

-From NST-

Pendapat saya pula adalah;

Keputusan Sultan dibawah Fasal 16(6) Undang2 Tubuh Negeri Perak adalah keputusan yang dibuat dibawah Undang2 sepertimana hakim membuat keputusan. Budibicara Tuanku Sultan dalam keputusannya boleh dicabar jika adanya bukti bahawa Tuanku telah bertindak dengan niat tidak baik (mala fide).

Daripada rentetan peristiwa yang berlaku, Tuanku Sultan Perak telahpun memberikan hak kepada kedua-dua pihak mengadapnya dan hanya setelah Tuanku berpuashati bahawa Dato Seri Nizar tiada lagi mempunyai sokongan majoriti dan permintaanya untuk membubarkan DUN tidak diperkenankan baharulah Sultan kemudiannya menghendaki beliau dan Exconya meletakkan jawatan. Samada beliau mahu atau tidak,ianya akan dianggap sebagai sudah meletakkan jawatan.Maka dimana pula mala fide Tuanku?

Bekas Yang Arif Hakim Mahkamah Rayuan NH Chan mengatakan Sultan Perak silap bila tidak memanggil kedua-duanya mengadapnya serentak. Pandangan saya berbeza, Sultan Perak tidak perlu dan bukan bertindak atau menghendaki bertindak sebagai sebuah tribunal atau mahkamah, maka isu pihak-pihak perlu mengadapnya serentak tidak perlu. Apapun, Dato Seri Nizar telah diberi peluang mengadap dan dia sendiri akur sudah tiada majoriti dan minta dibubarkan DUN tapi tidak kesampaian.

Persoalan yang hendak saya ketengahkan ialah bolehkah Standing Order DUN yang bukannya Undang2 ataupun jika ianya undang-undang subidiari (anak undang-undang) mengatasi Undang2 Tubuh Negeri (Bapak Undang-undang)? Bolehkan Speaker DUN mengguna-pakai standing order yang bukannya Undang2 ataupun jika ianya undang2 subsidiari pun mengatasi keputusan yang dibuat dibawah Undang2 Tubuh Negeri? Bukankah perbuatan Speaker menggantungkan MB Dato Zambri dan exconya melanggar seksyen 121B (ingkar kuasa Sultan) dan 124 (menghalang mana-mana ahli parlimen dan DUN

melakukan tugasnya) Kanun Keseksaan? Bukankah perbuatan Speaker DUN juga suatu perbuatan salah guna kuasa, ataupun bukan dibawah kuasanya? Jikapun standing Order DUN merupakan undang2, ianya hendaklah dibaca bersesama dengan undang2 lain contohnya Akta Pilihanraya dan Undang2 Tubuh Negeri Perak.

Bukankah Standing Order DUN sekadar mengawal selia perjalanan dan tatatertib semasa sidang DUN nerjalan?

Standing order yang bukannya undang2 atau jika pun undang2 subsidiari (macam anak syarikat) tidak sepatutnya mengatasi mana-mana undang2 apatah lagi undang2 tubuh negeri Perak. Bolehkah CEO anak syarikat mengingkari CEO bapak syarikat (holding company)?

Kini Speaker Dun mengatakan bahawa dibawah Perlembagaan Pesekutuan, beliau tidak boleh didakwa atau di saman dan menghendaki siasatan terhadapnya dihentikan. Dalam perihal tafsiran Perlembagaan dan Undang2 Tubuh Negeri, suatu Fasal hendaklah dibaca secara seimbang dengan Fasal2 yang lain. Perlembagaan Persekutuan dan Undang2 Tubuh Negeri Perak memberikan banyak keistimewaan dan kelebihan kepada Sultan/ YDPA selari dengan ketuanan dan kedaulatan mereka. Bacalah perlembagaan persekutuan.

Berbalik kepada keputusan Speaker DUN yang kononnya sah. Kini beliau hendak memanggil sidang DUN mungkin kerana mahu mengendoskan keputusannya menggantungkan MB Dato Zambry dan exconya. Apakah ini bermaksud keputusan penggantungannya belum sah? Jika belum sah, bolehkah MB Dato Zambry dan Exconya memasuki DUN jika sidang DUN diperkenankan Sultan? BAgaimanajika Sultan buat tidak layan atau tidak membenarkannya masukistana mengadap?

Jika keputusan penggantung Speaker DUN belum sah, apa pula kedudukan Dato Zambri sebagai MB sekarang? Dato Zambri masih MB atau tidak? Jika ia, apahal pula dengan permohonan Mahkamah Dato Nizar yang beliau masih sah? Jika kes MB Dato Nizar masih pending (masih dalam mahkamah), kenapa pula DUN Speaker Perak mendahului mahkamah dengan menggantungkan MB Dato Zambri dan exconya yang Sultan perkenan melantik?

Apakah DUN Speaker mempunyai kuasa sebegitu luas sehingga boleh mengatasi dan mendahului kuasa dan keputusan Sultan, pengerusi SPR dan Mahkamah? Kini DUN Speaker bertindak seolah-olah sebagai Hakim Besar Malaya dengan menggantungkan Dato Zambri dan exconya sebelum Mahkamah membuat keputusan? Yang pelik lagi, keputusan Sultan boleh dicabar kata sesetengah pengamal Undang2 tapi keputusan Speaker tidak boleh pula.

Siapa yang Tuanku? Sultan Perak atau Speaker Dewan?

Inilah betapa kalutnya bila keputusan Sultan dipandang serong dan apabila seseorang kurang faham mengenai kedudukan dan peranan institusi Raja dan sistem Raja berpelembagaan dalam pemerintahan dan pentadbiran negeri/ negara. Mungkin juga ramai kurang faham samada MB atau Perdana Menteri itu seorang pentabir ataupun pemerintah?

Prof Madya Dr Abdul Rani Kamarudin
Pensyarah Undang2 IIUM
By PassengerAuthor Profile Page on February 25, 2009 1:10 AM

Salam Tun,

Saya mungkin hanya benar-benar membesar dibawah pemerintahan Tun sebagai perdana menteri walaupun saya lahir lebih awal dari Tun menjadi PM.

Saya cukup menyampah dan meluat dengan keadaan politik Malaysia sekarang ni. Kalau diikutkan hati mahu saja saya ludahkan AAB agar cepat sedar dengan apa yang telah dia lakukan pada negara ni.

Dari sebuah negara yang aman makmur, sekarang ni dah nak hancur berkecai dah.

Kalau la AAB masih memerintah dan dilantik sebagai "Senior Minister" lepas beliau pencen nanti maknanya makin hancur la Malaysia ni. Langsung tidak ada karekter sebagai pemimpin tulen. Langsung tiada apa-apa tindakan untuk menyelesaikan masalah negara dari beliau.

Tun telah meninggalkan satu standard yang tinggi untuk negara tetapi tiada seorang pun yang mampu mengikut standard tersebut. Malang sungguh Malaysia hari ini, makin hancur hanya kerana pemimpin yang ada sungguh bacul.

Bagi saya, keadaan negara sekarang ni amat menyedihkan. Tidak kira dari segi ekonomi, moral dan politik, semuanya makin hancur gara-gara seorang pemimpin bernama AAB.

Saya minta maaf pada Tun kerana komen saya.... Dah tahan sangat tengok keadaan Malaysia sekarang ni.

Salam

By budak hingusanAuthor Profile Page on February 25, 2009 1:57 AM

Asslamualaikum Tun dan kawan 2 garap selamat dan diberkati Allah Kehendaknya....

saya ada satu soalanadakah dsai pernah beri bantuan kewangan pada syarikat kamaruddin, pemuda pas dan lain pada masa DSAI jadi menteri kewangan dulu? Maaf saya bertanya kerna saya perlukan jawapan sebab hasil perdebatan saya dengan En Ramli dalam yahoo group TIOSA sampai ke tahap yang saya perlukan bukti utuk tahu jawapan.....

saya tidak mahu nama orang tercemar dengan fitnah fitnah begini dan saya berharap kawan kawan dan DSAI dapat membantu saya....

wasalam....

Budak hingusan yang dikatakan brother ramli dalam TIOSA group

By daengAuthor Profile Page on February 25, 2009 8:02 AM

Salam hormat Tun,

Sememangnya semasa pentadbiran Abdullah yang Bodowi banyak yang lucu dan menjelikkan.

Terbaru ada saranan "baruah" beliau, selepas melepaskan jawatan PM Mac nanti beliau dilantik menjadi "menteri kanan". Jika diteliti cadangan untuk mewujudkan jawatan baru sepertimana Singapura ada baiknya jika ia menguntungkan rakyat dan negara. Tetapi perlu dijelaskan bahawa Abdullah Bodowi ini bukanlah seorang pemimpin yang bijak tetapi bodoh yang tidak boleh diajar dan tidak memahami situasi politik baik di dalam mahupun di luar negara. Dari sudut ekonomi jauh sekali. Dari sudut pemantauan hampeh. Dari sudut analisis (dlm byk hal) tak tahu langsung ... beliau lebih suka mendengar pandangan beberapa kerat orang-orang tertentu yg rapat dengan beliau sahaja spt Musa Black, KJ dan beberapa balaci beliau yg ternyata bahalol.

Saya walaupun ahli UMNO tetapi jika ini dipersetujui, pada PRU ke 13 akan datang saya akan pangkah Pembangkang lagi baik.

KALAU TUN MAHATHIR DUDUK SEBAGAI MENTERI KANAN ITU BARU KEPUTUSAN YANG TEPAT DAN BIJAK. IA BAIK UNTUK NAJIB (KERANA RAKYAT RAMAI YANG KURANG SENANG DENGAN NAJIB, SETIDAK-TIDAKNYA IA SBG PENYEJUK), BAIK UNTUK PENTADBIRAN KERAJAAN DAN IA AKAN MENYATUKAN ORANG MELAYU (TERUTAMA DALAM UMNO) YANG SAYA LIHAT MASIH YAKIN DENGAN KEMAMPUAN DAN PEMIKIRAN DR MAHATHIR YG BERNAS HINGGA KINI.

Sekian Tun.

By sitinurAuthor Profile Page on February 25, 2009 8:22 AM

Asalamualaikum bapak...

p/s dlm komen terdahulu saya nak kata depa nak alih perhatian yg si dodoi tak akan berundur mac ini....
By karim selamatAuthor Profile Page on February 25, 2009 8:37 AM

ADILILAH DIRI SENDIRI SEBELUM KITA MENGADILI ORANG LAIN

Dunia pada hari ini penuh dengan kezaliman dengan berbagai-bagai bentuk dan berlaku di dalam berbagai-bagai aspek kehidupan yang dilakukan oleh individu, kaum, puak, parti, golongan dan bangsa. Tidak ada bumi di dunia ini yang tidak berlaku penindasan dan penzaliman itu, sama ada manusia itu sedar atau tidak. Berlakunya penzaliman terhadap Allah Taala, penzaliman terhadap manusia, penzaliman terhadap haiwan dan penzaliman terhadap diri sendiri. Kemudian penzaliman itu ia berlaku pula di dalam berbagai-bagai aspek.

Penzaliman itu ia berlaku di dalam pendidikan, berlaku di dalam ekonomi, berlaku di dalam politik, di dalam pentadbiran, di dalam kemasyarakatan, di dalam ketenteraan, di dalam kebudayaan, di dalam kekeluargaan, di dalam perhubungan antarabangsa dan lain-lain lagi.

Justeru itu tidak hairanlah kita bahawa di mana-mana sahaja di muka bumi Tuhan ini, tidak ada tempat yang tenang yang tidak ada pergolakan, di sana-sini berlakunya berbagai-bagai krisis, perselisihan, pergeseran, pergaduhan, jauth-menjatuhkan, kata-mengata, umpat-mengumpat, fitnah-menfitnah, hina-menghina, pakatan jahat atau konfrantasi, tangkap-menangkap, tuduh-menuduh, demontrasi, pemberontakan seterusnya peperangan.

Di dalam seseorang atau satu puak atau satu golongan atau satu parti atau satu bangsa itu dizalimi, di masa yang sama mereka menzalimi pula. Di dalam satu sudut mereka kena zalim, di sudut yang lain mereka menzalim pula. Di dalam mereka dituduh, mereka menuduh pula. Jadi zalim-menzalim itu telah berlaku di antara satu sama lain, di antara satu puak dengan satu puak. Kalau begitu di mana golongan yang adil?

Sesetengah mereka kalau tidak menzalimi manusia, mereka menzalimi Allah Taala. Kalau tidak menzalimi Allah Taala, mereka menzalimi manusia. Kalau tidak mereka menzalimi manusia atau Tuhan, mereka menzalimi haiwan. Kalau tidak mereka menzalimi haiwan, manusia atau Tuhan, mereka akan menzalimi diri sendiri sehingga yang paling kejam iaitu bunuh diri. Bahkan ada yang lebih kejam lagi dari itu iaitu mereka menzalimi Tuhan, menzalimi manusia, haiwan dan diri sendiri.

Fitrah semulajadi manusia suka kepada keadilan. Justeru itu mereka ingin kepada keadilan dan sentiasa bangun untuk berjuang menegakkan keadilan. Di waktu ini hampir setiap hari kita mendengar, membaca bahkan memperkatakan keadilan. Memang perkataan keadilan itu lebih banyak disebut orang daripada sifat-sifat mahmudah yang lain.

Tetapi apa yang berlaku kezaliman itu telah merata berlaku kepada setiap individu, kelompok, puak, parti, golongan dan bangsa. Ia berlaku berbagai-bagai bidang dan aspek hingga kezaliman itu dilakukan pada diri sendiri. Dunia hari ini sudah penuh dengan penzaliman.

Kalaulah penzaliman telah rata berlaku di dunia hari ini hampir tidak ada manusia yang tidak dijangkiti. Oleh yang demikian siapalah yang hendak kita harapkan untuk bangun menegakkan keadilan sekaligus menumpaskan kezaliman?

Di sinilah rahsianya mengapa pejuang-pejuang keadilan belum berjaya menegakkan keadilan sekaligus menumpaskan kezaliman. Kerana di samping mereka ingin menegakkan keadilan dan menumpaskan kezaliman, mereka juga membuat zalim. Bahkan adakalanya satu-satu golongan itu berjaya menumbangkan satu golongan yang berlaku zalim, mereka kemudiannya lebih zalim lagi daripada golongan yang sebelumnya selepas mereka berjaya.

Oleh itu yang penting di waktu ini ialah setiap orang dan golongan berusaha memperbaiki diri dan cuba bersungguh-sungguh untuk menegakkan keadilan di dalam diri dan golongannya terlebih dahulu.

Selepas itu perjuangkanlah keadilan itu, yang mana jika sifat keadilan itu telah wujud di dalam diri masing-masing dan di dalam golongan itu insya-Allah, golongan lain akan sedar dan insaf kerana model telah wujud dan Allah Taala akan memberi bantuan kepada orang yang telah menegakkan keadilan itu.

Inilah cara atau jalan keluar daripada penindasan dan penzaliman di dalam kehidupan manusia. Apabila penzaliman dapat ditumpaskan kerana masing-masing menegakkan keadilan di dalam diri mereka terlebih dahulu, secara automatik keadilan dapat ditegakkan di dalam kehidupan manusia, di dalam semua peringkat dan di dalam seluruh aspek kehidupan bermasyarakat.

Di dalam ajaran Islam perbuatan menzalim sangat dilarang. Ia termasuk dosa besar kerana menzalim itu merosakkan kehidupan manusia. Sama ada fiziknya, hartanya, maruahnyanya, kedudukannya atau lain-lain lagi. Maka kerana itulah dosa menzalimi ini di dunia lagi Allah Taala akan menghukumnya atau membalasnya sebelum dilakukan di Akhirat. Lebih-lebih lagi kalau orang kita zalim itu ialah ibu bapa atau guru kita.

Justeru itu ada Hadis menyebut:

Maksudnya: "Hendaklah kamu takut kepada orang yang dizalimi kerana tidak ada di antaranya hijab dengan Allah Taala."

Maksudnya, doa orang yang dizalimi terus Allah Taala terima sekalipun dia orang kafir. Maka akan nahaslah orang yang menzalim itu di dunia lagi. Oleh itu berhati-hatilah kita agar jangan sampai menzalimi makhluk Allah Taala kerana hukumannya akan berlaku didunia lagi. Sama ada cepat atau lambat, jangka pendek mahupun jangka panjang. Bentuk atau sifatnya yang sama dengan orang yang dizalimi atau Allah Taala datangkan dengan bentuk atau sifat yang lain. Adakalanya apa yang Allah Taala balas itu, orang yang menzalim itupun telah lupa di atas perbuatan zalimnya di suatu hari dulu.

Mungkin dia dihukum lambat sehingga dia tidak dapat hubungkaitkan dengan perbuatannya dahulu, kecuali orang yang prihatin atau peka sahaja yang sedar atau dapat hubungkaitkan.

Marilah sama-sama kita insaf, terutamanya penulis agar jangan kita menzalim. Kalau sudah terlajak cepat-cepatlah kita memohon maaf sebelum tibanya hukuman daripada Allah Taala, sama ada di awal, di pertengahan, atau di hujung hidup kita. Apatah lagi di Akhirat, sudah pasti tidak terlepas daripada hukuman.

Moga-moga Allah Taala sentiasa menjauhkan kita daripada perbuatan zalim. Amin

SEKIAN

By yayAuthor Profile Page on February 25, 2009 9:05 AM

Dearest Tun,

Memang lucu apa yang berlaku di Perak.....ia bermula dengan rampasan kuasa oleh BN dengan bantuan Sultan.....kan lebih baik pilihanraya semula di jalankan supaya rakyat menentukan kerajaan mana yang mereka mahu.....harap kita tidak kembali ke zaman Feudal.....lihat saja lah apa yang terjadi pada perjanjian Pangkor dan Malayan Union.....raja2 menandatangani nya....rakyat yang membantah.....

Saya shorkan Pak Lah/ Dr. Zambry usulkan pada Tuanku Sultan untuk bubarkan DUN Perak dengan segera dan adakan pilihanraya semula untuk melenyapkan apa yang berlaku di Perak sekarang.....

Dualat Tuanku! Dualat Tuanku! Dualat Tuanku! kembalikan kuasa memilih pada rakyat.....

Salaam.

By samuraimelayuAuthor Profile Page on February 25, 2009 9:15 AM

SALAM AYAHANDA RAKYAT TUN
IZINKAN,

By ParpuKariAuthor Profile Page on February 22, 2009 8:57 PM

MACAMANA DENGAN JANJI 16HB SEPT BRADER ANWAR BIN IBRAHIM (B.A.B.I)? ..

BRADER PARPUKARI,
PERHAPS WE SHUD BE MORE SUBTLE IN EXPRESSING OUR EMOTIONS. MAY WE SUGGEST
THAT WE DAMNED HIM AS A PATIENT OF THE A.B.I (AGGRAVATED BRAIN INJURY)WARD OR
SENT THIS LUSTY 'ABI' TO THE DUMPS WHERE HE CAN 'RAPE'(ROAM AND PUKE
EVERYDAY)WITH THE HABITATS THEREIN.. HE HE

TAKE GOOD CARE, BRADER PARPUKARI.

ALFATIHAH, AMIN.

By nazkamAuthor Profile Page on February 25, 2009 9:16 AM

SALAM TUN,

PAK LAH MEMANG LEMAH! TETAPI DALAM KELEMAHAN INI, I NEVER THOUGHT I COULD SEE...

1) HOW MATURE MALAYSIA IS TODAY BECAUSE HE HAD ACTUALLY (OR ACCIDENTALLY) MADE
AFTER 50 YEARS OF INDEPENDANCE, REGARDLESS GOOD OR BAD.

2) HE HAD ACTUALLY (OR ACCIDENTALLY) SHOWED US WHAT CAN REALLY HAPPENS WHEN A
REAL DEMOCRACY TAKES PLACE WITHOUT 'ISA' BEING IN PLACED.

3) HE HAD ACTUALLY (OR ACCIDENTALLY) SHOWED US THAT OUR KING/STATE RULERS HAVE
RULES BEYOND RULES.

4) HE HAD ACTUALLY (OR ACCIDENTALLY) MADE THE PEOPLE TO OPENLY QUESTION, SHOW
THEIR CONCERN AND SOME EVEN AGAINST WITH OUR 50+ YEARS OLD PERLEMBAGAAN.

5) HE HAD ACTUALLY (OR ACCIDENTLY) MADE THE MPs, MALAYS AND EVEN THE NON MALAYS
TO SPEAK LOUDER THAN LOUD IN POLITICS.

6) HE HAD ACTUALLY (OR ACCIDENTLY) SHOWED US THAT OUR DREAM OF VISION 2020 IS
NOW 50/50 SINCE BULETIN UTAMA KEEP ON SHOWING US THAT THERE ARE PEOPLE STILL
HAVING DIFFICULTIES WITH BASIC NEEDS, (LIFT PROBLEMS IN FLATS CAN ALSO BE INCLUDED)
WHICH IS BEYOND THE SOPHISTICATED KLIA AND KLCC.

6) HE HAD ACTUALLY (OR DEFENITELY) OPENNED OUR EYES (WITH HIS TIRED EYES, OF
COURSE), WHEN MENTIONING THAT ONE DAY A NON MALAY CAN BECOME THE NEXT PM..

TUN YANG SAYA SEGANI!

SINCE MALAYSIA IS SO MUCH FRAGILE LIKE AN EGG, THEREFORE..

1) I STILL DO AGREE WHEN YOU'VE ONCE SAID, DEMOKRASI ACUAN KITA SENDIRI.

2) YOU'VE SHOWN A PEACEFUL GOVERNMENT BUT NOT QUITE OF COURSE, DUE TO LOTS OF
DRAMAS AS WELL AND THE WIDELY USED OF 'ISA' ALONG TO IT TO EASE THINGS UP (NO
DOUBT, THOSE WERE WITHIN YOUR CAPACITY).

3) YOU'VE DIVERTED ISSUES, HIGHLIGHTED AND MUCH INVOLVED CRITICALLY ON ISSUES OUTSIDE THE COUNTRY LIKE WHAT WAS HAPPENING IN PALESTINE, BEING SO VOCAL ON UNFAIR POLICIES TREATMENT FROM CERTAIN COUNTRIES, RE ECONOMIC ISSUES, ETC, WHICH MAKES US LEARNED MORE FROM IT, INDIRECTLY.

4) I DID MISSED SEEING LEADERS FROM OUTSIDE PAYING A VISIT TO MALAYSIA AND SHOW WHAT WE CAN OFFER THEM.

5) OF COURSE, BECAUSE YOU WERE THERE, THE SOLVER MAKER.

TO ME, BEING A MALAYSIAN TODAY, TOWARDS THE FUTURE IS DIFFICULT. ARE WE TURNING BACK TO THE OLD HISTORY? PLEASE DON'T (BUT SEEMS VERY LIKELY; THE FALLING OF EMPIRES).

TUN, YOU AND PAK LAH MAY NOT BE HERE ONE DAY, BUT THE EVENT WE ARE SEEING TODAY SHOWS THAT A BALANCE OF POWER IS REQUIRED, 'NOT TOO SOFT AND NOT TOO RIGID'.

AND OF COURSE ONLY THOSE WHO ARE 'CEKAL DAN TABAH, DAPAT MEMBINA MERCU TANDA BANGSANYA YANG BERJAYA'. IT'S TRUE PERJUANGAN KITA MASIH BELUM SELESAI..

LET'S BE A MORE RATIONAL MALAYSIAN, CAUSE THE COUNTRY IS AT STAKE!

SALAM TUN.

MANCH.

By Kassim Mohd Hussain Author Profile Page on February 25, 2009 9:18 AM

Salam Tun,

Keadaan politik di Perak dan juga di tempat lain yang telah di menangi oleh pembangkang Pakatan Rakyat ternyata menggugat perasaan orang Melayu. Kekalahan BN seteruk ini sangat tidak diduga oleh BN dan juga orang Melayu. Rakyat sudah jemu dengan janji-janji 'asmara' yang sering diucapkan oleh mereka pada malam hari, dan dilupakan pada ke-esokan harinya.

Terdapat bual-kosong diwarung kopi mengatakan, tokoh-tokoh politik itu sama aje! Kalau sudah dipilih, mereka itu berlaku sombong dan hanya bekerja kuat untuk memperkayakan diri sendiri. Apa pun terjadi dengan Malaysia tidak diambil peduli!

Keadaan rakyat sudah jadi begini gawat, terutama orang Melayu. Bangsa lain pintar untuk hidup bersatu diantara mereka, dan dapat terus hidup bergantung kepada system yang telah mereka susun sejak zaman penjajahan Inggeris. Mereka ini pandai mengurus diri untuk hidup. Orang Melayu hingga sekarang, masih senang dengan hidup sendiri-sendiri. Untuk diajak bersama bekorban diri untuk pembangunan masyarakat, sangat sedikit sekali yang mau! Kalau Malaysia, yang tadinya asal TANAH MELAYU, menjadi 'ROJAK', ini adalah hasil dari SIKAP buruk orang Melayu sendiri dan sekali-kali jangan salahkan orang China atau India yang berkemungkinan menjadi PM dan memimpin negara ini! Jika sesuatu masyarakat tidak mampu untuk memimpin negara, Tuhan akan menggantikan kepada mereka yang mampu berbuat demikian!

By icucu tok buyung Author Profile Page on February 25, 2009 9:39 AM

TUN.

Kedengaran pulak ada cadangan untuk mengujudkan 'Senior Minister'dalam cabinet Najib,nak tiru S'pore. Dan port folio ni akan di tawarkan pada Pak Lah.(Kenapa nak tiru style S'pore?)

Kalau macam tu tak payah lah ada peralihan kuasa. Biarkan lah saja Pak Lah terus berkuasa. Tak ada apa beza nya. Siapa lah punya idea ni. Maseh ada yang tak paham kenapa UMNO telah memendikan kuasa Pak Lah. Ini kerana Pak lah dah tak relevan lagi sebagai pemimpin. Di semua peringkat. Malah selepas ni eluk lah Pak lah lepaskan juga kerusi MP Sungai Petani supaya bolih diadakan satu lagi pilihan raya kecil.

Rakyat dah tak nak Pak Lah terlibat lagi dalam pentadbiran negara.

Jika ini dilakukan kan DS Najib akan menghadapi masaalah.

Sekarang rakyat nak lihat kewibawaan DS Najib. Dan berusaha membawa perubahan atau pun pembaharuan dalam UMNO/BN dan negara. Tak perlulah nak ada lagi campur tangan orang yang telah gagal dan

punca penyebab hilang nya kepercayaan rakyat pada UMNO dan BN.

Kalau kesian pun pada Pak lah bagi lah dia jadi Duta ke Mesir ker, Arab Saudi ker Palestin atau Turki.

Saya akan menyokong atau kata setuju jika DS Najib melantik TUN untuk menduduki ahli panel perancang ekonomi atau majlis2 penasihat dalam urusan2 tertentu.

Selepas kawasan bukit bakau akan mengadakan By election, giliran 'Batang' pulak akan berlaku by election.

"Batang AI" BN vs PKR. menarik ni...

Awas lah pada pengundi2 yang tinggal di kawsan 'Batang'. Mungkin akan ada pula berlaku by elaction lagi di Batang Kali, Batang Berjantai ker, apa2 batang lah.

Tun. Nak tanya sikit. Kenapa la ni Tun agak kurang keluarkan posting2 baru. Dua tiga hari baru buat satu posting. Dan entries dari kami pun lambat disiarkan, kadang selepas sehari dua baru keluar. Ada masaalah diri TUN ker atau masaalah teknikal.

Harap TUN jaga kesihatan. Jika TUN tak berapa sehat, banyak2 lah berehat.

Jangan hiraukan sangat pasai Blog ni. Usah ikutkan sangat kehendak

bloggers kat sini. Mereka memang dah macam ketageh kalau tak baca dan komen Blog TUN.

By ParpuKariAuthor Profile Page on February 25, 2009 10:01 AM

SAYA TERPAKSA MENULIS PERKARA INI SETELAH SAYA TENGOK ADA SATU MACAM 'TREND' SEJAK KEBELAKANGAN INI YANG CUBA NAK MEROSAKKAN NAMA BAIK CALON2 KETUA PEMUDA....

SAYA ADALAH PENYOKONG DATO MUKHRIZ, TAPI PADA MASA YANG SAMA SAYA TAK MENGUTUK MANA2 CALON PEMUDA YANG LAIN. TETAPI SAYA TERPAKSA NAK MENINGATKAN SEMUA BAHAWA PEMILIHAN INI AKAN MENETUKAN JATUH BANGUN UMNO PADA MASA DEPAN.....SILAP PILIH ALAMATNYA 'GOODBYE' LA PRU13..

BANYAK BLOG2 YANG PRO PADA SEORANG CALON INI, YANG PADA MASA YANG SAMA CUBA MEMBUAT 'CHARACTER ASSASINATION' DATO MUKHRIZ DAN DS KHIR TOYO..

SAYA RASA CARA MACAM INI ADALAH SALAH, KALAU NAK MENAIKKAN SESEORANG TU JANGANLAH DIBUNUH ORANG LAIN PULAK KAN...TAK GENTLEMAN MACAM TU..

KITA KENA KAJI BALIK PUNCA KEKALAHAN PRU12, INI ADALAH HAKIKAT YA, SAYA BUKAN NAK MENUDUH SESIAPA PUN...FUCKATAN RIOT MENANG PUN BUKAN PASAL MEREKA TU POPULAR, TAPI LEBIH PADA KEBENCIAN RAKYAT MALAYSIA ATAS FAKTOR POLITIK ANAK BERANAK. SEMUA RAKYAT MALAYSIA TAHU YANG BANYAK KEPUTUSAN PUCUK PIMPINAN INI DIPENGARUHI OLEH SEORANG PEMUDA YANG CUBA NAK JADI SUPERSTAR! BERMULA DARI SYARIKAT2 MALAYSIA DI JUAL KEPADA NEGARA JIRAN SAMPAI LA KE PEMILIHAN CALON PADA PRU12, SEMUANYA TELAH DI CATURKAN OLEH PEMUDA YANG NAK JADI SUPERSTAR INI.....DAN BANYAK LAGI KISAH2 YANG SAYA PUN TAK LALU NAK ULAS DI SINI LA, SAYA PERCAYA YANG TUAN2 SEMUA LEBIH TAHU DARI SAYA...SAYA JUGA ADA DENGAR YANG SANG PEMUDA INI TELAH KE SERATA NEGARA UNTUK MENJUAL DIRI BELIAU KEPADA PERWAKILAN SEMUA, DENGAN SIAPA ADA HULUR2 LAGI.....TAPI PENCALONAN PADA DIA TETAP KURANG JUGAK, MENAGAMUK MAMAT NI PADA CAWANGAN ATAU BAHAGIAN YANG TELAH DI'HULUR' TAPI MASIH TAK MENCALONKAN BELIAU, MALAH MEREKA MENCALONKAN CALON YANG LAIN PULAK...MENGAMUK MEMBER KITA NI, KATA DIA TAK GUNA BETUL, DAH LA AMBIL 'HULURAN'

AKU TAPI DOK CALONKAN ORANG LAIN. SAYA NAK NASIHATKAN CALON TERSEBUT KALAU NAK MENANG BIARLAH GENTLEMAN SIKIT, TAK ELOK MAIN CARA 'BANGSAT' NI.....DISEBAKAN HULUR2 INILAH HARI INI UMNO TELAH ROSAK NAMANYA..TAPI PENYOKONG2 BRADER NI CUBA TUDUH PADA TUN DR M, KATA MEREKA TUN LAH PUNCA UMNO KALAH, KESIAN GOLONGAN MEREKA NI KAN...MEREKA MELIHAT TAPI TAK NAMPAK...KADANG2 MACAM PENYOKONG SI KETUA PEMBANGKANG JE...TAH LA...

GOLONGAN INI JUGA DAH MULA ATTACK PADA DS NAJIB, KALAU TUAN2 TAK PERCAYA, JUST TUNGGU DAN LIHATLAH, RASANYA DAH BERMULA DAH...TAK PERCAYA TUNGGU JE LAH.....

JADI KITA KENA PILIH CALON PEMUDA YANG BERSIH MACAM DATO MUKHRIZ NI, DIA COOL JE TAKDE LA NAK MELOMPAT-LOMPAT MACAM BE.....

LAGI SATU SIKAP DATO MUKHRIZ NI YANG BERANI, MENDENGAR RINTIHAN AKAR UMBI, DIA TAK BUAT RUMUSAN SYOK SENDIRI, "HE DON'T SPEAK FOR HIMSELF BUT HE SPEAKS FOR THE PEOPLE" INILAH KUALITI YANG KITA NAK SEBENARNYA..PADA MASA YANG SAMA DIA JUGA MENGHORMATI PAKLAH, KERANA PAKLAH SUDI MENGUNDURKAN DIRI LEBIH AWAL DARI YANG DI RANCANG, PAK LAH PUN DAH DENGAR APA YANG AKAR UMBI NAK...SEMOGA PERALIHAN KUASA INI BERLAKU DENGAN BAIK LAH HENDAKNYA....

SAYA CUMA NAK MENINGGATKAN, LEBIH ELOK KITA PILIH CALON YANG BERSIH, TAKDE INVOLVE DENGAN RASUAH DAN PALING PENTING SEKALI JANGAN PILIH CALON YANG MENJADI LIABILITY PADA UMNO DAN BN...

SAYA PERCAYA DATO MUKHRIZ MAMPU MEMPERKUATKAN BARISAN PEMUDA UMNO UNTUK MEMBAWA UMNO KE TAHAP YANG LEBIH TINGGI DAN DINAMIK..

ITU SAJA BUAT MASA INI....KEPADA PERWAKILAN INGATLAH, JANGAN SALAH PILIH, KELAK MERANA...MARILAH KITA MENAIKKAN SEMULA UMNO DENGAN MEMILIH CALON2 YANG BERKALIBER BUKAN CALON YANG PANDAI BERCAKAP TAPI HABUK PUN TAKDE...HE HE HE

<http://parpukari.blogspot.com/>

By rmap88Author Profile Page on February 25, 2009 10:24 AM

Dear Tun

Today is my 1st day browsing your blog. Many interesting topics to read and I learn a lot too. Old is gold, that's what I can tell about you. Each and every thing you did for Malaysia for the past 22 years are always treasured and remembered. And you take care of your health, Tun. We want you to be around.

By berlianAuthor Profile Page on February 25, 2009 10:51 AM

Sokong Jali_Man...

Betoi..betoi..betoi.

Ayahanda Tun M & Bonda CT Hasmah...jaga kesihatan ye..

By suara mahasiswaAuthor Profile Page on February 25, 2009 11:11 AM

salam,,tun,,sebagai seornng bakal mahasiswa,,saya melihat ada pro dan kontr tentang apa yang sedang berlaku di Perak,,Bukan saya mahu menyelebai mana-mana parti,,saya melihat apa yang terjadi dari sudut parti kerajaan dan parti politik,,dari sudut parti kerajaan,mereka mengatakan dengan bersemangat bahawa apa yang terjadi adalah di Perak merupakan kelemahan PKR dalam memerintah negeri yang bertimah-timah,,manakala dari sudut parti pembangkang,,mereka mengatakan ialah teknik provokasi kerajaan untuk menjatuhkan mereka,,saya berpendapat semua parti akan terus diminati oleh masyarakat sekiranya mereka mengamalkan pemerintahan seperti yang diamalkan oleh Nabi Muhamad S.A.W dan para sahabat,dan mengutamakan kepentingan rakyat dan amanah yang diberikan,nescaya Malaysia

mampu maju ,,adakah pemerintahan baru di Perak akan mengalami nasib yang lebih atau....????/just wait n see

By mazlanAuthor Profile Page on February 25, 2009 11:30 AM

Assalamualaikum.

Karpal Singh tak ada hak nak saman Tuanku Sultan Perak. Apa kaitan dia dengan krisis di Perak? Dia rakyat Perak ke? Saja nak tunjuk hebatlah tu kononnya. Lihatlah betapa Sultan Perak masih bersabar walaupun baginda dicerca dengan tuduhan yang kurang ajar. Jika kena kat Karpal Singh dan kumpulannya saman puluhan juta akan menyusul. Inilah manusia hipokrit yang bila dia buat tak apa tapi bila orang lain semuanya salah. Mana keluhuran undang-undang yang dijertinya. Dia amalkan kroni tak apa tapi bila orang lain tak boleh. Anak beranak dia semuanya pandai tapi anak beranak orang lain semuanya tak pandai. Inilah orang yang sesetengah kita sanjung sebagai pemimpin agung.

Perlantikan Zambry sebagai MB Perak tak sah ke? Kenapa Sultan boleh lantik MB tapi tak boleh pecat MB? Semua kena tulis ker? Mana kesetiaan kepada Raja dan Negara? Kenapa pemimpin dan penyokong PAS tak taat kepada Sultan selaku ketua Negeri? Pemimpin PAS ni hipokrit. Bila kena kat dia, mereka akan cari alasan untuk membenarkan tindakan mereka. Janganlah memainkan ISLAM kerana kuasa. Biarlah ada peraturan sikit kalau nak berebut kuasapun.

Speaker boleh buat keputusan tanpa rujuk Dewan? Hebatnya kuasa speaker ni. Kalau speaker ni jadi menteri dalam negeri dah lama Sultan Perak ditangkap di bawah ISA agaknya??? Orang Perak tak dapat menilai lagi ker kerakusan kumpulan yang baru mendapat kuasa ini. Bila Anwar mengemukakan rancangan nak rampas kuasa semua ahli PR menyokong bagai nak gila. Tak adapun yang bising bahawa cara ini tak bermoral atau salah. Kecoh satu Malaya dan mulalah pasang angan-angan nak jadi menteri dan penyokong sibuk mengintai projek mana nak belasah. Tugas dan tanggungjawab sebagai wakil rakyat dilupakan. Dah terhapuskan ker kemiskinan dan masalah sosial di negeri PR? Cakap tak serupa bikin= Anwar Ibrahim.

By jalaluddinAuthor Profile Page on February 25, 2009 11:34 AM

Assalamualaikum Tun..

Tun yang mulia,

Pertama sekali saya nak mengucapkan syukur kepada Allah(jazakallah ukhoironkathiro) kerana dapat juga saya bagi komen untuk artikel terbaru Tun. Untuk pengathuan Tun, ini merupakan komen pertama saya dalam blog Tun. Kalau ada salah silap pohon maaf banyak kepada Tun.

Kejayaan manusia hanyalah dalam agama Alah swt selagi mana dia taat kepada perintah Allah ikut sunnah nabi saw.Daripada sebuah hadis nabi saw yang berbunyi: aku tinggalkan kamu dua perkara selagi kamu ikut kamu xkan sesat iaitu al-quran dan hadis.

so, point saya di sini bukan nak merendahkan mana pihak2 tetapi juz nak bagi peringatan kepada semua. Dalam al-quran pernah menyebut ' berilah peringatan nescaya peringatan itu memberi manfaat kepada orang2 yang beriman'.Jadi, dalam berpolitik ini kita jangan terlalu suka mencari kelemahan orang secara berlebih-lebihan sehingga menimbulkan perpecahan antara umat islam. Sbagai contoh, Malaysia yang mana ada sedikit lebih2han di situ sehingga di kalangan penyokong parti yang belainan berbalah sesama sendiri

Ayuh muslimin, marilah kita bersatu dan kembali kepada ajaran agama yang sebenar.

Semoga Allah merahmati dan meredhai Tun.

Jazakallahukhoir

By anakku5Author Profile Page on February 25, 2009 11:42 AM

Dear Tun,

Sedih lihat negara kita sekarang. Negara auto pilot. Ada PM macam tak de. Rakyat bertelagah sesama sendiri tapi PM buat apa? Fikir hal ekonomi tak juga. Betul-betul intellectual bancrupt.

Tolonglah perwakilan UMNO. Jangan la pilih pilih pemimpin yang hanya nak jawatan dan kuasa sahaja tapi tak de kualiti seperti PM kita sekarang. Makin banyak dia bercakap makin nampak dangkal benar ilmu yang ada. Orang yang tak berilmu tak berpengetahuan tak layak jadi pemimpin di zaman globalisasi ni. Kita bukan di zaman 30an lagi. Kita perlu PM yang boleh membuat keputusan bijak bagi kesejahteraan Malaysia. Bersaing di peringkat antarabangsa, maju ke hadapan. Tapi Malaysia sekarang mengundur ke belakang. Setakat bagi idea tanam sayur keliling rumah, Tok Empat di kampung lagi pandai.

Tolong laa....saya sayang negara tapi tengok la bulan Mac ni. Betul ke peralihan kuasa akan berlaku. PM bertukar ke tak. Kalau tak...sah lah undi saya bukan lagi kepada UMNO dan BN. AIFatihah.
By anakbudu3Author Profile Page on February 25, 2009 11:55 AM

assalamualaikum Ayahnda n Bonda.
Izinkan anaknda....

TEGELAK BESAQ BILA BACA BRITE ARI NI YG PM TAK MAU MALUKAN NAJIB BILA DIA BERSARA NANTI, KUNUN NAK JADI PETANI, PEKEBUN, PEMANCING@PENTERNAK@ PENANGKAP IKAN SJ. MEMANG LAYAK SGT LA PAKLAH OOI. NAK PIKIAQ, MALAIH! NAK PIKIAQ APAPUN TAK TAU...ELOKLA TU...PI LA BELA IKAN KELI KA...NAK SELESAI MASALAH DI PERAK PUN TAK BULEH. ADAKA SURUH MB REPORT KA POLIS? APA PM BUAT???TAK DAK IDEA/POWER KA NK SELESAIKAN MASALAH POLITIK YG KAMU DAN ORG2 KAMU BUAT???

MENYAMPAH DGN PEMIMPIN2 UMNO, PENIPU2 PR N SEKUTU2 DEPA D PERAK NU.

MAKIN MELUAT AMAT2 DGN BROK ABI(anuabinibrahim) YG SUKA MENUDUH PIHAK2 LAIN SALAH BILA ORG PR BUAT ONAQ, SALAHKAN PSRM BILA ORG PR RASUAH, SALAHKAN MEDIA KATA PUTARBELIT KENYATAAN BILA ORG2 DIA BAGI STATEMENT...ADAKA TIAPKALI KT SILAP NAK TUDUH ORAG LAIN??? BILA NK MUHASABAH DIRI YG DIRI TU TAK LAYAK JD PEMIMPIN??? BROK ABI HANYA LAYAK JD TUKANG CERITA, MENJAJA CERITA YG DIA REKA SEJAK DR ZAMAN DIA MUDA DGN NAFSU SERAKAH DIA SAMPAILA DIA TUA BERUBAN TAK SEDAQ2 DIRI LG MLAYAN NAFSU SERAKAH DIA..TAK TAKUT MATI SUNGGUH....KAWAN DGN YAHUDI, JADIKAN YAHUDI BAPAK ANGKAT, MAKAN GAJI DGN YAHUDI, DAPAT BANTUAN YAHUDI, APA NAK JADI???

MNYAMPAH!!!!
MAAFKAN ANAKNDA KERANA MELEPASKAN AMARAH MELALUI RUANG INI...

TAKE CARE N WASSALAM AYAHNDA N BONDA...SAYANG TUN BERDUA...
By mazharhAuthor Profile Page on February 25, 2009 12:04 PM

Salam Tun dan sekeluarga,
The sad part of this impasse is that YB DR Zambri want to seek advice from Queen's COunsel. Doesnt make sense and it is a mockery to the sovereignty of Malaysian's law and the independent of the country. somebody must lodge police report against him for contempting the Malaysian's law.
By YeePakYoonAuthor Profile Page on February 25, 2009 12:26 PM

Assalamu'alaikum dan Salam Sejahtera kepada para pembaca sekalian,

Di masa kini, Negeri Perak telah menjadi perhatian utama khususnya berita politiknya. Tak lama lagi, selepas persidangan dan pemilihan UMNO (bersekali dengan upacara kepenceanan Pak Lah), maka berduyun-duyunlah rakyat Malaysia meraikan Minggu Melawat Bukit, merangkap pilihanraya kecil, di Bukit Selambau dan Bukit Gantang. Lepas tu, dengar khabarnya, akan menyeberang ke Sarawak, ke Batang Ai pulak [Kadangkala agak lucu jugak bunyinya, Pilihanraya dua BUKIT dan satu BATANG].

Bagaimanapun, oleh kerana Perak kini sedang bergolak dengan krisisnyanya, tumpuan akan lebih kepada Bukit Gantang. Untuk sesiapa yang akan datang melawat Perak, saya ingin memberi sedikit panduan am mengenai Perak.

DEMOGRAFI MELAYU PERAK.

Secara umumnya, orang Melayu Perak boleh dibahagikan kepada 3 kelompok utama, iaitu PERAK "PURE", MELAYU PATTANI dan PERAK "ala-KEDAH". Perak Pure meliputi daerah-daerah sepanjang Sungai Perak, iaitu dari muaranya (Teluk Intan) sehinggalah Sauk dan Kg. Beng. Selepas Sauk adalah Hulu Perak yang dikuasai kelompok Melayu Pattani. Melayu Pattani juga menguasai Daerah Selama dan Batu Kurau. Manakala daerah-daerah Sg. Kerian dan Sg. Dinding, dikuasai oleh golongan ala-Kedah.

LOGHAT-LOGHAT (DIALEK) PERAK

Orang Perak Pure menggunakan loghat Perak Pure (contoh : bior pape, ase begaye, seperti mana pertuturan Mr. Os, duta loghat Perak Pure). Melayu Pattani menggunakan loghat Pattani (ala-ala Kelantan sikit) . Loghat Kedah dipertuturkan oleh kelompok ala-Kedah (Parit Buntaq, Bagan Serai, Pantai Remis, Sitiawan hingga Lumut).

Kepada yang sampai ke Bukit Gantang nanti, ingatlah..... loghat Mr. Os tidak diguna pakai di sini. Sebelah Changkat Jering adalah loghat Pattani, manakala di sebelah Trong dan Kuala Sepetang, kebanyakannya loghat Kedah.

Di samping itu, bagi kawasan Jelapang Padi utama Perak, iaitu Lembah Sg Kerian (utara) dan Sg. Manik (selatan) terdapat ramai etnik Banjar dan Jawa. Ada juga sedikit etnik Mendailing, Rawa, Kampar dan Aceh di kawasan-kawasan tertentu.

KIRI-KANAN

Perak terkenal dengan nama-nama tempat yang ada Kiri atau Kanan, seperti Bota Kiri & Kanan, Lambor Kiri & Kanan, Layang-layang Kiri & Kanan dan Kota Lama Kiri & Kanan. Bagaimana nak bezakan antara kiri dan kanan?

Tempat-tempat yang mempunyai penambahan kiri dan kanan cuma terdapat di sepanjang Sungai Perak. Apabila anda mudik ke arah hulu Sungai Perak menggunakan sampan (atau water scooter sepertimana yang dilakukan oleh Brother Anwar dahulu), tebing di sebelah kanan anda adalah KANAN, begitu juga sebaliknya di sebelah kiri anda.

Nota : Jika anda golongan kanan, tetapi tersesat di Bota Kiri, jangan takut. Itu bukanlah kawasan golongan kiri.

RAJA-RAJA DAN SYED-SHARIFAH

Apabila anda sampai ke negeri Perak, anda akan dapati, ramai rakyatnya yang mempunyai nama berpangkalan Raja, sama ada lelaki ataupun perempuan. Mereka ini sebenarnya adalah keturunan Raja-Raja.

Jikalau Raja lelaki ini berkahwin dan mempunyai anak, maka anak-anaknya juga mempunyai nama berpangkalan Raja. Jikalau Raja perempuan pula berkahwin dengan rakyat biasa, anak mereka ini akan mempunyai nama berpangkalan MEGAT (lelaki) atau PUTERI (perempuan).

Ada juga golongan yang mempunyai nama berpangkalan SYED atau SHARIFAH. Golongan SHARIFAH yang berkahwin dengan orang biasa, akan mempunyai anak yang mempunyai nama berpangkalan MEOR.

Jadi, jika anda berjumpa dengan RAJA, MEGAT, SYED, SHARIFAH atau MEOR, anda akan mengetahui

susur galur keturunan mereka.

PERTELINGKAHAN RAJA-RAJA

Semasa bijih timah menjadi komoditi rebutan dalam abad ke-19 dahulu, takhta telah menjadi rebutan. Dua Raja yang bertelingkah merebut takhta, iaitu Raja Yusof dan Raja Abdullah. Rentetan perebutan ini, sehingga pembunuhan Birch, maka kesultanan Perak disusun atur oleh Pihak Inggeris, di mana kesultanan Perak selepas itu hendaklah bersusur-galurkan dari empat orang Raja. Sebab itulah, Perak adalah antara tempat yang mempunyai ramai orang bernama "RAJA", selain INDIA.

Sebab itu, janganlah rakyat Malaysia risau teramat sangat dengan peristiwa 2 MB ini, kerana Perak dan biasa mempunyai 4 Raja.

TENGGU MAHKOTA

Oleh kerana penyusunan Raja-Raja ini, tiada jawatan tengku Mahkota dalam hierarki kesultanan Perak. Lagipun, kalau menyebut perkataan "TENGGU MAHKOTA" ini dalam loghat Perak Pure, BUGHUK BEBENOR BUNYINYE.

LAGU NEGARAKU

Khabarnya, akibat pembunuhan Birch, Almarhum Raja Abdullah telah dibuang negeri ke Seychelles [negara kepulauan di Lautan Hindi, di sebelah barat kepulauan Maldives, di sebelah selatan kawasan Teluk Arab dan berdekatan Pulau Comoros. Salah satu gugusan pulau ini, iaitu Diego Garcia, telah dijadikan pengkalan tentera utama British dan Amerika Syarikat, untuk menguasai ketenteraan di Lautan Hindi, berserta pengkalan utama untuk operasi ketenteraan di Iraq dulu].

Akibat jauh di perantauan, kerinduan kepada tanahair telah mengilhamkan penciptaan lagu Terang Bulan, yang melodinya menjadi asas kepada Lagu Negaraku.

KAWASAN TEBAL

Ada kawasan-kawasan tertentu di Negeri Perak ini didiami oleh kaum Melayu, Cina dan India yang mempunyai sifat perkauman yang amat tebal. Kaum Melayu di Kampong Gajah, kaum Cina di Sitiawan dan kaum India di Buntong. Bagaimanapun, perasaan perkauman ini mungkin agak menipis, dibandingkan dengan masa-masa dahulu.

Contohnya : Jika isu sensitif orang Melayu dibangkitkan dalam sidang Dewan Rakyat, antara yang cepat melenting adalah MP Kampong Gajah.

Jadi, jika anda memasuki kawasan-kawasan ini, jagalah bahasa anda.

ORANG-ORANG TERKENAL PERAK

Ramaiiiiiii..... tak perlu nak senarai-kan. Sekarang ni, kalau nak pastikan sama ada orang yang terkenal itu asalnya dari Perak, amat mudah. Tengok IC. Kalau nombor ditengahnya "08", anak kelahiran Perak lah tu.

Untuk kawasan Bukit Gantang, antara nama yang akan popular nanti tentulah ADUN Changkat Jering, kapten pencen yang melompat parti. Begitu juga Jins Shamsudin (senator pertama dari golongan anak wayang), yang rumah asalnya dekat dengan Pekan Ahad. Bahkan, bekas ADC Sultan Perak, yang kini menjadi Setiausaha Sulit Sultan Perak, juga orang Changkat Jering.

Di luar kawasan Bukit Gantang pulak, orang terkenal yang agak unik adalah Dato' LAT, kartunis terkenal (banyak sejarah Perak digambarkan dalam siri kartunnya). Adiknya pulak, MAMAT KHALID, yang cuba meng"kartun"kan filem. Lain-lain, tak payah sebutlah....

KESIMPULAN

Selamat Datang Ke Bukit Gantang, Negeri Perak Darul Redzuan.
By uncle matAuthor Profile Page on February 25, 2009 12:31 PM

Salam,

Our country's political situation already become mayhem. Why??? I believe were also some parties capitalised in country political hastiness. The leader now are more taking care of their position rather than taking care of citizen's benefit. Each act their horn watched by people. Now of course people not able to vocalise their inner hurt. Fortunately, Malaysian are not extremist but they must not be forgotten that coming election. So sad to say that.. Malay political power is become weak.
By sitinurAuthor Profile Page on February 25, 2009 12:36 PM

salam bapak....

saya setuju dgn saudara saifullah/pedagang...

pm kita.. taknak lah malu nak pangge sidodoi pm.... blurr sidodoi lebih kronik dari blurr saya... si dodoi duk lena tidoq dia pedulik aper dgn rakyat m'sia reta dah berkepek2... tidoq atas tilam duit note \$500..? ade lagi ka... note \$ 100 lah.....

bosanbosanbosanbosanakudahbosan...

By WanJ PeraksiAuthor Profile Page on February 25, 2009 12:41 PM

Salam Tun,

Kpd Pembaca dan kawan2 budiman,

Nasihat saya janganlah taksud sangat kepada pemimpin yang semuanya bermuka-muka bagi lihatlah gelagat terutama dua MP dari Kinabatangan dan Sri Gading mereka berdua ni macam nak jadi hero tua yang sebenarnya tak tahu apa itu Perlimen Dan perlembagaan. Cerita nakal pula Budak KJ nak jadi hero pengecut..... mentang kononnya dari Oxford U.

Tentang Perak dan Timah kita tunggu dan lihat siapa yang betul Undang-Undang atau salah pandang Sultan Azlan Shah dalam hal ini, dan kepada pemberita janganlah tanya kepada Raja Muda Perlis yang tak tahu pun hal hukum pelembagaan dan juga dimana Raja Muda Perak yang selalau berpidato mengenai Campur Tangan Istana dalam hal politik Negeri yang diperkatakan semasa meraikan pemerintahan ayahanda baru-baru ini....

lain hal berita terkini:-

Sultan Johor Darul Taazim dah pun ceraikan Sultanah Johor tolak tiga.....

Salam Tun

By aizaAuthor Profile Page on February 25, 2009 12:46 PM

Assalamualaikum YAB Tun,

Pak Lah & Anuar sama saja... dua-dua baling batu sorok tangan.

Anuar dah sememangnya perangai dia macam tu. Suka ambil kesempatan.

Tapi Pak Lah nie... pelik laaa.. mana satu dia ni.

Macam takdak rasa bertanggungjawab & bersalah langsung terhadap apa yang berlaku di Perak sekarang ini.

Dok senyap macam tu saja.

Yang dok keluar statement - Najib, Syed Hamid, Muhyidin.. & Sultan-2 seantero negara.

Biarla 2 Luncai tu dengan labu-labu depa.

Yang penting, LCCT Labu tak jadi buat dah... terima kasih YAB Tun (erk.. walaupun saya tak tau apa sebenarnya yg berlaku sebelum susulan keputusan tu).

Saya amat menyokong KLIA ditukar kepada LTAM.
Luv you always YAB Tun.

Semoaga Allah swt memelihara kesihatan & kesejahteraan YAB Tun berdua..amin.

Salam,
Anak Cikgu Sohaimi
By JeffreyAuthor Profile Page on February 25, 2009 1:04 PM

Tun,

Precisely... how can police take action against speaker for exercising power within the state assembly. And such advice comes from the PM who said that the Perak MB has concurred with him. Plain stupid. No wonder the mess in our country.
By cryptonAuthor Profile Page on February 25, 2009 1:10 PM

salam Tun..

Semoga Tun sihat selalu hendaknya.

1)Sbnarnya saya begitu bersetuju dengan Tun tentang kelemahan YAB Pak Lah..beliau begitu lemah dalam dalam membuat keputusan.

2)Saya berharap selepas kita mendapat PM baru bulan Mac ini Tun sudi masuk semula ke dlm UMNO dan meneruskan perjuangan yang belum lagi selesai ini.

3)Semoga Tun kekal sihat dan berbahagia selalu.
By mansorAuthor Profile Page on February 25, 2009 1:35 PM

Assalamualaikum Tun,
SEMOGA TUN DAN ISTERI SENINTIASA DI-BERKATI DAN DI-RAHMATI ALLAH.

TUN,KEIKHLASAN DALAM MERANCANG DAN MEMBUAT SESUATU ITU ADALAH TERAMAT PENTING KERANA IA-NYA ADALAH TUNTUNTAN ALLAH DAN KUNCI KEJAYAAN.

TUN TELAH BERJAYA MEMBAWA MALAYSIA KESUATU TAHAP YANG AMAT MEMBANGGAKAN RAKYAT MALAYSIA MALAH SEMUA ORANG MELAYU/ISLAM DI-NUSANTARA INI DAN JUGA NEGARA DUNIA KETIGA DAN NEGARA-NEGARA YANG TERTINDAS DAN SELURUH NEGARA ARAB DENGAN KEPIMPINAN TUN.SEMUA KEJAYAAN TUN ADALAH KERANA BANTUAN ALLAH KEPADA HAMBA-NYA TUN MAHATHIR YANG IKHLAS.

TUN DI-LIHAT SEBAGAI PEMIMPIN ISLAM / BUKAN ISALM / DUNIA YANG TELAH BERJAYA MEMBUKA MATA SERTA PEMIKIRAN DAN YANG TELAH MENGEMBALIKAN JATI DIRI ORANG ISLAM DAN YANG BUKAN ISLAM SELURUH DUNIA YANG MENYAYANGI TUN. TAPI TUN TETAP TUN TIDAK PERNAH MENDABIK DADA KERANA TAKUT AKAN ALLAH. SESSUNGGUH-NYA TUN ADALAH SEORANG INSAN YANG SABAR DAN IKHLAS DALAM SEMUA HAL DARI PERBUATAN DAN UCAPAN TUN.

KEPADA SAYA TUN ADALAH SEORANG "TOK GURU" YANG TELAH MENDIDIK BANGSA-NYA TENTANG MARUAH DAN HARGA DIRI. TAK PAYA PERGI KE-INSTITUTE INTERGRITI NEGARA.

DENGAN KESABARAN DAN KEIKHLASAN YANG TELAH ALLAH KURNIAKAN KEPADA TUN, TUN TELAH DAPAT MENGHARUNGI SEMUA CABARAN DAN DUGAAN HIDUP.

TETAPI HARI INI DI-BAWA PAK LELAH KITA LIHAT SEMUA DALAM KEADAAN KUCAR-KACIR. MENGAPA INI SEMUA TERJADI? JAWAPAN -NYA AMAT MUDAH IATU PERDANA MENTERI TIDAK PUNYA KEIKHLASAN DALAM MENTADBIR NEGARA. BELIAU MERSAKAN INI-LAH PELUANG KEEMASAN UNTUK BELIAU MEMPERKAYAKAN KELUARGA DAN KRONI-KRONI NYA DAN MEMBALAS DENDAM TERHADAP TUN.

MENGAPA SAYA KATAKAN SEDEMIKIAN? KALAU KITA IKUTI UCAPAN-UCAPAN DAN TINDAK TANDUK BELIAU SEJAK JADI PM HINGGA SEKARANG SEMUA-NYA MENYINDUR DAN MENGENAKAN TUN. YANG AMAT MENYEDIHKAN SEKALI APABILA SI-LELAH TELAH MEMBIARKAN SI BABI (BRO. ANWAR BIN IBRAHIM)DAN KUNCU-KUNCU NYA MENYERANG DAN MEMALUKAN NAJIB TANPA PEMBELAAN PAK-LELAH SEWAKTU PILIHAN RAYA KECIL IJOK SEHINGGA SAAT-SAAT TERAKHIR BARU LAH SI-LELAH MENBUAT STATEMENT YANG "NAJIB BERSIH"

DATUK ABDULLAH BERKATA BELIAU BERASA BANGGA DENGAN PENCAPAIAN BELIAU. Penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman sebagai antara pencapaian paling bermakna dan menaruh harapan penubuhan Suruhanjaya Penambahbaikan Polis yang diilhamkan beliau turut menjadi kenyataan. Abdullah juga mengakui tempoh pentadbirannya menyaksikan rakyat diberi lebih banyak kebebasan bersuara mempunyai tahap tolak ansur yang lebih tinggi.

BAGI SAYA TENTANG 2 PERKARA ITU LANGSUNG TIDAK MENGUNTUNGKAN RAKYAT KESELURUHAN-NYA. APALAH ERTI-NYA KALAU NEGARA DALAM KEADAAN KUCAR KACIR DAN ORANG MELAYU TIDAK TERBELA.

TUN, KALAU DAPAT TUN TINGGALKAN POLITIK BUAT SEMENTARA DAN SENTUH TENTANG PERKARA-PERKARA YANG ADA SANGKUT PAUT DENGAN PENGHIDUPAN KITA SEHARIAN DAN PEMBELAJARAN ANAK-ANAK.

SETAKAT INI TUN. MAAF KALAU TERKASAR BAHASA. TERIMA KASIH.

ALLAH BERFIRMAN "SESSUNGGUH ALLAH DAN PARA MALAIKAT-NYA BERSELAWAT ATAS MUHD.....BERSELAWAT LAH KITA SEMUA KETAS MUHD)

WASSALAM

YANG MENYAYANGI TUN

By aboriginalAuthor Profile Page on February 25, 2009 1:40 PM

Assalamualaikum Tun dan rakan-rakan pembaca,

1. Saya sebagai orang awam, saya sudah muak dengan politik yang berlaku sekarang ni. Bagi saya baik BN, lagi la parti Pakatan, semuanya pentingkan diri sendiri. Sudah setahun PRU12 berlalu tetapi saya tak nampak sebarang usaha yang di lakukan untuk kebaikan rakyat.
2. Bukan kah kita semua rakyat Malaysia yang sayang pada keamanan. Saya pasti semua rakyat tak mau hidup susah dan huru-hara di sebabkan pemimpin2 bergaduh untuk kepentingan masing2.
3. Pakatan sibuk buat tuduhan itu-ini. Siasat sana-sini nak cari keburukan pemerintah sebelumnya, nak cari evidence nak saman kat court. Nak cari isu nak api-api kan rakyat sepaya benci Pemerintah. Cubalah Yg Berhormat tanya pada diri masing2 adakah dengan mengorek balik kes yang lama-lama membawa faedah pada rakyat?? Mengapa tak di tutup saja hal2 lama dan implement benda baru untuk kebaikan rakyat??? Adakah isu2 ini nak di jadikan bahan untuk mengapi-apikan rakyat??? Adakah mereka ini layak untuk memimpin kita?? Saya rasa tak layak.. Walaupun dalam PRU 12 saya akui saya memilih mereka kerana nak menegakkan agama islam, nak jadikan negara kita sepenuhnya negara Islam yang mempraktikan hukum-hukum Allah seperti di Arab Saudi tetapi dalam masa yang sama saya

terpaksa juga menyokong parti yang mati-matian mau menghalang negara kita dari menjadi negara Islam.

4. Apa lah yang nak di takutkan sangat pada hukum Islam ni kalau kita tak buat apa-apa kesalahan. Tolonglah..perwakilan, gaji yang Yang Berhormat dapat tu adalah duit rakyat. Lagi baik saya tak payah bayar income tax, tax itu, tax ini sekiranya wang yang di kutip adalah untuk membayar gaji pemimpin yang sebegini. Lebih baik saya beri sedekah pada fakir miskin yang makin meningkat sekarang ni di sebabkan kegawatan ekonomi dan di berhentikan kerja.

5. Pada BN pula saya amat kecewa dengan kredibiliti perwakilan sekarang ni. Dah kalah, buat la cara kalah. Jangan la di buat isu itu ini semata nak dapat balik undi. Yang Berhormat perlulah bekerja lebih keras untuk menawan hati rakyat. Lebih banyak turun padang, lebih banyak buat kajian apa yang rakyat mau tegakkan. Lebih perihatin pada masalah rakyat daripada membuat tuduhan sana-sini yang secara tak langsung juga di masukkan dalam ketagori menghasut rakyat. Apakah cara ini saja yang boleh di guna untuk mengalih pandangan rakyat pada isu yang lebih serius seperti kegawatan ekonomi??? Biar rakyat menilai sendiri parti dan pemimpin yang macam mana yang mereka mahu untuk di pilih dalam PRU13 nanti.

6. Bila ditanya pada sekeliling saya, rata-rata mahukan pemerintah yang tinggi kredibiliti dan mempunyai intergriti yang tinggi seperti Tun Dr Mahathir yang mampu membuat orang diam di dalam dia merancang sesuatu untuk negara yang membawa kebaikan pada semua. Orang yang sebegini yang kita mau untuk jadi pemerintah. Bukan yang lembik macam Pal lah. Nampak macam Islamik tapi tak mau pun mengkaji untuk di adakan negara Islam. Pada pandangan saya kalaulah Pak Lah keras-keras mau menjadikan M'sia negara Islam, walaupun di tentang hebat oleh pelbagai pihak, walupun tak berjaya, Dia akan turun dengan langkah bergaya dan lebih di hormati. Tak lah sampai Agung pun sinis berucap mahukan dia turun dari memerintah. Saya rasa Pak Lah terlampau buat mudah semua perkara. Dia ingat jadi PM cuma perlu hadir majlis sana sini. Pergi luar negara sana sini habiskan wang rakyat. Cuma jadi ikon pada negara dan tak mau langsung buat kerja. Semua di serahkan ke TKT 4 yang kononnya rasa lebih bijak dari orang lain tapi hampas pun TARAK...lebih kepada menjaga status & fulus masing2 saja ada.

7. Tun, saya sayang pada Tun. Bagi saya, hanya Tun saja mampu menjadikan negara kita negara Islam sepenuhnya sebab kredibiliti Tun. Tapi nak buat macam mana... hidayah tu milik Allah. Hanya Allah saja yang dapat membuka hati dan minda seseorang supaya lebihkan DIA dari segalanya. Tiada yang lebih baik dari menjadi seorang pemimpin yang adil di atas hukum-hukum Allah. Semoga Tun Di rahmati Allah sentiasa.... Wassalam.

By theWitchAuthor Profile Page on February 25, 2009 1:42 PM

1. Saya tak setuju untuk tunggu dan lihat sahaja. Ini kerana semua akan rugi terutamanya rakyat Perak, lebih-lebih lagi kaum bumiputera di sana kerana jika dibiarkan kepada BARUA habis semua hak bumiputera akan digadaikannya.

2. Saya pasti Tun mempunyai penyelesaian kepada kemelut ini. Jika mereka tidak mahu meminta, apa salahnya Tun memberi. Mungkin dengan cara menyatakannya di blog. Saya pasti mereka akan membaca.

3. Saya percaya Sultan Perak amat murka dengan BARUA dan konco-konconya yang terus-terusan mengambil HAK bumiputera dan memberikannya kepada orang lain sewenang-wenangnya. Contoh paling nyata pemberian tanah melayu yang dahulunya diambil dari orang mbumiputera dan diberikan oleh British kepada bekas/penyokong komunis kemudian dengan senang BARUA memberikannya secara PERCUMA.

4. Saya yakin tindakan Sultan Perak untuk tidak membubarkan dewan kerana sebab untuk melindungi kepentingan kaum majoriti di Perak yang telah dan akan dianiaya oleh BARUA dan kuncu-kuncunya. Sekurang-kurangnya tindakan mereka terhenti setakat ini.

5. Saya kecewa kerana ramai yang berani derhaka dengan Sultan. Sudahlah keputusan Sultan yang

lebih tinggi daripada Speaker pun tidak mahu diikuti. Apa lagilah untuk mereka hormat akan PERLEMBAGAAN MALAYSIA.

6. Tun, saya ingin meminta supaya Tun tidak hanya tunggu dan lihat.
By warisanpang5Author Profile Page on February 25, 2009 1:57 PM

Assalamualaikum YABhg Tun yg disayangi...

Kemelum politik yg berlaku kebelakangan ini telah melahirkan ramai peguam2 yg 'tak bertauliah' membuat komen dari sudut perundangan sehinggalah kepada ber'bundle2' laporan polis dibuat. Kesian kat polis krn bukannya sibuk menjaga ketenteraman awam tetapi sibuk melayan aduan2 yg tiada penghujungnya..

Malaysia dah menjadi lebih terkenal bukan krn pembangunan ekonomi negara atau keindahan semulajadinya atau keramahan penduduk berbilang kaumnya tetapi krn keluarbiasaan yg berlaku. Hari ni cerita si YB ni lompat parti kemudian hilang, keesokannya YB yg lain pula ada kes, rasuah, salah guna kuasa, moral dan mcm2 ada !! Di mana silapnya @ adakah ini dugaan Allah swt, krn mungkin saja kerajaan mulai riak & tidak memperdulikan antara yg hak atau bathil ? Mungkin pemimpin2 khususnya org Melayu Mudah lupa tanpa menyedari Perjuangan Yang Belum Selesai ??

Jalan yg terbaik kembali kepada rakyat ! Mandat perlu diberi kpd rakyat, drp rakyat untuk rakyat. Sultan tentunya mahukan yg terbaik untuk rakyat baginda mengikut nilai2 keadilan & kesaksamaan. Jgn diheret institusi Raja berdaulat demi kepentingan politik sendiri.

Kita juga tidak wajar berbuat sesuatu yg diluar had atas nama rakyat, kerana itu akan memakan diri apabila hari perhitungan tiba. Sekiranya kita belajar mengakui kesilapan & berusaha memperbetulkannya, maka RAKYAT jugalah yg akan mengadili keikhlasan & iltizam kita di dalam perjuangan tanpa ada unsur2 yg dipengaruhi RM\$.... Bak kias pepatah, jika takut dilambung ombak, jgn berumah di tepi pantai !!!

Wslm...

By kaizerAuthor Profile Page on February 25, 2009 2:08 PM

Salam Tun,

Apa yang terjadi di Perak , rakyat Melayu di seluruh negara harus mengambil iktibar dengan apa yang berlaku hari ini.Kuasa yang kita pegang hari ini sudah nampak ke penghujungnya.Permainan politik hari ini cukup bahaya dan silap haribulan isu perkauman seperti yang berlaku 1969 akan berulang sekali lagi.Dimana DAP PERAK terutamanya Ngeh yang tidak nampak langsung bunyinya.Boleh diibaratkan seperti 'membaling batu sembunyi tangan'Cukup licik permainan DAP ini setelah mereka berkuasa seketika yang PAS dijadikan BONEKA mereka.Yang di tonjolkan untuk membuat kerja-kerja halangan ini ialah DS Nizar.

Masih ingat semasa keputusan PRU12 yang lalu dimana Baginda Sultan PERAK telah perkenan kepada kerajaan Campuran (DAP 18 kerusi.PKR 7 kerusi dan PAS 6 kerusi) untuk menubuhkan kerajaan di PERAK.Kalau diikuti dengan kerusi yang BN perolehi sebanyak 31, maka bolehlah dikatakan BN boleh berkuasa semula.Tetapi setelah 3 wakil menghadap Tuanku dan bersetuju untuk bergabung, maka Sultan bersetuju dimana majoriti 31 boleh menubuhkan Kerajaan di PERAK.Persoalannya adakah Tuanku membuat keputusan yang betul semasa itu dan kenapa BN tidak membawa perkara ini ke mahkamah kerana 3 parti itu boleh dikatakan bukan PARTI PAKATAN RAYKAT yang diiktirafkan.Semasa pilihanraya hanya bekerjasama sahaja tetapi bukan dalam satu simbol seperti BN.Secara ironiknya BN boleh mendapat perkenan Tuanku untuk menubuhkan kerajaan.Keputusan telah di buat dan BN menerima dengan hati yang terbuka.

Kenapa setelah BN mendapat semula kedudukan mereka di PERAK, PARTI PACAMERBA,DAP,PAS dan PKR tidak boleh menerima keputusan yang telah di buat oleh Baginda Sultan PERAK.Pandangan saya Tuanku Sultan Perak telah membuat satu keputusan yang bijak dan adil kepada semua pihak dan

tidak perlu dipersoalkan lagi. Kenapa tidak Kerajaan Campuran yang lama memberitahu kepada rakyat PERAK bahawa Tuanku telah bersifat adil semasa membuat keputusan yang memihak kepada mereka, tetapi apabila hilang kuasa sudah tidak dapat menerima keputusan Baginda. Inilah demokrasi yang selalu dilaungkan oleh Pakatan Rakyat yang belum tentu kedudukan mereka sesama sendiri.

Pada pandangan saya, PERAK telah dijadikan satu ujian dan ukuran bagi pihak tertentu yang mempunyai motif untuk mendapat kuasa di negara ini. Kuasa yang ada di tangan Raja-Raja di negara ini akan diuji sepenuhnya. Lihatlah hari ini ramai sungguh peguam yang melibatkan diri dalam politik tanahair kita. Setiap inci yang dilakukan mendapat tentangan dari mereka kerana kebijaksanaan mereka dalam undang-undang. Ini cukup bahaya sekali dalam negara ini. Ruang dan sifat keterbukaan kerajaan yang ada hari ini dan kelemahan pemimpin memberi keuntungan pada mereka untuk mendapat kuasa di negara ini.

Sekiranya tidak di bendung dari sekarang, maka lihatlah nanti pada PRU13 nanti, kuasa orang melayu akan hilang dan kesudahannya seperti di negara jiran kita yang terdekat. Undang-undang boleh dipinda di PARLIMEN dan ini cukup bahaya sekali untuk generasi yang akan datang. Mungkin ramai yang tidak bersetuju dengan pandangan saya ini, tetapi cuba berfikir sedalam-dalamnya kerana di PERAK sudah nampak jelas dan nyata apabila dapat memerintah tak sampai 1 tahun. Begitu licik permainan mereka tetapi yang sedih generasi hari ini dapat menerima semuanya. Demdam kesumat tidak pernah luntur dari ingatan mereka terhadap masa lampau dan orang Melayu harus ingat kita masih ketinggalan dari segi ekonomi dan apabila kuasa yang ada hari ini hilang, maka hilanglah segalanya.

Sudah sampai masanya untuk kita bersatu semula untuk agama, bangsa dan negara.
By MatAuthor Profile Page on February 25, 2009 2:13 PM

Assalamualaikum Tun Mahathir,

Tepuk dahi saya bila dengar Pak Lah sebut repot polis pasal kes ini. Tepuk dahi pasal tak percaya Tun. Seingat saya, sebelum tu takde apa2 berita/komen pun dari Pak Lah mengenai Perak ni. Tiba2, bila bersuara, ke situ pulak perginya. Sampai ke tahap ini kah pemimpin No. 1 negara kita sekarang? Astaghfirullah. Saya bukan nak menghina Pak Lah (dan saya setuju dengan saranan Datuk Mukhriz), tapi bagi saya komen sebegini (yang bagi saya menjurus kepada org yg tidak berfikir panjang) tidak sepatutnya datang dari seorang pemimpin no. 1 sebuah negara. Come on Melayu!

UMNO/BN dan Malaysia, tolonglah jangan pinggirkan Tun Mahathir. Bukan nak mengampu, but Tun M is a gem whom we will not have forever.

Tun, saya amat berharap penerangan mengenai Palestin seperti yang Tun siarkan dlm blog Tun ini dpt disiarkan di dalam media elektronik kita. Ini kerana bukan semua masyarakat kita dpt access blog Tun ini. Malah sebahagian besar dari masyarakat kita memang tak pernah baca blog Tun. Saya rasa info tersebut amat berguna untuk masyarakat kita.

Saya harap dapat jumpa Tun satu hari nanti. Nak ucap terima kasih.
By bjorkAuthor Profile Page on February 25, 2009 2:42 PM

Tun,

'suasana' politik kat Malaysia ni dah merepek...sapa yang kuasa lebih sikit nak tunjuk hero..
...ada pulak yang ada kuasa tapi 'lembik'..

kita kena ada sorang/pasukan yang kuat bukan harap ketua saja tapi dari peringkat bawahan sampai atas baru menjadi...kuat in sense of mental, agama, iman, etika, peribadi baik n also BERANI..

By PohAuthor Profile Page on February 25, 2009 3:18 PM

Dear Tun,

It was reported last week in the Star papers that the BN MB of Perak and his team has flown to London to seek the advice of a QC. It was also reported that they have found one who has had the experience when he was asked to give advice in some cases in Malaysia before.

To-day it is reported in the Star that he (the MB) was not in London at all! He says that he has been here all the while carrying out his duties as an MB.

Who is telling the truth or who is lying?

Only God can save this country.

Good day Tun.

By bulusAuthor Profile Page on February 25, 2009 3:22 PM

Dear Tun,

banyak sangat kejadian yang pelik-pelik berlaku mutakhir ini. Mungkin dunia sudah sampai ke hujung hayatnya dan mungkin "Tuhan mulai bosan melihat tingkah insan yang selalu bangga dengan dosa-dosa" (Ebit GAde). Kanvas dunia yang dicorakkan oleh warna politik yang berbagai sudah hampir kehabisan ruangnya, apatahlagi corak yang terlakar tidak mengikut kehendak Yang Maha Pencipta. Manusia merasakan bahawa mereka terlalu pandai dalam mengurus dunia sehingga segala arahan dan operation manual yang diberi oleh Penciptanya tidak dirujuk langsung. Lihatlah apa yang dah jadi. Tapi begitulah fitrah manusia...memang mudah lupa. Sebenarnya bukan melayu mudah lupa tapi, "Manusia Mudah Lupa". Yang mengata dan yang dikata semuanya jenis pelupa. Apa yang terjadi di Perak hanyalah sebutir pasir di pantai. Corak politik di Malaysia semakin bercelaru samalah seperti bercelarnya fikiran Tun. Thanks

By khairi aliAuthor Profile Page on February 25, 2009 4:45 PM

Salam Tun, Saya tak dapat ketawa bila kes Perak itu dikatakan lucu. kalau kata keberantakkan, boleh lah saya terima.

Bagi saya inilah akibatnya bila Perlembagaan itu diletakkan sebagai undang-undang tertinggi. Ini satu kuasa 'pelik'. Bayangkan Allah berikan kuasa kepada manusia, dan manusia pula serahkan pada undang-undang... macam sama saja dengan kes menyembah patung! Dalam cereka sci-fi pun, ada tokoh saintis - manusia - yang gila di belakang segala drama yang berlaku! Malah saya ada tulis stu artikel "Bila Perlembagaan menjadi undang-undang tertinggi..." dan rakan-rakan saya nampaknya tak faham, walau pun saya tambah selepas '...undang-undang tertinggi', dengan kata-kata : maka Melayu pun ghaib!

Apa tidaknya keberantakkan: kena pecat pun pakai kereta berlogokan MB, rumah kediaman pun diletakkan rumah MB. Speaker yang hilang kuasa secara otomatik pun masih boleh buat mesyuarat dan arahan... dan mereka yang ada 'kuasa' melihatnya seperti menunggu masa bila durian runtuh!

Tapi ini tidak lagi teruk jika dibandingkan dengan apa yang berlaku dalam dewan Parlimen. Mereka tuduh BN rasis pun dibiarkan dengan penjelasan yang berulang-ulang kerana tuduhan pun berulang-ulang! BN bukan perintah hari ini aje. Dah 50 tahun, dan mereka tidak rasis pun! Sebaliknya menghormati setiap kaum. Si penuduh itulah rasis yang sebenarnya dan jika tidak mahu hidup dalam negara yang menghormati antara kaum ini, boleh belaaaaah la.

By JJJAuthor Profile Page on February 25, 2009 4:46 PM

salam Tun,

saya sokong Source Dewata,

jaga2...Pak Pandir 08 adalah pembelit dan putar alam.Satu acuan dengan idola dia.Saya rasa dia ni menyamar sebagai orang melayu...

Saya cabar Pak Pandir 08 tunjukkan semangat kesetiaan kepada Raja sepertimana termaktub dalam Rukunegara.

Nama samaran Pak Pandir melambangkan tahap pemikiran anda tetapi perangai tak ubah macam Sikitul...

Wassallam

Jeng3

By JJJAuthor Profile Page on February 25, 2009 4:58 PM

salam Tun,

saya tidak berkenan dengan pentadbiran AAB tetapi saya lebih benci dengan gelagat pembangkang yang sanggup menderhaka demi kerana tamak kuasa.

Parti PAS yang ingin saya undi kelak telah menderhaka dan memalukan bangsa saya dengan demonstrasi bodoh jalanan demi mempertahankan kerajaan boneka. Semangat membara tetapi salah tempat! Menjijikkan! Jadi bahan ketawa bangsa lain! Kan jauh lebih afdal kalau semangat sebegini diekspot ke Gaza?

Jangan sampai PR dihumban kelaut pada PRU akan datang gara2 derhaka kepada institusi Kesultanan Melayu.

DAULAT TUANKU!

Jeng3

By mantobaAuthor Profile Page on February 25, 2009 5:00 PM

Tun.

Izinkan.

IPOH: Dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) daripada Pakatan Rakyat hari ini membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendakwa mereka ditawarkan wang sehingga RM20 juta serta jawatan oleh pihak tertentu supaya menjadi wakil rakyat Bebas atau menyertai Barisan Nasional (BN). [+]
15:14 PM

Bolih percaya kah? Atau hanya buat2 cerita nak memburuk kan keadaan politik Perak dan BN. RM20 juta bukan lah sikit duit.

By faudziAuthor Profile Page on February 25, 2009 5:05 PM

Akum TUN

dengar cerita pak lah nak jumpa Ds najib nak bincang soal kedudukan dia selepas letak jawatan nanti. Katanya dia tak mahu lagi memalukan negara dan kerajaan selepas letak jawatan cuma mahu bercucuk tanam sayuran dan main golf.

Elok la tu.. memang sesuai la dengan kebolehan beliau sebagai petani dan makan wang pencen terus main golf hari2. Masa jadi PM pun bukannya rajin dan bagus sangat bahkan merusakkan negara. Lebih baik bercuti dan main golf

Wassalam

By JobsBroadway.comAuthor Profile Page on February 25, 2009 5:55 PM

Setuju dengan housewife. Semua cakap pandai-pandai belaka, tak tahu nak percaya yang mana satu. Kejap report polis, kejap MCCA, Kejap lompat lagi, Kejap pergi UK...hai~

<http://www.jobsbroadway.com>

By ANAKMERDEKAAuthor Profile Page on February 25, 2009 6:00 PM

SALAM TUN,
ISU NEGERI PERAK,LUCU MEMANG LUCU,SEMUA BOLEH KETAWA...JANGAN TINGGALKAN
TANGISAN UNTUK CUCU CICIT KITA SUDAPLAH!
JANGAN BIARKAN KADUK NAIK JUNJUNG MACAM SPEAKER DUN PERAK!
ISU PPSMI,SAYA DAN ADIK2 SEMUA LULUSAN ALIRAN INGGERIS,ADA BEKERJA DILUAR
NEGARA TETAPI TAK PULAK LUPA CAKAP MELAYU,PAKAI BAJU MELAYU,MAKAN SAMBAL
BELACAN,HIDUP DALAM ADAT MELAYU DAN BANGGA JADI BANGSA MELAYU.....TAKPUN
KURANG SEMANGAT KEBANGSAAN KERANA TAHU BAHASA
INGGERIS!
BANYAK PERKARA YANG PERLU DIPERJUANGKAN...LIHAT DENGAN MATA HATI..
WAHAI ANAK ANAK MELAYU...

By pakbelalangAuthor Profile Page on February 25, 2009 6:10 PM

Perak Exco Vacation Allowance Withdrawn

TELUK INTAN, Feb 25 (Bernama) -- The annual vacation allowance of RM20,000 for each of the six Perak State Executive Council (Exco) members will be withdrawn and utilised to overcome the people's problems, said Menteri Besar Datuk Dr Zambry Abdul Kadir.

He said it would not be appropriate for the allocation of RM120,000 to be used as vacation allowance in the wake of the uncertain economic situation currently.

comment:

Congratulations,Zambry. You are in the right track.

Next course of action is for you to dispose of all the present Camry cars for the excos and govt. officers and replace them with Proton cars to be in line with BN govt. policy of supporting the national cars.

Likewise, the Mentri Besar of Trengganu to take appropriate action to dispose of all the Mercedes allocated for the Trengganu excos which had caused a lot of controversy.

It is timely for all the Mentri Besars under BN rule to take necessary measures to trim all the excesses and perks enjoy by their respective exco members considering the gloomy economic conditions that we are experiencing now.

This is the begining of a new era for BN rule state govts. to prove that they are responsible and accountable to the rakyat to ensure the highest integrity and full transparency in the running of the state administration.

By pakbelalangAuthor Profile Page on February 25, 2009 7:03 PM

No Need To Change PM Selection Process - Nazri

KUALA LUMPUR, Feb 25 (Bernama) -- There is no need to change the method of selecting the prime minister, the Dewan Rakyat was told today.

Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz said the present system had ensured peace, progress and political stability for the past 50 years.

"Let me remind you that the selection system is enshrined in the (federal) constitution and not through executive decision.

"As such, the decision whether to change the system lies with Parliament," he said.

He was responding to a question from Gobind Singh Deo (DAP-Puchong) who wanted to know whether the government would remove the system and replace it with that of the United States' presidential election.

comment:

Mengapa anak Karpal Singh ini bawa perkara ini di Parlimen? Apa niat dia. Niat jahat ke?
By FerozAuthor Profile Page on February 25, 2009 7:35 PM

Salam Tun

Sekarang ni Kami dah mula risau ttg pergolakan politik di negara kita, Tun you still the best, kami masih tidak dapat seoarnag yg betul2 berwibawa seperti TUN, TERIMA KASIH, Kerana TUN Negara kita amat terkenal di serata dunia...then now we still need you as our GREAT LEADER....
By FerozAuthor Profile Page on February 25, 2009 7:43 PM

SALAM TUN,

Saya hendak meminta pertolongan TUN, Dtglah balik ke arena Politik, Kami semua perlukan TUN, YOU ARE REALLY A GREAT LEADER, WE NEED YOU... WE ARE LOOKING FORWARD YOU ACTION ON CURRENT SITUATION. I WILL STAND IN FRONT TO SUPPORT TUN AT ANY POINT OF TIME...PLEASE COME BACK..

MENUNGGU KEHADIRAN TUN...

TQ

By my 2 centsAuthor Profile Page on February 25, 2009 7:44 PM

Salam,

Kadang2 saya terfikir kenapa Karpal begitu berani untuk menyuarakan hajat saman sultan Perak. Disebabkan tu, lebih 100 report polis dibuat oleh mereka yg kononnya mendaulatkan sultan. Tapi antara kita sedar atau tak, sampai sekarang langsung takde apa tindakan pun. Kenapa? Maybe tiada peruntukan undang2 untuk mendakwa karpal. Kenapa tak boleh saman? Almarhum YDPertuan Besar NS pun disaman oleh bank. Nak kata derhaka jugak ke? Hmm..dulu pun masa perlantikan MB perak (DS Nizar), karpal bersuara jugak. Dan macam2 desakan n repot polis suruh amik tindakan. Sekarang pun sama...the list goes on...I am not siding him but fikir2 kan lah. Fact is fact. Hanya Allah yang tahu niat sebenar mereka yg buat repot. Dan hanya Allah yang maha mengetahui niat mereka yg terlibat dalam krisis ni. Dan kepada Allah kita berserah mudah2an Malaysia dipimpin oleh mereka yg layak & dijauhkan daripada penzalim dan pendusta. Siapa? Wallahu'alam.

By tallien192Author Profile Page on February 25, 2009 7:48 PM

(Komen ini asalnya ditulis di blog <http://seanlum.blogspot.com/>.)

1. Kerajaan PR di negeri Perak telahpun dijatuhkan. Ini satu hakikat yang perlu diterima semua. Tetapi nampaknya tidak begitu. PR masih berkeras untuk berjuang mendapat kembali kuasa di mana mereka masih menganggap mereka adalah kerajaan yang sah.

2. Bantahan dan konfrontasi berlanjutan sehingga mengakibatkan beberapa tindakan 'unprecedented'

berlaku. Kita telah melihatkan isu ini meletup sehingga satu tahap yang kini sukar mendapat penyelesaiannya.

3. Kerajaan asal Perak memfailkan saman kepada MB Perak mendakwa bahawa kerajaan BN tidak sah; bantahan rakyat terhadap keputusan Sultan Azlan Shah 'memaksa' kerajaan PR meletakkan jawatan secara automatik; rakyat mempertikaikan kesahihan kerajaan BN.
4. Perak kini mempunyai dua kerajaan yang masing-masing mengaku kesahihan mereka sebagai kerajaan yang sah, di mana satu pihak menyatakan mereka dilantik secara sah oleh Sultan dan mendapat mandat memerintah sepertimana yang ditonton oleh semua rakyat melalui siaran langsung di TV, dan satu pihak lagi mendakwa bahawa mereka masih sah sebagai kerajaan di Perak dan terus menjalankan tanggungjawab di kediaman Menteri Besar (kini sudah berpindah keluar) dan melaksanakan 'kuasa' mereka.
5. Pengerusi DAP saudara Karpal Singh mengugut untuk mendakwa ke bawah DYMM Paduka Seri Tuanku Sultan Perak ke mahkamah. Adakah ini bermakna sekiranya Sultan dijadikan defenden, baginda yang berpengalaman sebagai Hakim Besar mahkamah tinggi ini perlu menjawab di mahkamah nanti? Mahupun satu tribunal khas akan ditubuhkan untuk mengadili kes ini?
6. Dan rentetan daripada itu, ia membangkitkan kemarahan orang awam bahawa Karpal Singh telah mencabuli kedudukan istimewa Raja-raja dan hak istimewa orang Melayu. Lebih 100 laporan polis telah dibuat dan demonstrasi-demonstrasi bantahan diadakan. Pemuda UMNO juga mendesak supaya Sultan Perak melarang Karpal jejak ke negeri Perak.
7. Bekas Menteri Besar Selangor Khir Toyo juga disoal siasat oleh polis akibat ingin membuat demonstrasi jalanan (tanpa permit polis) ke kediaman Karpal di Pulau Pinang. Ini juga menyebabkan Karpal menerima ugutan peluru yang meminta beliau berhenti membuat tuntutan yang tidak munasabah. Jika tidak, beliau akan dibunuh.
8. Speaker Dewan Undangan Negeri Perak YB Sivakumar melarang MB BN Datuk Dr Zambry dan 6 orang exco-nya daripada masuk ke sidang DUN masing-masing selama 18 bulan dan 12 bulan. Siva pula memohon perkenan Tuanku Sultan mengadakan sidang khas membahaskan kesahihan kerajaan baru.
9. Kerajaan BN pula menyatakan hasrat ingin menukar Speaker Dewan. Pak Lah meminta MB BN membuat laporan polis terhadap Speaker, yang tidak melakukan kesalahan jenayah atau sivil. Dan semalam, Siva pula disoal siasat oleh pihak polis (saya tak pasti sama ada Zambry yang membuat laporan polis, dan pantas juga tindakan polis dalam hal ini, tapi kenapa tak bertindak ke atas Karpal pula yang mendapat lebih 100 aduan?)
10. Ura-ura mengatakan bahawa BN cuba mendapatkan khidmat nasihat Penasihat Permaisuri England (Queen's Counsel). Perlukah isu dalaman negara, lagi-lagi yang bukannya membanggakan, dibawa menjadi bahan ketawa orang luar negara!!!
11. Semalam, DAP memberi tempoh 48 jam untuk MB Zambry membubarkan DUN. Jika tidak sidang khas DUN akan dipanggil.
12. Tidak lupa juga pilihanraya kecil di Parlimen Bukit Gantang, DUN Sungai Selambau, dan kemungkinan di DUN Bukit Lanjan setelah YB Elizabeth Wong meletak jawatan akibat gambar bogel beliau tersebar.
13. Raja Petra Kamaruddin pula memberi amaran bahawa negeri Selangor dan Kedah akan menjadi masngsa seterusnya seperti di Perak.
14. Saya percaya macam-macam lagi yang mungkin tidak dapat kita jangkaan akan berlaku.
15. Walau bagaimanapun, secara peribadinya, saya berasa bahawa kekecohan ini bermula dari

kesilapan langkah pertama atas kerakusan kuasa. Tindakan Timbalan Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak mengetuai operasi menjatuhkan kerajaan negeri Perak adalah tidak betul dan tidak beretika sama sekali.

16. Sememangnya beliau mungkin ingin meningkatkan profil dan kredibiliti beliau apabila beliau menerima tampuk kerajaan sebagai PM yang keenam daripada Abdullah Ahmad Badawi pada 31 Mac nanti. Tetapi mungkin beliau tidak menjangkakan bahawa tindakan terburu-buru ini telah menyebabkan beliau terheret ke kontroversi dan dilabel sebagai bakal PM yang suka menggunakan taktik kotor untuk menjatuhkan lawan.

17. Yang paling menjadi pertikaian adalah kerelaan BN menerima empat ekor katak yang mempunyai masalah etika. Seekor katak yang melompat dari satu tempurung ke satu tempurung lagi dengan memberi alasan beliau telah jauh dari perjuangan parti timbang dan ingin bersama-sama parti anak bulan. Beliau juga bersumpah tidak akan kembali ke pangkuan parti timbang. Akhirnya lompat balik juga. – PENIPU.

18. Dua orang lagi katak hilang diri dengan alasan sakit di sana sini, mungkir janji di sidang akhbar khas, akhirnya hadir bersama Najib tanpa menunjukkan kesakitan dan boleh bergurau senda. – PENIPU.

19. Manakala seorang lagi katak minah juga pernah hilang diri buat seketika, menyebabkan orang No 1 parti angkasa lepas membuat ugutan mana-mana wakil rakyat yang tidak dapat dihubungi selama 24 jam akan 'dianggap' meletak jawatan ADUN. (Hmmm, apakah mudahnya seseorang wakil rakyat yang dipilih rakyat boleh 'dianggap' letak jawatan sekiranya pucuk pimpinan tak suka. Inilah mungkin terjemahan parti gabungan haram yang belum berdaftar ini, yang akhirnya menyebabkan mereka 'menganggap' bahawa 3 orang ADUN itu telah meletak jawatan.) – PENIPU.

20. Katak minah ini terus kelakar. Selepas itu, ia muncul menerangkan bahawa beliau tidak letak jawatan, sambut Tahun Baru Cina bersama keluarga, kemudian hilang lagi. Pada 4 Feb tengahari apabila dihubungi oleh pemberita, beliau memberitahu bahawa beliau sedang berehat di Kedah. Tetapi beberapa jam kemudian, beliau mengejutkan semua pihak apabila muncul di sidang akhbar bersama Najib dan tiga katak lain. Isunya, tempat sidang akhbar itu di PUTRAJAYA!!! – PENIPU.

21. Barulah saya sedar bahawa rupanya sistem pengangkutan di negara kita telah mencapai tahap begitu canggih! Hanya mengambil masa dua atau tiga jam untuk sampai Kuala Lumpur dari Kedah. Syabas!

22. Yang lagi 'unprecedented' adalah, Raja segala Raja Katak yang pada awalnya mengembar-gemburkan isu lompat-melompat dengan berkata 'We have the numbers', sekarang berdiam diri dan telan balik air liur yang ludah dari mulut sendiri! Raja Katak ini semacam terkilan dengan apa yang berlaku dan tidak mampu berbuat apa-apa.

23. Rentetan daripada semua 'nonsense' ini, kehidupan rakyat banyak terjejas, terutamanya semasa ekonomi dunia yang semakin meleset ini. Rakyat tidak mendapat manfaat daripada projek-projek kerajaan kerana ianya telah terbengkalai akibat peralihan kuasa ini. Rakyat tidak tahu bahawa dasar dan program yang telah dijalankan oleh kerajaan sebelum ini akan diteruskan. Pelabur asing juga mengambil sikap tunggu dan lihat, berhenti membuat pelaburan di Malaysia. (Najib mengaku eksport negara mungkin jatuh sebanyak dua digit)

24. Maka untuk menyelesaikan masalah ini, Dewan Undangan Negeri Perak harus dibubarkan pada kadar paling segera untuk mengembalikan kuasa kepada rakyat. Walaupun saya percaya BN tidak akan bodoh begini mencampak batu ke kaki sendiri kerana mereka tahu bahawa keputusannya nanti sememangnya tidak akan berpihak kepada mereka dan kekalahan sudah pasti. Namun inilah cara paling baik mententeramkan keadaan pada masa ini.

25. Sekiranya ini tidak dilakukan, tempoh empat tahun akan datang adalah begitu sukar kepada kerajaan BN di Perak. PR semestinya akan menimbulkan macam-macam masalah untuk melambatkan kelulusan

bajet dan projek-projek kerajaan yang perlu mendapat kelulusan Dewan. Kerajaan akan lumpuh.

26. Ini bertambah buruk apabila Speaker Dewan melarang MB BN Dr Zambry dan enam orang exco daripada menyertai sidang Dewan masing-masing selama 18 dan 12 bulan. Maka ini bermaksud wakil BN akan bersidang tanpa ketuanya. Kedudukan tempat duduk ADUN juga akan dipertikaikan.

27. Ini pernah berlaku di negeri Selangor apabila ketua pembangkang pada ketika ini ADUN Sungai Pinang saudara Teng Chang Khim (kini Speaker DUN Selangor) dihalau dari Dewan dan meninggalkan hanya seorang wakil pembangkang iaitu ADUN Sekinchan di dalam Dewan.

28. Ada kalanya pelik juga saya melihat, bukankah Speaker hanya merupakan pengerusi Dewan Undangan Negeri yang menjalankan kuasa penyelarasan mesyuarat, kenapa pula beliau berkuasa mengambil tindakan menghukum ADUN tanpa melalui prosiding di DALAM Dewan, yang belum bersidang lagi. Jelas ada agenda di sebaliknya dan saya yakin ini bukan inisiatif Siva tetapi mesti ada dalang yang ajar beliau berbuat demikian.

29. Jika lihat kepada nisbah ADUN sokong BN:PR, iaitu 31:28, apakah ini bermakna bahawa sekiranya 7 orang wakil rakyat BN ini dilarang menyertai sidang Dewan, tambah dengan tiga orang ADUN yang 'dianggap' meletak jawatan, maka nisbah BN:PR sekurang-kurangnya untuk 12 bulan akan datang akan menjadi 21:28. Dan ini juga bermakna bahawa sekiranya kesemua ADUN PR hadir di setiap sidang dan mengambil sikap untuk terus tidak mengakui kerajaan BN sekarang, dan membantah segala usul yang dibentangkan, maka sidang Dewan ini akan lumpuh sama sekali.

30. Lebih membimbangkan sekiranya PR membangkit usul-usul yang boleh menjatuhkan BN seperti mengusulkan untuk membuat undi tidak percaya kepada MB dan kerajaan BN, kemenangan pasti berpihak kepada PR kerana 'They have the numbers'.

31. Ataupun sekiranya selepas 18 bulan, 7 ADUN kembali ke Dewan, dan 3 ekor katak masih dilarang masuk Dewan, nisbahnya akan jadi 28:28. Bagaimanakah kerajaan BN akan dapat bertahan dan melaksanakan tanggungjawab dalam keadaan begini?

32. Tambahan, katakan dua orang lagi ADUN BN rasa bersalah dan melompat parti lagi atau bertukar pendirian menyokong PR, adakah ini bermakna kerajaan negeri Perak akan beralih tangan sekali lagi. Akhirnya, nasib rakyatlah yang menjadi percaturan dan dipermainkan oleh politikus yang tidak bermaruah ini.

33. Wahai BN, apabila sudah tersilap langkah pertama, dengan menerima katak-katak tsunami, BN telah memperangkapkan diri. Seharusnya, Najib patut berunding dengan YB katak ini dahulu dan mengajak mereka membuang undi tidak percaya kepada MB Nizar semasa sidang Dewan bermula. Dan senario pada hari ini mungkin tidak akan berlaku.

34. Nampaknya Najib tidak belajar daripada ayahanda beliau Tun Abdul Razak apabila Tun Razak menjatuhkan bekas MB Selangor Datuk Seri Harun Idris melalui undi tidak percaya pada tahun 1976, walaupun mereka sama-sama dalam satu parti UMNO.

35. Saya juga ingin menekankan bahawa Najib TIDAK BERHAK SAMA SEKALI MERAMPAS HAK DEMOKRASI RAKYAT NEGERI PERAK.

36. Abdullah tak mampu, Najib tidak bersih, Anwar tidak jujur. Rakyat sudah serit dan tidak percaya kepada pemimpin negara. Zaman Abdullah telah tamat, kini zaman Najib dan Anwar. Tapi rakyat memang tidak dapat lupakan bahawa kedua-dua pemimpin ini sedang menghadapi pelbagai tuduhan dan skandal. Apa boleh kita lakukan? Berdiam diri? Berdemonstrasi? Entah!!!

37. Kesian rakyat... Timbang-timbang lah...

By MR BrainAuthor Profile Page on February 25, 2009 7:51 PM

selepas pilihan raya umum tahun lepas politik di malaysia semakin memualkan,ops...silap....selepas anwar ibrahim dibenarkan bergiat semula dlm arena politik....politik di malaysia semakin memualkan,meloyakan dan amat memelikkan....ahli2 politik lebih gemar berebut kuasa dr membantu rakyat yg merupakan tugas utama mereka...sepatutnya org seperti anwar ini tak sepatutnya dibenarkan berpolitik semula...dia hanya mementingkan cita2 utama politiknya iaitu ingin menjadi PRESIDEN of REPUBLIC MALAYSIA...dia akan melakukan apa saja termasuk menyingkirkan sultan @ agong jika perlu utk memastikan cita2nya tercapai

By Teik ChunAuthor Profile Page on February 25, 2009 7:54 PM

Tun,

Melayu secara sistematik dan terhormat telah dipinggirkan di Singapura.

Modus operandi yg sama sedang berlaku di Penang.....Bijak...bijak

Satu lagi Tun...di Pahang (saya pun tak perasan) rupanya yg menang ketua bahagian semuanya mempunyai kelayakan akademik yg rendah, kualiti peribadi yg substandard. (macam mana lah nak dilantik jadi Menteri, Timbalan, SU Parlimen nanti...) Kesian orang Pahang...Tak ada calon sangat kah...Pahang dah tak ada Profesional dan berkelayakan PhD gamaknya dalam UMNO. PAS bijak atur strategi...berlonggok2 calon berkelayakan.

Pemimpin PAS bukan main close lagi dengan budak2 universiti. yg diluar negara pun mereka pegi lawat. strategik semua tu....UMNO mana ada buat macam tu. Tok Pa tu bagus, pegi jumpa student di luar negeri humble aje...bijak, tajam pikirannya. tak ada pulak orang nak sokong dia. Tak ada duit gamaknya....???Hehehehehe kesian.....

satu hal lagi Tun...TV3 semenjak 2 menjak ni napa fokus kat Penang n Selangor aje....dapat publisiti free MB ngan KM tu. Tapi nampaknya dua orang tu memang cemerlang nak dibanding MB lain2 negeri. Beza tul ngan Kir Tuyo dulu. Rata2 rakyat suka...la saya rasa. kabur cerita yg jadi kepala kepada 2 hamlau tu adalah Brother Anwar Bin Ibrahim (yg petah kelentong dan mengencing orang, sampai syikhul azhar pun habis hancing di kencing nya).

Aduh....aku rakyat terbanyak jadi keliru...mana Ontologinya, Epistemologinya, Objectivism atau Positivism, Inductive dan deductivenya, qualitative dan quantitativenya....atau triangulation kan saja agar rakyat tidak jadi mangsa keliru....yang tah bila bernoktah...

Tanjung Bungor Negeri Pahang

Lahir pendekar Bijak Laksana

Jasa ditabur orang tak kenang

Alang dibiarkan tidak berguna

By Mohd FariedAuthor Profile Page on February 25, 2009 8:28 PM

Salam Tun dan Toh Puan,

saya dan keluarga saya merasa bosan dengan politik tanah air,

ada yang kata keadaan politik sekarang "banyak cakap" dan amat membosankan. Tak ada hasil, takada perkembangan yang hendak kita bagitahu atau kita banggakan di luar negara. Dulu orang luar pandang tinggi pada kita rakyat Malaysia yang aman dan makmur dan maju. Sekarang ape jadi? Huru hara sana sini, undi lagi, undi lagi, pilihanraya sana sini...habis duit rayat disitu aje.

Tun saya minta Tun menonjol dan turun padang ke pada rakyat jelata, cerita kisah sebenar....ape yang benar.

Sedih saya lihat negara saya ini...

Tolong lah Tun...

By galaks85Author Profile Page on February 25, 2009 8:40 PM

Salam Tun,

Saya bangga dengan pemerintahan Tun berbanding sekarang.

patutnya dari dulu lagi Pak Lah letak jawatan macam yang

Tun cadangkan. Sekarang jadi apa pada negara??? orang pun meluat tengok kes di Perak ni.

Memburukkan imej UMNO yang telah tercalar akibat dari Pak Lah sendiri.

By rams609Author Profile Page on February 25, 2009 8:41 PM

Dear Tun,

The stupid got ' stupider '. But are we not surprised?! He's been a blurr from the beginning and it shows even clearer each time he tried to use his brains.

Take good care Sire!

rams609

By PembelaAuthor Profile Page on February 25, 2009 9:00 PM

Assalamualaikum Tok Det,

1. Mohon Tok Det tidak hanya tunggu dan lihat sahaja.
2. Tok Det dirayu terus mengkritik dan menegur dengan lantang anak-anak Melayu yang sedang berantakan sesama sendiri.
3. Tok Det telah mewariskan keberanian dan kebijaksanaan mengatasi masalah orang Melayu dan negara dengan bekesan.
- 4 Sikap tunggu dan lihat bukan cara Tok Det.
5. Mohon Tok Det teruskan Perjuangan Yang Belum Selesai.

MOHON TOK DET TERUS MENKRIK DENGAN TEGAS DAN PEDAS!!!

MOHON TOK DET TERUS MENEGUR DENGAN LANTANG!!!

Anakmu....your die hard supporter

PEMBELA

<http://pembelamelayu2009.wordpress.com/>

By kijangAuthor Profile Page on February 25, 2009 9:30 PM

Hoi ParpuKari,

Hang Mamak, tak layak nak cakap pasal Melayu. Hang bukan Melayu. Orang cakap pasal lain hang cakap pasal lain. Tun tak sentuhpun pasal Anwar. Hang yang pergi putar belit. Memang dasar Mamak.

By bulusAuthor Profile Page on February 25, 2009 9:30 PM

Assalamualaikum wbt Tun,

Saya bukanlah dari jenis yang suka membaca sebenarnya, tapi dalam setahun tu ada juga baca 5 - 10 buah buku, jadi antara buku yang pernah terbaca oleh saya ialah " Raja Beruk dan beruk-beruknya",

"Shit", Malay Delima" dll...suasana politik di Malaysia pun sebenarnya telah digambarkan dengan lebih tepat dalam buku-buku tersebut berbanding dari berita perdana di TV1 atau Buletin Utama di TV3

mahupun dari ucapan yang keluar dari mulut pemimpin sendiri. Dari sekecil-kecil isu sehinggalah isu

hidup dan matipun sanggup diputar belit oleh pemimpin politik di Malaysia. Pernah juga terdengar oleh saya bualan di kedai kopi " Hanya Al-Quran yang tak boleh diubah", undang-undang buatan manusia senang aje nak di ubah. Bila ada wakil rakyat BN lompat parti, sibuk nak buat undang-undang halang lompat parti, tapi bila berlaku sebaliknya semuapun diam... Beginilah, saya pernah dengar cikgu saya kata bahawa undang-undang yang dibuat oleh manusia itu penuh dengan kelemahannya dan paling ketara ianya akan dibuat untuk memberi kepada manusia yang mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang tersebut. Tapi sejak dari bangku sekolah rendah lagi rakyat Malaysia diasuh untuk memertabatkan undang-undang buatan manusia. Jadi rasanya natijah dari hal tersebut semakin dapat dirasakan sekarang ini. Tun, kembalikan Malaysia kepada undang-undang Allah, pasti semuanya selamat kerana itu jaminan oleh Allah swt. Timah bukan Perak, tetapi perak adalah Malaysia. Pemimpin-pemimpin politik jangan pulak terlupa bahawa mereka bukanlah hero, mereka hanya diberi peluang oleh rakyat untuk menunjukkan bakat kepimpinan mereka itu selepas terhegeh-hegeh menawarkan diri agar dipilih sampai sanggup memberi rasuah. Rasanya amalan sedemikian tidak dihalalkan dalam Islam... Terima Kasih Tun...

By orgkgAuthor Profile Page on February 25, 2009 9:32 PM

Ybhg. Tun,

Polis masih kekurangan pegawai dan anggota untuk menangani jenayah. Disamping itu Polis juga menjadi sasaran kritikan oleh ahli politik untuk kepentingan politik mereka. Polis dipergunakan sepenuhnya untuk mendapat publisiti politik.

Sana sini buat laporan Polis diatas sesuatu isu politik, sedangkan memadai dengan satu laporan Polis sudah mencukupi untuk Polis menjalankan siasatan. Sepatutnya orang politik tahu tatacara siasatan Polis kerana mereka yang membentang dan membahar sehingga undang-undang itu diluluskan. Orang yang mempunyai maklumat mengenai fakta sesuatu kes itu seharusnya tampil memberi keterangan kepada pasukan penyiasat dan bukannya membuat laporan Polis diseluruh pelusuk negara. Perbuatan seperti itu telah mengganggu siasatan Polis kerana terpaksa meneliti dan mengesan orang yang membuat laporan. Siasatan lewat diselesaikan Polis juga yang menjadi sasaran kritikan.

Kesian, tengok Polis yang sering menjadi sasaran orang-orang politik yang berparti mahupun bertopengkan NGO. Sampai bila perkara seperti ini akan berakhir.

Berilah peluang kepada Polis menjalankan tugas hakiki mereka iaitu menangani jenayah, ketenteraman awam dan keselamatan negara.

By acomAuthor Profile Page on February 25, 2009 9:38 PM

Permisi Tun,
Blogger budiman'

Speaker sivakumar sepatutnya menjalankan tugasnya dalam ADUN sahaja,
Dia dilantik sebagai speaker apabila mb telah dilantik oleh Sultan.

Bidang kuasanya sepatut tidak sampai meliputi overuling titah sultan.

Ahli exco dan mb geng nizar telaH DILEnyapkan oleh kegagalan mereka mendapat mandat majoriti adun.

TeTapi siva jahat, dia purpose ly buat zambry and the geng tidak boleh masuk dewan untuk bersidang dan membawa apa isu yang menentukan ia nya berpihak ke BN. Itu tatik kotor dia, dia bias, diasepatut nya saksama dalam menjalankan tugas sebagai speaker

By nadiaAuthor Profile Page on February 25, 2009 10:23 PM

assalamualaikum Tun Mahathir yg sy syg....moga2 sehat dan sntiasa bahagia ngan isteri tercinta..... semenjak Tun x memimpin negara kita lagi...mcm2 sudah terjadi....seperti yg kita sedia maklum....Tun membawa pembangunan kepada Malaysia..dan mambawa Malaysia ke mata dunia..sy bersyukur sbb dapat juga merasai kepimpinan Tun selama 18(sbb sy lahir thn 84).tp sedih nye pd remaja dan kanak serta generasi akan dtg...xkn dpt lagi merasai pemimpim sebagus Tun di negara ini....smasa sy menaip komen nie...sedih sgt rasa ati ni....Tun sudah seperti ayah sy...Tun sudah sehati di dalam ati sy....sy takut generasi akan dtg...terutamanya yg berbangsa melayu...merempat di tanah air sendiri krn kejahilan mereka tntg penting nye bangsa melayu bersatu dan mempertingkatkan antara satu sama lain...kebanyakkan remaja skrg..xambil pusing tntg penting nye untuk mengundi..bg mereka..itu sumer buang masa sbb xjega mngubah ape2 tntg idup mereka...Ya Allah...sedih bl mereka ckp cmtu....

By caravanseraiAuthor Profile Page on February 25, 2009 10:34 PM

The joke on us
The government we elected
Rules and laws
The ruling elites waltz around

The ordinary voters
They aren't wanted
Once the votes are cast
We are history
No value but say it is democracy

I voted in Perak
Though I am from Selangor
The way the affairs going on
It masks of kids playing hide and seek
Will the honest politicians come forward?

Perak Constitution
Follow the rules
Yet the greed of power
Conveniently forgets
Perakians get annoyed
We are not consulted

Still the playing behind backdoors
Dangling millions and positions
The 3 'friendly independents' hide
They are afraid dare not show faces
The perception of allegedly of wealth and promises
The coffee shops talking about

The joke on us
The way the leaders fight
No gentleman warfare
Back stabbing ala Brutus
Will democracy survive?
By pakbelalangAuthor Profile Page on February 25, 2009 10:46 PM

Umno Will Be More Dynamic After Power Transition

KUALA LUMPUR, Feb 24 (Bernama) -- Umno will become more dynamic after its leadership transition in March and the change is needed to win back grassroots support, especially among the younger generation.

This was the view forwarded by two Umno vice president aspirants; Umno Supreme Council (MT) member Datuk Seri Syed Hamid Albar, who is also Home Minister, and Risdan chairman Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik when they appeared as panelists in the "Hujah" programme aired live on the TV9 television channel, Tuesday night.

Syed Hamid said the power transition was necessary because with the changed political situation in the country, reforms were needed in Umno so that that the party could regain the confidence of the people especially the youths.

comment:

It is too early to say whether UMNO will be more dynamic after the power transition. It all depends on whether some of the deadwood, haprak and HP6 leaders still manage to cling on to power after the transition.

If they are still around then there will definitely be no change to UMNO's image. It will be as haprak as before and you will see UMNO going to rot much faster.

In order to reform UMNO, there must be full commitment by the new leadership to clear all the sins committed by Pak Lah's weak leadership quality and follow Karpal Singh's advice to "bertaubat".
By masterchiefAuthor Profile Page on February 25, 2009 10:57 PM

Assallam...Tun

As I have mentioned earlier, there is a certain understanding between Anwar and Pak Lah over the issue of ruling this country. Till this very day I still cannot understand why Pak Lah release Anwar the moment he came into power. Besides being an idiot and messes up what you have built for us and Malaysia. He got greedy and refuses to address the real issue of Malays in Malaysia unlike you did. little can be said about my respect to him as a person m=not to mention my disgust with him as a PM. I know that the you are qually dissapointed and disgusted over the current affairs which is not only over the PERAK issue but other areas such as economy and well being of Malaysia. For example, whne he created the plan on Economic Corridors, he did not plan the implementation is totality as how you would as I have known.

Please continue with your crtics as a watchdog for the wrongdoings.

My prayers for you and family. Wasallam
By KSAH '80Author Profile Page on February 25, 2009 11:10 PM

CHAOS = a state of extreme confusion and disorder

Dear Tun and all Chedet Blog readers,

We are now facing the worst political turmoil in the history of our Country. The malays are no longer united. We (Malaysian) are caught in between and do not know who to rely on. Even the Sultans are caught in this political situation. The current economic is not getting any better and the worst is yet to come. What are they (Our "wakil Rakyat") doing? They are more concern about protecting their seats.

It all bogs down to the present leadership. Is he in control? I personally don't think so.

Why is the current situation only happens after AAB to over as PM? The answer is so obvious. I believe all of you have been repeating his weakness and wrong doings over and over again.

I personally don't care if our leaders are corrupted (Please tell me which leader is not?) as long as they are in control. (If they want to practice corruption, that's between them and god.) What I want to see is my Country to prosper, equal opportunity for all and a peaceful nation.

I strongly believe in Tun Mahathir's style of leadership. He is always in control, forward thinking and a man with a vision. He has proven himself, and I find him as the greatest and most respectful leader of all time.

By the way, what is this I hear about making AAB a Senior minister after he steps down in March. Haven't we had enough of his crap??? I would rather have Tun Mahathir as the Senior Minister anytime!!!
By wan roselanAuthor Profile Page on February 26, 2009 1:23 AM

DEAR TUN,

THE WISDOM DOES NOT BELONG TO A MAN BUT TO TOO MANY NOW, BUT ONLY WHO SUBMIT TO ALLAH IS THE REAL WINNER. AT PRESENT NOBODY WOULD LISTEN TO THE WISDOM SINCE SO MANY HAS INTERPRETED LAWS IN ACCORDANCE TO WHERE THEY BELONG TO, ALL BECOME LAWYER, ITU SINGH KAPAL TENGGELAM PUN SUSAH MAU CARI MAKAN.

ELIZABETH IS INNOCENT BUT THE GUILTY IS THE PEOPLE WHO DEFENDING HER. JUST LET HER GO AND LET'S POLITIC TO TAKE IT COURSE. SOMEBODY MISTAKE DO NOT NECESSARY WRONG TO CERTAIN GROUP, THAT IS POLITICS. THE DUO ADUN IN PERAK WAS DEFENDED BY PKR EARLIER, THEY WERE TRAPPED BY BN TO GET ANWAR DURING PERMATANG PAUH. BUT HOW COME THE TWO PELANDUKS HAVE ENTERED WILLFULLY OR WILDFULLY INTO THEIR VERY OWN CLAIMS THAT WAS A JERAT, DOESN'T MATTER ANY MORE. BUT FOR SURE NOT FOR GOOD REASONS, THE TRAP WAS SO SOLID UNTIL THEY CANNOT ESCAPE. BUT THEY THEMSELVES TO BE BLAMED AND IF PKR HOLD THE RIGHT PRINCIPLES, IT WAS A BLESSING FOR THE DUO TO HOP TO THE OTHER SIDE. AND PITY TO BN TO BRING CANCER INTO THEIR BLOOD.

TO TGNA DON'T TRY TO DEFEND THE WRONGS, YOU ARE ONLY HURT ISLAM TEACHINGS. THIS IS THE BURDEN THAT CARRY BY PAS TO ASSOCIATE WITH ALL THOSE HYPOCRITES.

TUN YOU ARE ALSO PART OF THOSE MISTAKES; LEAVING UMNO WITHOUT CHARISMATIC LEADER. YOU HAVE GROOMED ANWAR BUT TO THE REASON THAT ONLY KNOWN TO YOU, THE SHOW DOWN AND FALL DOWN HAS BECAME HISTORY UNTIL YOUR GOODS HAVE BEEN COVERED BY THIS VERY MISTAKE. SINCE THEN HAS REEMERGED WITH NEW ACTORS BUT STILL WITH OLD TRICKS, THE JUSTICE HAS DERAILED AND DISCOURSED UNTIL NOW IT'S DIFFICULT TO BRING BACK ITS CREDIBILITY.

DUNIA INI HANYA PINJAMAN HATTA SESAAT PERNAFASAN ADALAH EHSAN YANG ESA. LET'S VISIT THE TRUE ISLAM.COM WHERE MANY CHRISTIANS AND JEWS CONVERTED INTO ISLAM BECAUSE THEY FOUND THE TRUTH IN ISLAM BY BEING BLIND THEIR EYES FROM LOOKING AT THE MUSLIMS. ISLAM DO NOT RESEMBLE BY THE MAJORITY OF MUSLIMS. THEY GET DRUNK, WOMANIZER, CHEATER, CORRUPT BUT ONCE A YEAR STILL CELEBRATING EID FITRI EVEN THOUGH THEY ARE NOT FASTING DURING RAMADHAN AND HARDLY PRAY.

TQ SIR,

I LOVE YOU AND PROUD OF YOU AND WILL BE THE HAPPIEST PERSON IF YOU COULD LEAD US AGAIN BUT TAKE ISLAM AS THE REAL PATH.

WRM

By pakbelalangAuthor Profile Page on February 26, 2009 1:26 AM

Review Criteria For Choosing GLC Chiefs - Anifah

KUALA LUMPUR, Feb 25 (Bernama) -- A government backbencher has urged the government to review the criteria for choosing candidates to head government linked companies (GLC).

Datuk Anifah Aman (BN-Kimanis) said this was to ensure that the post of chief executive officer (CEO) at GLCs were filled by those academically qualified, have wide experience to meet the challenges posed by the economic downturn.

"The government is fond of appointing young professionals to run the business conducted by GLCs. Most are in their 30s or early 40s and consider themselves financial experts. This is based on their qualification as accountants and having studied at famous world universities.

"They are handpicked by the political leadership to manage public corporations like Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia, Sime Darby and other giant companies," he said when debating the Yang di-Pertuan Agong's address in Dewan Rakyat here on Wednesday.

Anifah said a review of the criteria was necessary as the professionals helming GLCs were not businessmen and thus lacked business management skills.

"This not the case for world class business leaders like Tan Sri Teh Hong Piow (Public Bank), T. Ananda Krishnan (Maxis) and Tan Sri Azman Hashim (Kumpulan Ambank).

"They have shown their skills in business management which the GLC chiefs can learn and follow."

He praised the Petronas management for making the GLC one of the most profitable oil companies in the world and was shocked to hear rumours that there could be a change of the Petronas top management.

"I hope this is not true. If there is to be a change, then it must done to the management of GLCs that are making losses," he added.

Anifah also questioned the choice of Tenaga CEO and president Datuk Seri Che Khalib Mohamad Noh as CEO Of The Year 2008 organised by Business Times recently due to its erratic performance last year and the first quarter (Q1) of 2009.

"They (Tenaga) were said to be doing well but posted losses of RM944 million for the quarter ending Nov last year. For the quarter ending Aug 31, 2008, Tenaga posted losses of RM282.9 million."

He said the government should not only re-evaluate its choice of candidates for the post of CEO at GLCs but also how it gave recognition for effective leadership.

"I fail to understand the criteria as to how a company led by the country's best CEO can post huge losses," he added.

commnt:

A very good reminder to the government.

Yes, what a joke giving recognition to a CEO whose company posted huge losses.

I think Hassan Merican should continue to remain at the helm of Petronas. Yes, I heard strong rumours that Hassan Merican and a few top management of Petronas would be asked to step down.

If this is true it could be the work of 4th floor stooges. The Oxford Connection headed by Kay Jay and gang!!

By haiAuthor Profile Page on February 26, 2009 1:38 AM

Tuanku,

Patik pacar yang hina (Dulu, Kini dan Selama-lamanya) ke bawah duli Tuanku;

1. Penjenayah di Perak adalah yang lompat katak (wakil rakyat yang tiada kualiti), tamak habuan (perasuah) dan perampas kuasa (biadap dan penderhaka) tanpa mengikut peraturan termaktub.
2. Kuasa rakyat Perak di perlekehkan sehingga tiada dapat daulat sepatutnya.
3. Rakyat Perak hilang daulat dan dikeji serta dihina dan miskin papa kedana.
4. Rakyat Perak telah dipaksa menerima Menteri Besar(MB) "BN" yang pelik dengan tiga penasihat bertaraf EXCO dan "EXCO-EXCO" penting dibolot MB? ha ha ha...he he inilah TIMAH BUKAN PERAK.
5. Rakyat Perak tiada kebebasan demokrasi dan hanya setia MEMBABI BUTA, bahlol dan menurut perintah.

6. Kemanakah arah tuju rakyat Perak yang telah hilang panduan kerana Penjenayah?

Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun patik mohon ke bawah duli Tuanku,SELAMATKAN
KEDAULATAN RAKYAT PERAK!

By anak georgetownAuthor Profile Page on February 26, 2009 2:25 AM

Ayahanda Tun sekeluarga, assalamualaikum.....

1. Selepas PRU12 aduan polis terhadap Karpal Singh berkaitan kes menghina Sultan Perak telah dibuat oleh beberapa individu tetapi sehingga hari ini masih tiada sebarang keputusan.

2. Terkini, berpuluh - puluh aduan telah dibuat berkaitan kes yang sama walaupun senarionya berbeza. Tidak mustahil banyak lagi aduan akan dibuat selepas ini berkaitan kes yang sama.

3. Malangnya sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil oleh pihak yang berkuasa. Adakah tugas pihak yang berkaitan ini terutamanya polis hanya setakat menerima aduan sahaja?

4. Sampai bila siasatan demi siasatan perlu dijalankan. Rakyat tertunggu - tunggu keputusannya terutamanya diperenggan 1 yang telah lama berlalu.

5. Adakah Karpal Singh kebal sehingga tiada peruntukan undang - undang yang boleh diambil terhadapnya.

6. Nak tanya banyak - banyak pun bimbang juga, nanti Pak ISA dok tunggu. Maklumlah sekarang ini banyak benda yang pelik - pelik berlaku. Nanti saspak terlepas, pengadu kecewa tetapi yang bertanya pula masuk ke dalam. Oooooopppppssss,terlajak pula. Maaf.

7. Pohon Ayahanda Tun atau mana - mana pakar undang - undang atau pihak berkuasa memberi komen tentang hal ini.

8. Sentiasa berdoa semoga hasrat suci perjuangan Ayahanda Tun tercapai dan era kecemerlangannya dapat disambung oleh anakandanya Datuk Mukhriz.

By peterAuthor Profile Page on February 26, 2009 2:39 AM

Dearest Tun,

What we are seeing now is how our so-called PM being reduced to that of a CIRCUS MASTER!with all the clowns in Perak acting out the comedy.

What they don't realised is that in 4 more years, the comedy will become the greatest tragedy. The like of which no Greek tragedy could match!!

Tun, let us all sit back and watch!

May the Almighty God watch over these clowns!!

By enicomAuthor Profile Page on February 26, 2009 3:25 AM

Salam Tun, para pembaca dan terutama sekali "hijaumuda"

1) Saya pun anak Perak lagu si "hijaumuda" cuma loghat bahasa kita berbeza sikit. Kami tang ni dok pakai loghat Utara dan di rumah, cakap bahasa orang Rawa kita (dulu kami pernah hangpa sebut sebagai "Melayu Mendatang" kerana kami mai dari Sumatera. Cakap lagu "kome-kome" tak mainlah dan "Kejor Yop Kejor", sebenarnya budak Yop tu tak larat nak hambat....dok hisap gam aje!

2) Keputusan PRU 12 jelas sekali message nya. Ramai rakyat Perak dah bosan dengan UMNO/BN tapi waktu yang sama, tidak pula memberi mandat penuh kepada PR di Perak. Biaq pi-lah kita tengok apa perubahan2 yang boleh PR bawa kepada Perak dan BN pula dok-lah diam2 sat. Biar BN urus peringkat Federal dan PR kat Perak. Ni dak, bukan sibuk nak pulihkan ekonomi negara tapi dok kalut nak berkuasa di Perak.

3) Buatlah perangai, mai nanti PRU 13, UMNO/BN kelebok! Habaq mai sat empire mana or parti politik mana yang dalam sejarah kekal sampai hari ni? UMNO? Adoi! Mana ada UMNO yang lama tu (UMNO Lama), kan di declare haram dan yang ada la ni actually UMNO Baru. Pengasas and President Pertama nya siapa lagi kalau bukan Pak Det kita. Tapi apa dah jadi kat dia? Pecen aje oghang tua tu, ramai2 pakat pulau dan suruh dia dok diam2, pi main dengan cucu2nya. Tok sah sibuk nak bagi pandangan atau pendapat. Theory "Rahman" tu saya antara percaya dan tidak (mana pi Syed dari Janda Baik tu? Lama tak dengar apa2....saya syok juga baca buku2 dia. Saya beli, bukan minta free) tapi yang jelas pelik sungguh nasib bekas2 PM Malaysia. Kecuali Tun Razak, yang lain2 bila dah pencen....bukan orang UMNO lagi. Tun Mahathir, masa dia jadi PM, orang2 dia punyalah puji punyalah "jack" tapi bila dah out, out sungguh no! Nak bersuara pun tak ada ruang. Last2 pi lah jadi blogger. Tu pun sat aje...dah kena "banned". Mau tak mau dia pi beli server sendiri.

4) PRU 13....hmmmm! Antara Najib dan Anwar, nak pilih yang mana? Kalau ikut theory "Rahman", Najib-lah huruf "N" nya tapi Anwar pun boleh juga kalau kita panggil dia "Nuar". Bukan senang nak pilih pada saya. Saya mau PM yang ibarat kain putih bersih. Najib pi mai pi mai mencurigakan....Altantuya. Nuar pula depa kata suka makan sup cinonging. Tun, kalau hang larat lagi, mai-lah tubuh satu parti baru. Actually ramai orang yang ada "Semangat UMNO Lama" ready keluaq dari PKR dan PAS kalau adanya sebuah parti alternatif.

5) Tolonglah hangpa semua berhenti dok bergaduh dan concentrate pulihkan kedudukan ekonomi negara. Oh ya, hijaumuda....hang dok sembang pasal askar-lah, polis-lah kat Perak ni. Hang tau tak, kem tentera paling besaq di Perak cuma 10 minit dari rumah saya (dulu kawasan setinggan aje) dan Kem ISA, cuma 5 minit. Sembang pasai depa apa gahnya? Hang ingat semua orang2 gomen boleh percaya sangat? Kita bukan tau apa yang depa pangkah masa mengundi dulu. Mungkin "PakBelalang" boleh tolong tilik.

6) Tak lama lagi pilihanraya kat Bukit Gantang. Kalaulah saya ni kaki bertaruh, mau rasanya pi bergadai bergolok dan bet RM 20,000 atas calon dari PR. Nak bertaruh kat BN, saya tak berani kerana Bukit Gantang dah-lah kawasan Melayu dan depa ramai dok taram kat BN. Saya kalau nak betting, dah tentu pi check betul2 sentimen kat grass-root level kerana depa ni-lah yang akan pi mengundi...bukan mat-mat & minah-minah yang di import mai dari luar untuk memancing undi. Nak autar dengan propaganda murahan sorry-lah, nama aje Bukit Gantang tu kawasan kampung tapi mak datuk!....had tua2 pun terror pakai Internet. Pak Aji umur 62 ada laptop dan dok access Internet secara wireless dari surau! Tun....nak beli tak server baru (buat standby kut2 server Tun yang ada ni rosak)? Kalau nak beli, pi pinjam sat kat oghang rumah and place your bet on PR. Kalau Tun menang based on my tip, upahnya mudah....huloq2 lah kat saya mana2 buku2 yang Tun dah baca. Saya pun nak baca tapi tak cukup duit nak beli. Kat Library Awam cuma ada buku2 merapu aje. Bukan boleh tolong kita jadi lebih pandai, lagi bodoh ada (al-maklum...buku2 antik aje).

By kimmia02Author Profile Page on February 26, 2009 7:30 AM

Assalamualaikum YBHG Ayahanda Tun,

Saya mula2 membaca blog Tun sejak hari pertama diperkenalkan. Sehingga sekarang, saya berfikir langkah PM skrg dalam mentdbir negara adalah tidak betul. Kini semua orang berani mempertikaikan ketuanan melayu, dan hak bumi malah raja kita pun dipijak oleh orang yang buta sejarah. Saya adalah peguam. Di kelantan, kalau kita lihat, daripada 10 org peguam hanya 1 yang betul2 faham melayu dan sejarah negara(perjuangan UMNO). saya cukup sedih. Tun tidak sepatutnya bersara sebagai PM kerana pengganti Tun skg amat lemah. Lihat lah apa yang berlaku sekg. Pembangkang sudah melampau. Saya berharap Datuk Najib akan memperbaiki kelemahan demi survival UMNO dan negara. Dan juga bakal PM akan mengambil kira pandangan orang tua dalam UMNO dan kerajaan sebelum membuat keputusan penting termasuk pandangan TUN.

By icucu tok buyungAuthor Profile Page on February 26, 2009 7:59 AM

Tun.

Petikan lapuran dari Parlimen.

Copy & paste.

KUALA LUMPUR 25 Feb. - Ahli Parlimen DAP Bukit Mertajam, Chong Eng menggesa kerajaan membenarkan penggunaan pelbagai bahasa termasuk Mandarin dalam urusan pentadbiran agensi kerajaan.

Ini lah DAP telah pun menunjukkan sikap dan agenda sebenar mereka. Mereka akan terus untuk berusaha menjadikan Malaysia ini sebahagian "Corridor China". Mereka langsung tidak ada sensitivity dan semangat kebangsaan kenegaraan sebagai rakyat Malaysia yang bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan.

Saya pernah pergi Taiwan,tapi saya tidak lihat pun ada bahasa lain seperti bahasa Inggeris digunakan dalam urusan tadbir kerajaan nya. Apa pulak logik nya kerajaan nak gunakan bahasa lain selain bahasa Melayu dalam urusan pentadbiran kerajaan Malaysia.Jika perkara ini akan dilaksanakan kerajaan,sudah tidak ada apa2 beza nya Malaysia, S'pore, Taiwan,Macau atau Hong Kong. Semua akan di lihat sebagai sebahagian negara China kerana telah menggunakan bahasa ini sebahagian dari bahasa rasmi nya.

Cadangan DAP itu langsung tak masuk akal dan keterlaluan dan melampau.

"Dah bagi betis nak peha". DAP di lihat sengaja cuba membakar semangat kaum nya.

Lepas ini PAS akan syor pulak kerajaan gunakan bahasa Arab dalam urusan tadbir kerajaan. MIC minta pula bahasa Tamil di gunakan dalam urusan kerajaan. Apa semua ini? Mereka ingat ini Pesumbur atau rojak Penang ke?? "Mamak suma taruh eh!!.."

Tak ada akai punya MP Bukit Mertajam.

By AlibabamahathirAuthor Profile Page on February 26, 2009 8:19 AM

Dear Yang Berasuah Datuk Sri Najib Timbalan Perdana Menteri,

You bribe ADUNs from Perak as reported by Bernama.

Malaysia Accept Corruption and Commissions MACC received the public complaints as reported by Bernama but MACC also accepted rasuah from Barisan Rasuah headed by Yang Berasuah Najib.

But Yang Berasuah will take over as Perdana Menteri. Malaysia will have Yang Berasuah as Perdana Rasuah.

Malaysia can forget about having PM but start having a PR for Perdana Rasuah.

By IaniAuthor Profile Page on February 26, 2009 8:29 AM

kpd -anwar ibrahim ,a samad said,dan penentang yg lain,
assalammualaikum,

saya nk anak saya pandai bercakap menulis membaca dan mengira dlm english. saya juga nk anak saya belajar english dlm math dan sains di samping itu saya juga nk anak saya pandai dlm bahasa melayu iaitu bahasa ibunda dan keturunan saya.

saya tahu apa yg baik utk anak saya.jgn gelapkan masa depan anak saya.

jgn pikir utk kepentingan diri sendiri .kami rakyat tahu apa MOTIF ANDA.

umur pun dh tua pikirlah hari akhirat.dunia hanyalah tempat persinggahan akhirat jugalah tempat yg kekal abadi.

diharap mesej ni sampai kpd anda.

sekian wassalam.

bapa prihatin

By aku.melayu13mei69Author Profile Page on February 26, 2009 10:07 AM

SORONG PAPAN TARIK PAPAN
BUAH KERANJI DIDALAM PERAHU
SURUH MAKAN DIA MAKAN
SURUH MENGAJI DIA TAK TAHU (TAHU KAH AKU?)

simboliknya bahasa melayu pantun lama mengusik jiwa ..
tatkala pemimpin baru menukar yang lama ..
ibarat bulan jatuh jatuh ke riba ...
sang 'perwira baru' kononnya ..
mengabdikan diri katanya ..
untuk melayu rumpun bangsa ..
menghambakan diri pada tuk ketua lidahnya bercabang dua ..
dusta semata ..
mengikut telunjuk penglipur lara ..
disuruh bersuara diam pula ..
tapi berkata tanpa bicara tanpa melihat siapa kita ...?

yang berkata ,
aku.melayu

By kamal ahmadAuthor Profile Page on February 26, 2009 11:00 AM

Now playing at your nearest cinema:

सिंह राजा है Singh is KING!

सीसा अभिनेता Lead actor : Karpal Singh

संगीत द्वारा Musical score by: Anwar Ibrahim

बॉक्स ऑफिस फिल्म 2009 Box Office Movie for 2009!

In full cinema scope. सिंह राजा है Singh is KING!

Subtitle in English, Bahasa Melayu & 粤语.

Brought to you by Kamal Ahmad & Co. Papadam Kerala India.

By hemsterAuthor Profile Page on February 26, 2009 11:17 AM

salam tun,

ini sy amik petikan dari surat terbuka yang ditujukan kepada tun..bukan lah sy hendak menyokong apa yang diperkatakan.lanya hnyalah untuk makluman tun..Cuma apa yg saya ingin katakan orang kita TAK SUKA PANDANG KEHADAPAN..Saya hnya memiliki SPM dan mendapat 8E dalam subjk bahasa inggeris,sekarang terasa sukar dan malu kerana tidak dapat menguasai bahasa tersebut.Saya berharap anak bangsa khususnya org melayu tidak pandang sebelah mata terhadap penguasaan bahasa inggeris,jadikan ianya sebagai bahasa kedua untuk kita berjaya..Diharap kita semua terima apa yang dilaksanakan kerajaan untuk menjayakan penguasaan bahasa inggeris.Demi masa depan akan datang..salam

25

Feb

09PPSMI: Surat Terbuka Kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad

Kepada Pengerusi Yayasan Kepimpinan Perdana Tun Dr Mahathir Mohamad. Salam sejahtera dan semoga sihat sahaja. Saya menulis surat kepada Tun kerana ada banyak hal yang kita perlu muhasabahkan bersama.

Sebagai umat Islam yang mengaku menjadi umat Muhammad s.a.w, kita mestilah sentiasa memperbaharui taubat.

Saya menyeru diri saya sendiri termasuk Tun dan kepimpinan Melayu Umno dulu, kini dan selama untuk sama-sama bermuhasabah mengenai sejauhmanakah kita telah berusaha memperbaiki taraf hidup

Melayu, Muslim dan bangsa Malaysia seluruhnya.

Mutakhir ini, kita melihat keadaan yang membimbangkan. Khir Toyo mula menyerang Elizabeth Wong dan Tan Sri Khalid Ibrahim. Saya dapat menghidu semua ini. Selepas kes Eli, maka gambar mereka berdua disiarkan di Agenda Daily. Memang tepat.. Khir Toyo akhirnya menyerang Khalid pula.

Rakyat tahu bahawa saat menjelangnya Perhimpunan Agung Umno, Khir Toyo cuba menonjolkan dirinya sebagai 'bakal' Ketua Pemuda dengan cara menunjukkan kejaguan beliau menghentam parti lawan.

Walhal, apa salahnya mengorbankan lembu-lembu untuk rakyat. Beliau mengelak daripada memandu kereta rasmi, sebaliknya menggunakan kereta sendiri. Apa salahnya menggunakan peruntukan itu untuk 'maintenance' kereta peribadinya sendiri?

Kalau watak Khir soleh dan warak sangat, tanya semula anak-anak Selangor di Al-Azhar dan Timur Tengah yang terpaksa mengikat perut kerana sukar mendapat peruntukan wang zakat. Banyak betul kalau kita mahu bahaskan hal-hal hipokrit manusia yang bergelar pemimpin ini.

Rakyat tahu, pemimpin Umno rasa cemburu dan iri hati dengan kemenangan Pakatan Rakyat. Hal ini terpaksa diakui oleh Khir sendiri. Siapa suruh beliau menghadihkan penyapu kepada salah seorang kakitangan bawahannya?

Wanita-wanita yang teraniaya

Sejarah menunjukkan, sesiapa yang menganiyai wanita-wanita di dalam sesebuah negeri, maka kerajaan mereka bakal diterbalikkan oleh Tuhan.

Kita sama-sama anak Kedah. Langkawi bukan asing kepada kita. Pulau itu pernah ditimpa musibah akibat menghukum Mahsuri tanpa proses keadilan yang benar-benar telus. Sebelum meninggal dunia, Mahsuri bersumpah: "Langkawi menjadi padang jarak padang tekukur selama 7 keturunan!"

Doa orang yang teraniaya, khasnya wanita itu jangan kita buat main. Tidak lama sesudah itu, Langkawi diserang dan dilanggar dengan kejarnya.

Anak perempuan Sang Rajuna Tapa dibunuh sultan tanpa diteliti dosa-dosanya, isteri Laksamana Bentan Megat Seri Rama dibunuh cuma kerana mengidam buah nangka raja. Semua ini contoh-contoh klasik.

Bagaimana pula dengan contoh-contoh moderen dan pasca-moderen berhubung kaum wanita yang terbunuh tanpa keadilan ini?

Wanita berdoa menggunakan hati dan perasaan. Kaum Adam menggunakan pemikiran. Sebab itulah doa kaum wanita lebih mudah dimakbulkan Tuhan. Marilah kita lihat dan bermuhasabah, sudah berapa ramaikah wanita-wanita yang terbunuh di dalam negara kita mutakhir ini.

Kita mungkin lupa nama Mustakizah. Contoh popular ialah Altantuya of Mongolia. Tunggulah azab Tuhan. Najib masih belum menerima pembalasan.

Tapi, mereka ini semuanya dilantik dan terangkat ketika tuan menjadi Perdana Menteri. Tun juga mesti bertanggungjawab termasuk rakyat yang mengangkat Najib melalui undi-undi mereka.

Keadilan sukar ditegakkan bagi kes-kes ini. Mereka sedang ghairah di puncak kekuasaan. Jadi, sebelum kita menyeru anak-anak didik kita bermuhasabah, marilah kita bermuhasabah mengenai hal-hal yang sedikit ringan. Apa kata Tun, untuk kali yang pertamanya, kita berbicara mengenai isu PPSMI ini?

Menjadi amalan khalifah terdahulu, mereka kerap bermuhasabah. Tapi, dalam realiti sekarang akhbar-akhbar boleh juga menjadi saluran, sumber peringatan kepada sang pemimpin untuk kembali membetulkan kesilapan mereka.

Hari kematian Tun makin hampir

Tiada siapa yang dapat menduga ajal seseorang. Mungkin Tun akan meninggal dunia esok, lusa, minggu ini, minggu depan, bulan ini atau bulan depan. Kita tidak tahu bilakah maut datang menjemput.

Dan, saya juga risau, jika usia muda saya direnggut sekarang, maka tidak sempatlah saya sampaikan peringatan kepada tuan berhubung maksud kehadiran surat ini.

Maka, sebelum terlambat.. Saya rasa perlulah saya menyampaikan peringatan kepada Tun berhubung isu-isu yang pernah Tun lakukan sepanjang pemerintahan sebelum ini.

